

PENYATA RASMI

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUABELAS

Hari : **18 November 2008 (Selasa)**

Tempat : **(Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)**

Jam : **9.30 Pagi.**

HADIR

Speaker (Y.B. Tuan Abdul Halim bin Hussain)
Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri
Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin) –
Timbalan Ketua Menteri I.
Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) –
Timbalan Ketua Menteri II.
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Jamaludin bin Hasan)
Penasihat Undang-undang Negeri (Y.B. Puan Faiza bt. Zulkifli)
Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Dato' Supiah bt. Md. Yusof)
Ahli Kawasan Machang Bubuk (Y.B. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan
Speaker
“ Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)
“ Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
“ Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng)
“ Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang)
“ Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh)
“ Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang)
“ Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)
“ Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi)
“ Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai)
“ Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee)
“ Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
“ Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik)

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)
“ Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)
“ Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
“ Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)
” Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee)
“ Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen)
“ Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)
“ Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan)
“ Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)
“ Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)
“ Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)
“ Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)
“ Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)
“ Pinang Tunggai (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin)
“ Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
“ Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
“ Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)
“ Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria)
“ Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TURUT HADIR

Encik Ezmil Arif bin Mohd. Khairan - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

TIDAK HADIR

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman)

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Doa.

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula. Kita akan sambung Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dan Usul Anggaran Pembangunan 2009. Ya, Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan bajet belanjawan kita kali ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah berjaya membentang bajet 2009 Negeri Pulau Pinang.

Dalam perbahasan ini, saya tidak berhasrat untuk menyentuh angka-angka bajet yang dibuat kerana ianya telah di bahas dengan panjang lebar oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya yakin semuanya dibuat dengan teliti dan diambil kira kemampuan kita dengan sebaik-baiknya. Dari perbahasan-perbahasan yang dijalankan selama sehari yang diikuti, saya ingin menyarankan supaya kita terus meningkatkan pendekatan mendidik dalam pengurusan dan pentadbiran negeri kita. Mendidik yang dimaksudkan ialah proses penerangan dan perbincangan kepada para pemimpin dan rakyat. Menyampaikan maklumat kepada pemimpin dan rakyat ianya boleh dilaksanakan melalui sesi-sesi musyawarah, majlis-majlis forum, dialog dan kursus-kursus, boleh melalui sebaran, pengumuman dan boleh juga menerusi media cetak dan suara yakni radio dan TV. Mungkin di tahap ini, kerajaan kita sudah perlu menerbitkan akhbar harian sendiri, tanpa bergantung dengan akhbar harian biasa atau sebaran radio dan TV sendiri. Di setiap dewan orang ramai dalam negeri ini harus dimanfaatkan dengan majlis-majlis tersebut.

Majlis-majlis perbincangan, majlis-majlis penerangan. Pada setiap minggu, setiap isu dan projek yang hendak dilaksanakan harus dibentangkan atau disampaikan sesempurnanya kepada semua lapisan masyarakat supaya apabila rakyat faham sesuatu rancangan yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan, mereka akan sedia membantu, turut memelihara atau sekurang-kurangnya mereka tidak merosakkan segala rancangan kita yang amat baik dan mahal itu. Apabila para pemimpin faham akan suasana kewangan kerajaan kita, mereka boleh turut merancang perbelanjaan negeri kita dengan penuh berhikmah, bertanggungjawab dan mengutamakan yang lebih perlu. Kita tidak boleh selama-lamanya, seolah-olah memberi ikan saja kepada rakyat.

Pihak PUZ dan JKM umpamanya tidak boleh berhenti setakat memberi bantuan sahaja. Kita perlu juga menjemput ahli-ahli keluarga mereka untuk menjelaskan keadaan dan mendidik mereka rasa bertanggungjawab kepada diri sendiri, ibu bapa dan kaum keluarga seterusnya masyarakat dan Negara. Hari ini kita meninjau dalam kawasan kita, bukan kerana mereka itu terlalu miskin tetapi adalah kurang diberi perhatian oleh kaum keluarga dan anak-anak. Jadi sehingga dalam kes baru-baru ini, ketika banjir di satu tempat di tempat kita di kawasan kita, ada ibu yang ditinggal dalam basah yakni air masuk rumah, anak-anak lari pergi ke lain, ibu yang lumpuh tidak diselamatkan. Jadi kita ketuk-ketuk pintu, rupa-rupanya ada orang. Jadi kita fikir macam itu punya terjadi juga dalam masyarakat kita. Jadi, ini maknanya kurang kefahaman atau pun didikan kepada masyarakat kita. Berbanding hari ini masyarakat kita telah dijangkiti sikap nafsi-nafsi seolah-olah anak-anak tadi berdoa supaya bila emak dia hendak mati. Jadi, tidak sepatutnya berlaku benda-benda yang macam itu sehingga ke hari ini. Sehingga ibu bapa sendiri pun tidak dipedulikan, inikan pula harta Negara dan negeri yang kita harap, ramai-ramai pakat-pakat turut jaga. Kita kena mendidik mereka betapa bahagiannya hidup berdikari berbanding sentiasa mengharapkan subsidi. Apabila rakyat dididik dengan rasa bertanggungjawab betapa baiknya tangan yang di atas daripada tangan yang asyik menerima dan mengharapkan bantuan maka akan menjadikan mereka akan lebih produktif, berdikari memajukan diri dan negeri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Selalu kita dengar ada Program Kepedulian Ibu Bapa dan sebagainya. Adakah Y.B. Sungai Bakap juga ingin mencadangkan supaya Program Kepedulian Masyarakat juga diperkenalkan?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya. Kita setuju dengan program itu maknanya kita pelbagaikan lagi apa juga program yang boleh menyampaikan maklumat, mendidik masyarakat hingga membantu diri sendiri, malah masyarakat seterusnya negeri, kita akan laksanakan. Kita pohon supaya supaya orang-orang yang terlibat memberi perhatian dalam perkara ini. Jadi kita tidak guna buat bangunan tinggi-tinggi, cantik-cantik, orang tidak faham di perosak. Zaman kecemerlangan Islam dahulu bukan kerana bangunan-bangunan tinggi yang mencakar langit dan ramai rakyat keluar universiti bukan kerana ramai orang keluar universiti tetapi adalah kejayaan dari segi pendidikan. Rasulullah s.a.w. telah mendidik sahabat-sahabatnya sehingga terhasil sebagaimana yang diungkapkan oleh Allah s.w.t dalam Surah Al-Asr, ayat 9 (Ayat Al-Quran). "Mereka tidak mendengki, iri hati terhadap apa yang diperoleh oleh rakan-rakan mereka dan mereka sentiasa mengutamakan rakan-rakan mereka, lebih daripada mereka, diri mereka sendiri."

Terjadi juga dalam kisah sesebuah peperangan di mana seorang yang cedera parah meminta air. Dalam sesebuah peperangan ada yang tercedera parah minta air. Ketika air sampai ke mulutnya, terdengar seseorang lagi meminta air, maknanya ada seorang lagi pun cedera juga, lalu disuruh diberikan air itu kepada rakan tersebut. Apabila air sampai ke bibirnya tiba-tiba terdengar ada pula yang lain meminta air. Maknanya tiga orang maka disuruhnya hantarkan air itu kepada orang tersebut dan apabila air sampai kepada yang ketiga terdengar orang pertama meminta air lebih keras lagi. Maka orang ketiga suruh hantarkan kepada rakannya yang pertama. Ketika air sampai kepada orang pertama belum sempat diminum beliau telah meninggal dunia, lalu di bawah kepada orang kedua, belum sempat diminum beliau juga meninggal dunia. Begitulah seterusnya terjadi kepada yang ketiga. Akhirnya ketiga-tiga rakan tadi tidak minum air tersebut akibat mengutamakan rakan-rakan.

Tidak seperti kehidupan masyarakat kita hari ini, bukan seolah-olah hendak batu kawan malah kalau boleh semua hak kawan hendak dikautnya. Zaman tersebut, pemimpin sentiasa mengutamakan rakyat, zaman kegemilangan yang kita maksudkan itu. Peniaga sentiasa mengutamakan kebajikan pengguna, orang-orang kaya sentiasa memerhatikan penderitaan orang-orang miskin tetapi zaman kita semua bergantung kepada kerajaan. Semua peringkat atau lapisan rakyat seolah-olah ingin mengambil kesempatan di atas kemajuan negeri dan Negara. Semua peringkat atau lapisan rakyat seolah-olah ingin mengambil kesempatan di atas kemajuan Negeri dan Negara.

Saya pernah terlibat dalam menjadi Pengerusi Pungutan Zakat beberapa tahun yang lalu. Di satu kampung kita pungut itu sikit sahaja tetapi yang angkat tangan sanggup hendak menerima punya ramai. Semua *claim* kata guru Al-Quran, ajar tiga orang anak dia sendiri pun guru Al-Quran juga. Jadi begitulah kita punya sikap, perlu didikan. Kalau rakyat faham dengan segala perancangan baik Kerajaan dan penat jerih para pemimpin mengusahakan kemajuan ini, mereka akan turut memelihara kejayaan dan kemajuan ini. Tidaklah terjadi seperti apa yang terjadi di mana kita mengeluarkan jutaan ringgit untuk membina satu projek tiba-tiba projek semahal itu dileburkan oleh penagih-penagih dadah sahaja. Dia orang ambil jual tidak berapa kupang, yang kita keluar belanja jutaan ringgit. Tidak seperti yang kita lihat atau dengar dalam berita-berita setiap hari. Zaman Khalifah Omar Abdul Aziz semua rakyatnya bukanlah kaya-kaya belaka tetapi jarang yang sudi menerima pemberian orang, seolah-olah kalau kita bawa hendak beri jadi tidak ramai yang sanggup hendak menerima. Mengapa jadi begitu kerana mereka itu kaya dari segi hati dan peribadi.

Begitu juga kalau kita jumpa dalam kampung kita si polan, si polan kita tahu di rumah dia tidak ada pokok nyiur, kita tahu dia lama tidak makan gulai atau sayur santan, kita pelawa dia nak ambil nyiur, dia kata tak apalah, dia sanggup makan sayur cermin, istilah orang kampung tidak payah bubuh santan, begitu kaya peribadi dia. Yang kita ini pula miskin peribadi kaya harta. Semua orang ingin menyelesaikan masalah sendiri di zaman Khalifah Umar Abdul Aziz, hidup secara sederhana, berbelanja mengikut kemampuan. Hasilnya masyarakat hidup aman bahagia dan kisah kejayaan mereka dikenang hingga ke akhir zaman. Apa yang kita hendak sebut-sebut di zaman dia melainkan apa yang tidak ada di zaman kita. Hal ini serupa dengan hal anak-pinak kita juga. Jika mereka dididik dengan baik dan faham dengan kemampuan ibu bapa mereka tidak terlalu bergantung kepada kita. Kadang-kadang kita hendak beri duit sekolah pun kita tahu kelmarin kita beri RM4 hari ini kita hendak bagi lagi, "ada duit kah?". "Ada dah" kita tahu dia berjimat, dia tahu bapa dia susah, ini hasil didikan tetapi kalau kita tidak didik dengan baik tiap-tiap hari dia minta lebih daripada itu lagi, dia menyusahkan kita. Bukan bererti kita hendak beri dia susah atau pun dia lapar tetapi demikian saling faham memahami. Mereka berdikari dan sentiasa kasih dan melindungi kita. Jika ke tahap ini mampu kita berkongsi maklumat bersama rakyat, mereka faham keadaan yang berlaku.

Sejarah masyarakat dan hala tuju pentadbiran Negeri kita, banyak perkara yang boleh diselesaikan terutama kewangan negeri boleh dijimatkan kerana tidak banyak berlaku kerosakan akibat kecurian, vandalisme dan sebagainya. Kita buat sekali tahan sampai bila-bila, jadi tidak payah kita keluar belanja tiap-tiap kali. Tiap-tiap kali ada laporan hilang tudung longkang lah begitu dan begini. Tidak banyak berlaku pembaziran akibat perancangan yang tidak berhati-hati dan ikut kehendak sendiri, juga tidak ramai tenaga yang perlu digunakan kerana semua orang boleh mengambil bahagian. Masalah undang-undang, masalah pegawai dan sebagainya ini sebenarnya kerana terlalu sedikit orang yang ingin bekerjasama. Jadi sebab itu kita perlu berkeras, kita perlu mencari banyak pegawai, 500 rakyat kita kena cari seorang anggota Polis, mengapa susah begitu sekali, padahal kalau kita semua boleh jadi macam zaman dulu, seorang Pak Long sahaja duduk dalam kampung, sebuah kampung itu senyap kerana menghormati orang yang macam itu. Jadi tidak payah tiap-tiap simpang kena ada pegawai, tiap-tiap malam kena ada peronda kerana pencuri masuk kampung, taman kita dan sebagainya. Ini maksudnya menjimatkan belanjawan kita terutama dalam konteks masyarakat akar umbi kita hari ini, JKKK boleh memainkan peranan.

Mereka ini bersedia untuk berkhidmat kepada kita sekarang ini sejauh yang saya menjelajah bertanya khabar, berbincang “mai kita buat sendirilah, mai kita buat sendiri, lambat sangat duk tunggu yang itu, yang ini Ustaz”. Mereka panggil ustaz pada saya. “Ustaz bawa mesin satu, mesin tebang satu, mesin rumput dua, alat kimpalan itu kita buat sendirilah. Paip-paip besi jatuh di mana kita kimpal sendiri”. Kalau kita menunggu pihak orang kata Majlis Perbandaran datang, hilanglah besi itu. Hari ini longgar, esok orang curi terus, lepas itu kita kena fikir belanja untuk membangunkan benda yang hilang dan rosak itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

Penjelasan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Ya, Silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

Adakah Yang Berhormat Sungai Bakap bermaksud Kerajaan Tempatan MPSP, MPPP lembap dalam mereka mengambil tindakan terhadap rungutan oleh masyarakat.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Bukan maksudnya hendak buat tuduhan begitu melulu. Kita pun sedia faham, kerja banyak tetapi maksudnya kalau kita boleh bantu sendiri dia orang boleh menjimatkan tenaga, boleh tumpu perkara yang lain, ya jadi begitu. Jadi dia orang pun banyak urusan, banyak kerja kekangan itu kekangan ini. Kita minta tong kita faham habis stok dan sebagainya, tetapi kalau orang kampung boleh faham tidak apalah. Kita carilah raga-raga sayur mana, kita bubuh sementara, boleh faham yang ini, kalau faham tidak ada masalah. Dia tidak merungut hendak beban kita, hendak *call* kita setiap hari masalah itu masalah ini, jadi maksudnya begitu. Jadi cuma harapan mereka juga bagi kerja dekat kita lebih tu berilah elaun lebih sikit, elaun apa tu? Elaun JKKK kita ini, bagi berbaloi sebab kita hendak buat kerja siang malam, matilah, sakitlah, longkang pecahlah dan segala macam. Jadi timbangkan elaun, saya kata insya-Allah saya akan sampaikan, jadi begitu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

Penjelasan, penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Ya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

La berapa elaun dok dapat, Pengerusi dapat berapa, setiausaha dapat berapa, Ahli Jawatankuasa JKKK berapa, hendak minta tambah banyak mana pula tu?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Jadi sekarang ini sikit sangat, malu dekat orang lama, Pengerusi RM200, Setiausaha RM150, Ahli-ahli lain mai satu mesyuarat RM10, itu pun dengar kata RM10 sebulan sekali apa hendak mesyuarat, bagilah mesyuarat banyak kali sedikit sebab hendak merancang banyak kerja, kalau mesyuarat 10 kali pun tidak apa bukan hendak pergi mana, jadi RM10 sebulan maknanya kita minta sebab kita tahu jentera kita di peringkat akar umbi itu mereka tidak tahu buat projek lain, mereka ikhlas dan kalau kita tahu mereka hendak buat projek lain kita pecat, ambil orang lain, jadi begitu, mereka tumpu betul-betul. Sebab itu kita berharap pihak yang berwajib akan memikirkan hal-hal ini supaya bila mereka boleh

bergerak bekerja dengan begitu sempurna di peringkat masyarakat, ini menolong kita membantu kita. Kalau ini dapat dilaksanakan insya-Allah jutaan ringgit kewangan negeri dapat dijimatkan seterusnya boleh dimanfaatkan kepada pembangunan yang lebih mampan dan seimbang. Jadi kita fikir maklumat ini tidak penting, tetapi sebenarnya maklumat ini yang paling membantu dalam perbelanjaan. Kalau semua orang faham kita boleh bayang ada orang pendapatan RM600 boleh hantar anak sampai ke Universiti. Ada orang lain sampai RM1600 tidak boleh buat apa pun pasal dari segi perbelanjaan, dari segi perancangan dari segi faham memahami sesama anggota keluarga.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker, menyentuh soal “amal makruf nahi mungkar.” Saya ingin mengambil bahagian dalam hal ini setelah saya meneliti dengan cukup teliti. Sebenarnya tidak ada silapnya amal makruf nahi mungkar dari segi slogan atau pun petikan. “Amal makruf nahi mungkar”, amal ini ertinya kerja, “kerja makruf cegah mungkar.” Kalau itu hendak buat slogan tidak ada masalah atau pun kalau saya kata tidak silap kerana tidak ada petikan ayat ke berapa, kalau ada petikan ayat sekian-sekian bunyinya amal makruf. Ini tidak betul, tidak ada petikan ayat. Atau pun kalau pun ia merupakan petikan ayat, maksud ayat amal makruf nahi mungkar, menyeru kepada makruf mencegah kepada mungkar. Makruf ini memanglah asalnya ia mengarah kepada bukan sekadar pelaksanaan kerja malah keyakinan hati yakni keimanan, akidah tetapi tidak bererti orang bukan Islam tidak boleh mengguna pakai atau mengambil manfaat benda yang baik kerana tidak ada satu dalam Islam ini hanya untuk orang Islam. Yang dalam Islam ini hak punya Allah Taala. Allah turunkan di dunia ini untuk diambil manfaat untuk semua makhluk, cuma sehingga kita hendak memaksa mereka untuk yakinlah bahawa makruf itu hak punya Tuhan kena yakin Tuhan itu Allah, itu “Laiqra hafiddin” ...(bahasa Arab), tidak ada paksaan, tidak boleh kita paksa sesiapa hendak beriktikad dengan Allah. Begitu juga dengan ketakwaan kepada Tuhan, kenapa dia tidak katakan ketakwaan kepada Allah. Kalau dia kata ketakwaan kepada Allah, baik dia masuk Islam. Sebab itu dia kata ketakwaan kepada Tuhan, jadi begitu. Jadi apakah silap? Tidak ada silap, semua orang boleh mengambil manfaat. Mungkin perkara-perkara orang kata makruf atau takwa ini perkara baru yang dicetuskan bagi kita tetapi sebenarnya banyak lagi perkara yang telah diguna pakai. Kalau kita kaitkan kata makruf itu, takwa itu dikaitkan dengan Allah Subhanahu Wataala dikaitkan dengan keimanan “Attakwa minal Iman” ...(bahasa Arab) ada lagi “Assabrun minal Iman, Annadhofatu minal Iman”(bahasa Arab) maknanya sabar sebahagian daripada Iman, tetapi oleh kerana perkataan sabar selalu dok guna sabarlah, sabarlah kita tidak boleh kata “ *You* bukan orang Islam, tidak boleh cakap sabar, sabar ini untuk orang Islam punya”,

tidak boleh begitu, semua orang boleh guna pakai sabar, “nadhofah”...(bahasa Arab) yakni bersih cuma kita tidak guna perkataan “nadhofah”(bahasa Arab) kita guna bersih. “Annadhofatu minal Iman, Assabrun minal Iman” jadi begitu, ertinya tidak ada halangan, boleh diguna pakai. Saya ingin mengetengahkan ini supaya kita tidak terjadi seperti apa yang diungkapkan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam surah At-Taubah Ayat 32 (Ayat Al-Quran) ertinya “Mereka mahu padamkan cahaya Allah dengan mulut mereka” Kita bimbang saya takut kalau kita sebar sana sebar sini sehingga benda yang baik berhenti. Benda yang seolah-olah Nur Allah itu berhenti, kita takut dikatakan Allah kepada kita begitu “Kamu cuba hendak memadamkan Nur Allah dengan mulut-mulut mereka” tetapi Allah tidak mahu melainkan menyempurnakan cahayanya.

Jadi mungkin kita sebelum ini kurang mengetengahkan perkara-perkara itu seolah-olah kita ini ingin menyepikan begitu tetapi hari ini Allah telah hantar kepada kita ada orang lain yang mahu mengetengahkan. Ini kerja Allah, kerja Allah dia tidak kira, siapa pun yang mahu mengambil manfaat, Dia akan bersama dengannya tetapi bukanlah bererti kita kata Allah akan bersama dengan orang bukan Islam, tetapi banyak perkara yang orang bukan Islam telah melakukan perkara Islam. Saya ingat ada tertulis di dalam buku Malik bin Madi menyebut tentang “Nasib baik aku masuk Islam aku tidak tengok orang Islam, aku masuk Islam kerana aku baca, kalau aku masuk Islam aku tengok orang-orang di Mesir, perasan tidak jadi masuk Islamlah kerana orang Islam di Mesir tidak melakukan Islam. Dalam perkara berebut naik bas, dalam perkara dok culas tak mahu bayar duit tambang tetapi terdapat Islam di negara bukan Islam seperti di Britain kita kata, di sana boleh letak surat khabar di situ. Orang kata letak duit ambil surat khabar, cuba bubuh di sini macam itu tengok. Orang naik atas bas, ada orang lebih tua diberi peluang duduk, yang orang muda bangkit. Ini semua disiplin benda-benda yang baik yang dikehendaki oleh Islam tetapi tidak diamalkan oleh orang Islam. Di Iran umpamanya di setiap *bus stop* itu ada tabung. Saya ingat tabung pos baca-baca “Suldup As sadaqah”, peti derma. Tiap-tiap orang turun dari bas lebih duit syiling bubuh, ini dia punya tiang, tetapi kalau di sini tiang besar itu pun kena tebang. Ini pasal kurang maklumat kurang fahaman, kurang amalan Islam. Jadi jangan kita kluatir apa-apa yang baik yang disarankan semoga kita dapat manfaat supaya benda yang baik ini boleh dikongsi bersama, mungkin kita teralpa, kita ketinggalan benda yang baik begitu, kita cuai sedikit, maklumlah manusia ini memang mempunyai kelemahan sendiri. Saya rasa sekadar itulah, Y.B. Tuan Speaker dengan ini saya mohon menyokong bajet belanjawan yang dibentangkan oleh YAB Ketua Menteri. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya Ahli Kawasan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Y.B. Tuan Speaker, saya bangun bersama-sama untuk mengambil bahagian di dalam pembentangan belanjawan yang telah dikemukakan oleh YAB Ketua Menteri pada hari Jumaat yang lalu.

Y.B. Tuan Speaker, kalau kita dengar Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan bajet ini adalah bajet kebajikan tetapi kalau kita renung betul-betul bajet ini sebenarnya bukanlah bajet kebajikan sebenarnya ia adalah satu bajet yang hanya memberikan perhatian kepada golongan tertentu sahaja dan mengetepikan golongan-golongan yang lain. Kita ambil contoh bajet yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM8.5juta kepada sekolah-sekolah, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Menengah Persendirian Cina, Sekolah Mubaligh. Saya tidak nampak kenapa kepada Sekolah Kebangsaan tidak disediakan bajet, Sekolah Rendah Kebangsaan tidak sediakan, kenapa diketepikan golongan ini, kalau kita bercakap Sekolah Agama Rakyat itu memang tanggungjawab Kerajaan Negeri tiap-tiap tahun Kerajaan Negeri menyediakan bajet untuk Sekolah Agama Rakyat, ini tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi Sekolah Kebangsaan Rendah Jenis Kebangsaan yang lain diberi peruntukan tetapi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang lain diberi peruntukan tetapi di Sekolah Kebangsaan tidak diberikan peruntukan, mengapa diketepikan. Kalau kata kebajikan kita bagi semua, kenapa kita ketepikan golongan ini, Sekolah Kebangsaan banyak kalau hendak kata kerana Sekolah Kebangsaan mendapat bantuan daripada Kerajaan Pusat, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina juga mendapat bantuan yang banyak daripada Kerajaan Pusat. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil juga mendapat peruntukan yang banyak, kita ada peruntukan bantuan modal setiap tahun kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, bantuan per kapita kepala murid pada setiap tahun, bantuan khas, bantuan pembaikan dan sebagainya. Semua bantuan diberi sama macam mana Sekolah Kebangsaan dapat semua sekolah lain juga dapat. Sekolah Rendah Kebangsaan sekarang semua juga diberi buku teks percuma tidak ada dikecualikan, tetapi dalam Kerajaan Negeri kenapa kita meminggirkan, kita mengetepikan pelajar-pelajar untuk Sekolah Kebangsaan. Adakah ini dikatakan kebajikan, saya rasa kita telah mengetepikan satu golongan dalam masalah penyediaan bajet peruntukan oleh Kerajaan Negeri ini. Saya tidak tahu apa tujuan dan maksud Kerajaan Negeri mengetepikan bantuan kepada Sekolah-Sekolah Kebangsaan. Jadi saya harap kalau boleh kita kalau menyediakan bajet kita berilah semua rakyat mendapat keadilan, mendapat kesaksamaan dalam pengajian supaya semua pelajar-pelajar di Negeri Pulau Pinang ini dapat kita bantu. Begitu juga dengan perhatian kepada masalah-masalah lain, kita bercakap tentang kebajikan, kita bercakap(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Penjelasan...(dengan izin). Y.B. Tuan Speaker, saya rasa tidak betul apa yang diperkatakan oleh Y.B. daripada Sungai Dua dalam cadangan bajet yang dibuat oleh YAB Ketua Menteri memang dalam pecahan peruntukan yang mengikut jenis sekolah ada peruntukan yang dibuat untuk Sekolah Menengah Rakyat, di muka surat 26 kalau kita ada salinan pembentangan bajet tersebut mungkin Y.B. daripada Sungai Dua terlepas pandang seperti biasa. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih tetapi saya ingat *you* tidak betul-betul dengar apa yang saya kata. Saya kata peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat memang itu tanggungjawab kerajaan, setiap tahun kerajaan kena bagi. Jadi kalau kita masuk pun memang itu tanggungjawab tiap-tiap tahun kena bagi, apa yang saya tahu tekan di sini Sekolah Kebangsaan tidak diberi, tidak ada langsung peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Kebangsaan, kenapa Sekolah Kebangsaan dipinggirkan ... (gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Adakah Y.B. dari Sungai Dua bersetuju bahawa adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk memberi peruntukan untuk Sekolah Kebangsaan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Memang Kerajaan Pusat telah memberikan peruntukan kepada semua sekolah. Tidak ada dipinggirkan, Sekolah Rendah Kebangsaan Cina saya kata tadi, Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil, bantuan modal diberi, bantuan per kapita diberi, bantuan pembaikan diberi, bantuan-bantuan khas dan dari masa ke semasa diberi. Apa yang saya persoalkan sekarang Sekolah Kebangsaan tidak diberi, pasal apa?.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Y.B. Sungai Dua. Saya ingat Y.B. Sungai Dua ini tidak faham bahawa kriteria utama kita pakai di sini ialah sekolah bantuan modal dan sekolah bantuan penuh. Memang saya menerima ada juga sekolah bantuan penuh dalam senarai itu tetapi ke perincian ini belum dibuat lagi, bagaimana kita agihkan peruntukan-peruntukan kepada

sekolah dan Y.B. Sungai Dua sendiri tahu bahawa Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Tamil, Sekolah Cina kebanyakannya bantuan modal. Sekolah Kebangsaan bantuan penuh dan sejarah menunjukkan bahawa sekolah bantuan penuh telah dipinggirkan oleh Kerajaan Pusat selamalamanya. Itu sebabnya kita beri peruntukan RM8.5juta tidak banyak, kecil sahaja memandangkan peruntukan yang begitu besar yang diberi daripada Kerajaan Pusat kepada Sekolah Kebangsaan, ini pembedaan sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Memanglah betul saya tidak nafikan, tetapi kenapa Sekolah Kebangsaan tidak diberi walaupun dia bantuan, sekolah lain pun dapat bantuan. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dapat bantuan modal dia juga dapat bantuan per kapita, Sekolah Kebangsaan tidak dapat bantuan modal, tetapi kenapa Sekolah Kebangsaan dipinggirkan, itu kita kena adil kepada semua masyarakat. Kita bagi peruntukan kepada kaum tertentu, sekolah tertentu tetapi Sekolah Kebangsaan kita pinggirkan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat saya ingat Yang Berhormat tidak faham lagi. Ada perbezaan yang begitu ketara Sekolah Bantuan Modal dan Sekolah Bantuan Penuh. So, apa yang kita hendak bagi sekarang, peruntukan kepada kebanyakan mungkin 90% lebih kepada sekolah bantuan modal di mana Kerajaan Pusat bagi juga gaji kepada guru-guru sahaja. Bangunan dan juga alat-alat lain perlu bantuan daripada pihak luar. Maka dalam sistem pendidikan di Malaysia peringkat sekolah ini, begitu ketara sekali jurang di antara dua sistem persekolahan. Sistem bantuan modal, sistem bantuan penuh, itulah yang kita mahu terangkan di sini walaupun itu tidak disebut secara terang-terangnya tetapi Sungai Dua ini memang dia ulang-ulang ini perkara seolah-olah Kerajaan Negeri meminggirkan Sekolah Kebangsaan mana ada betul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kalau peruntukan tidak disediakan kepada Sekolah Kebangsaan memang tidak betul lah. Kita kata peruntukan diberi sama rata kenapa kita hendak pinggirkan, bagilah sama rata.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Penjelasan. Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sekejap lagi saya bagi laluan. Kalau kita merasakan bahawa kita kerajaan kebajikan, kerajaan yang penyayang, hendak bagi semua, bagilah semua.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan. Hendak membuat pembetulan sahaja.

Y.B. Tuan Speaker:

EXCO boleh menggulung kemudian, cuba hadkan kepada minta penjelasan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Minta penjelasan, Y.B. Sungai Dua. Selama ini Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina adalah dipinggirkan kerana hanya mendapat bantuan sebahagian daripada Kerajaan Pusat. Oleh itu kita sebagai Kerajaan Negeri kita memberikan perhatian, sebagai satu contoh di kawasan saya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Rajaji adalah sebuah sekolah dalam *Temple* dalam Kuil India, jadi bukan atas tanah sendiri dan papan yang mengagihkan kelas adalah dengan papan sahaja dia bukan batu batan dan Rajaji adalah sebuah sekolah yang bersaiz kecil lebih kurang 100 pelajar sahaja lagi satu sebuah sekolah di Sekolah Azad di Gottlieb Road, *under ground building*, sekolah di bawah *underground*, di bawah tanah *off course* di kawasan saya ada Sekolah Kebangsaan yang memang ada bertingkat-tingkat yang memang mendapat bantuan penuh daripada Kerajaan Persekutuan. Kita menghargai bantuan penuh daripada Kerajaan Persekutuan, tetapi sekolah-sekolah seperti Sekolah Azad *under ground building* sekolah jenis papan di Sekolah Rajaji, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang ini perlukan bantuan. Satu sekolah lagi seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Ling di Air Itam, bil elektrik dibiayai oleh Lembaga Pengurus apabila TNB menaikkan tarif elektrik Lembaga Pengurus kena menampung kos tanggungan tersebut dan inilah keadaan pendidikan ibunda di negeri ini. Oleh itu kita memberikan perhatian supaya membantu pendidikan *mother toungue education* dan juga kepada Sekolah Agama Rakyat supaya kita sama-sama mempertingkatkan bahasa ibunda kaum-kaum di Negeri Pulau Pinang. Itulah hasrat Kerajaan Negeri.

Saya ingat Y.B. Sungai Dua perlulah saya jemput pergi melawat Sekolah Rajaji, Sekolah Azad untuk mendapatkan gambaran sebenar, janganlah *close mindset*, *mindset* yang terbencong tidak nampak yang sudah tidak lagi mendapat gambaran sepenuhnya apa yang berlaku di atas *ground* ini. Saya ingat Y.B. Sungai Dua kena *expose* sikit tentang keadaan sekolah-sekolah tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasihlah tetapi saya ingat Y.B. daripada Air Itam ini tidak meneliti perkembangan semasa tentang peranan Kementerian Pendidikan masa kini. Kalau kita betul-betul aktif kita buat permohonan kepada Kementerian Pendidikan untuk kita bangunkan sekolah itu balik atau kita membaharui atau perbaiki saya ingat Kementerian bagi peruntukan. Contoh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Sungai Ara Kerajaan Persekutuan bagi bangunan baru, cantik tidak ada masalah. Sebab itu kita kena gariskan, Y.A.B. Ketua Menteri hendak sediakan peruntukan ini dia kena garis bantuan macam mana dia perlu hendak disediakan. Adakah bantuan fizikal, bantuan bagi meningkatkan taraf pendidikan dan sebagainya. Ini kena digariskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Mohamad Farid bin Saad):

Y.B. Sungai Dua, saya ingat Yang Berhormat kena terima hakikat RM8.5 juta adalah peruntukan hasil daripada Kerajaan Negeri yang mereka beri hanya kepada Sekolah Kerajaan Negeri, apakah ini bermakna Sekolah Kebangsaan bukan anak negeri. Sepatutnya Kerajaan Negeri beri juga sedikit sebagai semua pakat-pakat boleh rasa.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Laluan. Saya ingat saudara Sungai Dua memang tidak pergi sekolah. Y.B. Sungai Dua memang tidak pergi sekolah, dia pun tidak tahu apa beza yang satu itu bantuan penuh dengan bantuan tidak penuh. Di sini saya hendak tegaskan sebab tindakan bajet kita pada kali ini sebenarnya hendak mengimbangkan sesuatu masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah tertentu bukanlah kita tidak adil atau bukan kita tidak mahu bagi tetapi sebenarnya pihak bantuan penuh ataupun pihak Sekolah Kebangsaan telah memperoleh banyak bantuan. Kita hendak bagikan wang untuk tetapi tidak kepada perkara yang tidak berguna. Memang bukan saya maksudkan untuk kita hendak bagikan sebenarnya kita hendak imbangkan kedudukan yang sebenarnya, itu yang sama maksudkan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Tuan Speaker, saya ingat perbincangan kita ini, kadang-kadang kita tidak faham. Ini perkara pokok, perkara pertama Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kah, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil kah, dia boleh dapat bantuan penuh, ada syaratnya tanah itu harus menjadi milik kerajaan, tetapi kebanyakan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil atau Cina tanah dia tidak mahu serah kepada Kerajaan. Akhirnya dia jadi bantuan modal. *You have a choice* ...(dengan izin). Kerajaan Persekutuan tidak pernah kata ini Melayu, Cina atau India. Dasar adalah sama tetapi kena ikutlah juga peraturan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih. Saya ingat Jawi kena pergi sekolah cakap Melayu tidak pandai. Y.B. Tuan Speaker, yang saya tekankan di sini tentang ... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

(Dengan izin), Y.B. Tuan Speaker, Peraturan, saya ingin menegur Ahli Sungai Dua supaya tidak melanggar Peraturan 46(13). Y.B. Tuan Speaker, ...(dengan izin), saya minta dia ditegur supaya jangan mengeluarkan perkataan-perkataan. Memang kita cuba fasih dalam Bahasa Malaysia, saya rasa bahawa Malaysia yang dipertuturkan tadi memang elok, saya boleh faham kalau tidak ada apa-apa Ahli Sungai Dua tidak faham itu masalah dia. Jadi saya minta jangan buat sindiran. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, kalau hendak tegur saya, tegur Ahli Jawi dia kata saya tidak pergi sekolah. Saya bukan sahaja tidak pergi sekolah, saya pergi sekolah, saya pernah kerja dengan Kementerian Pendidikan. Sijil sekolah tebal, kokurikulum itu yang tebal.

Y.B. Tuan Speaker, saya yang bercakap tentang peruntukan yang disediakan, pasal apa kita meminggirkan golongan tertentu dan kita bagi peruntukan kepada golongan tertentu, itu sahaja, yang dok merawit merata buat apa. Jadi Y.B. Tuan Speaker, kita tengok, kita bercakap tentang kita penyayang, adakah kita cukup penyayang, tiba-tiba Dewan Orang Ramai kita pergi rampas ambil. Kerajaan hendak ambil Dewan ambillah, tetapi ikutlah peraturan, gunakan saluran yang betul. Bagi DO hantar surat

kepada semua bekas Pengerusi JKKK suruh dia serah Dewan, serah kunci. Ini baru dilantik sebagai Pengerusi JKKK pergi hendak ambil malam, saya ingat tidak tahulah Y.B. Timbalan Ketua Menteri jaga JKKK, Y.B. Batu Maung, saya tidak tahu siapa jaga JKKK, saya tak tahulah siapa jaga tapi yang jaga ini Ahli Batu Maunglah. Bagilah nasihat, panggillah semua Pengerusi dan bagilah nasihat tak usahlah pi kacau pentadbiran, kerajaan akan uruskan. Buatlah cara eloklah ini pi rampas berkelahi riu-rendah nak ambil dewan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Kuat):

Penjelasan. Saya berasa tidak puas hati dengan keterangan yang telah disampaikan oleh Y.B. Sungai Dua dia mengatakan yang pihak JKKK baru merampas kuasa pihak JKKK lama ini adalah satu anggapan yang silap dan apa yang tak berbudaya. Sebab segala harta yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang adalah hak milik kerajaan kecuali sebahagian kecil sahaja yang diamanahkan kepada Kerajaan Persekutuan pihak Y.B. Sungai Dua kena faham kena beza bukanlah kita kena merampas kalau pihak dulu kerajaan lama dia mentadbir harta Kerajaan Negeri juga apa yang dimaksudkan dengan rampas? Memang tak pergi sekolah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat saya kena tegurlah

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Itulah sat lagi bila saya kata.

Y.B. Tuan Speaker:

Duduk Yang Berhormat saya kena tegur ni. Saya mula nak gunakan amaran. Berhati-hati dan kita tak hendak terus berlanjutan dua-dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya akur dengan Y.B. Tuan Speaker tetapi kadang-kadang mereka tak faham saya tak kata rampasan kuasa saya tak sebut pun. Sebab itu saya kata dia tak baca, dia tak sebut saya kata rampas dewan ada beza di situ tengah malam nak pergi ambil

suruh orang keluar. Macam mana? Sebab itu saya kata Ahli Batu Maung ke Timbalan Ketua Menteri pi bagi nasihatlah. Jangan pi kacau biar Pejabat Daerah kontrol dan Pejabat Daerah uruskan. Urusan pentadbiran ini dan yang kedua pasar malam juga, bagi notis hari ini, hari ini suruh orang lain ambil alih adakah ini Kerajaan Penyayang? Kejam fasal apa kita nak suruh depa tamatkan pasar malam? Kenapa pasar malam perlu ditamatkan? Mereka telah usahakan lama. Kalau kata JKKK baru nak buat, buatlah baru buat pasar malam baru cari tapak buat baru. Orang dah lama biarlah dia buat apa masalah dia? UMNO buat pasar malam lama 30 tahun batal buang permit UMNO buat pasar malam, bagi JKKK baru ambil alih tak zalim ke? Tak zalim ke? Adakah ini dikatakan Kerajaan Penyayang? Penyayang ke? Saya ingat tak payahlah mengambil harta orang, orang yang buat penganjur itu dia yang usaha lama dia buat dia buat pasar malam itu dia dapat duit tabung dia. Kenapa kita nak rampas buatlah yang baru.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker ..(dengan izin), saya ingin mencelah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Nak mencelah ke nak minta penjelasan?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Nak minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Duduk dulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Akan saya bagi peraturan, peraturan, peraturan. Bila bangkit peraturan anda sila duduk. (Dengan izin), Y.B. Tuan Speaker saya sekali lagi ingin bantah kepada dengan penggunaan perkataan zalim tadi. Saya rasa ia melanggar Peraturan 46 (13) "menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati". Yang Berhormat daripada Sungai Dua mengatakan bahawa kerajaan baru adalah zalim saya rasa perkataan itu tak boleh digunakan, saya rasa perkataan itu seharusnya ditarik balik oleh beliau. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Perkara yang dibangkitkan Seri Delima itu saya akur menggunakan perkataan zalim. Tetapi kalau itu perkataan itu tak boleh ini tak boleh menjadi susah. Maka semua setiap kali peraturan ambil yang tertentu sahaja. Ambil yang mana betul-betul serius kita kata kalau tidak apa yang kita cakap dua, tiga baris peraturan. Saya nak berlaku adil pada semua memang saya ambil apa yang disebut oleh Ahli Seri Delima. Tetapi saya buktikan jugalah kalaulah apa-apa pernyataan nak disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sila kemukakan bukti di mana supaya mudah supaya kita mudah buat *generalize*. Silakan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya pun tak tahu nak gunakan perkataan apa selain daripada perkataan macam itu. Tapi anggap macam itulah. Jadi Y.B. Tuan Speaker saya pun tak tahu nak gunakan perkataan apa selain daripada perkataan yang itu. Tak tahulah tapi anggap macam itulah. Satu lagi Yang Berhormat Tuan Speaker kita juga nak cakap zalim nanti depa kata susahlah apa perkataan saya nak cakap pun tak tahulah, kejam. Tak boleh kata kita kata kejam itu dengan secara tak langsung kerajaan sekarang telah mengetepikan hak-hak rakyat dengan tidak menjemput Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri daripada Pembangkang dengan menyertai Majlis Tindakan Daerah majlis ini penting kenapa kami tak dijemput untuk menyertai majlis ini? Adakah kita mengetepikan hak rakyat. Dulu Y.B. Sungai Puyu bercakap macam ini, saya kini bercakap balikkah. Duduklah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Duduk dulu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Takutkah?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tak takut *you* duduk dulu, *you* minta elok-elok.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

You cakap bohong dalam Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

You duduk dulu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Jangan cakap bohong dalam Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan. Nak minta ke? Nak minta ke? Nak minta bangun.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ini fitnah kerana pada masa itu saya ada minta langsung tak hirau kalau mahu mai sebelah sini. Lupa kah? sudah jadi nyanyuk ke?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebenarnya Ahli dari Sungai Puyu yang lupa saya cuma bercakap apa Y.B. Sungai Puyu bercakap dulu cakap mengetepikan hak rakyat sekarang bila kita duduk sebelah sana oh! sekarang ini kami dulu pertikai hak rakyat sekarang kami bagilah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya belum bagi. Duduk dulu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Kalau takut cakap takut.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bukan saya tak pernah takut.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Takut cakap takut.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kita buat peraturan elok-elok.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Orang yang sebegini lama, sedikit pun takut.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tak takutlah. Duduk dulu.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kalau you nak penjelasan. Saya minta penjelasan *you* minta bangun. Minta penjelasan?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Tidak mahu bahas macam orang yang tidak.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebab itu apa yang saya cakap adalah apa yang you bercakap tetapi you bercakap tak serupa bikin. Ahli Sungai Puyu minta maaf Y.B. Tuan Speaker, sepatutnya dulu *you* Y.B. Sungai Puyu bercakap minta hak-hak kerana mengetepikan hak-hak rakyat. Apabila kita ada kuasa kita mengetepikan hak dan kuasa kita adilkan balik baru kita kata kerajaan yang penyayang. Ini buat benda yang sama. Makna mengetepikan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Sungai Dua terima surat jemputan untuk hadir Mesyuarat MMK?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tak pernah terima surat ini Mesyuarat MMK tak pernah terima saya tak pernah terima itu pun isu lain ini kita bercakap tentang Mesyuarat Tindakan Daerah. Kita tak bercakap tentang MMK.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Sungai Dua bersetuju bahawa MMK mempunyai kepentingan itu lebih tinggi daripada MTD? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ini lain MMK buat Dasar Kerajaan kami Pembangkang nak pi buat Dasar Kerajaan buat apa? Cuba *you relevan*. Majlis Tindakan Daerah nak selesaikan masalah di bawah. Ini isu yang berbeza Wakil Rakyat perlu duduk. Sama ada Pembangkang akan duduk di situ sama-sama menyelesaikan masalah ini. Inilah yang kita tekankan. Makna kalau dulu *you* Ahli Sungai Puyu bercakap supaya diberi hak mengetepikan hak rakyat yang mengundi tetapi sekarang bila ada kuasa dia tidak melaksanakan apa yang dia bercakap dulu. Jadi saya ingat Y.B. Sungai Puyu sila duduk. Tak mahu *debate* pi keluar. Begitu juga Yang Berhormat Tuan Speaker, mengetepikan hak rakyat di dalam kawasan ini kawasan Seberang ini dalam peruntukkan disediakan di setiap DUN tidak disediakan setiap peruntukkan bagi sebelah kawasan.

Adakah ini kerajaan yang penyayang? Adakah kerajaan yang adil? Jadi adakah ini penyayang? Rakyat semua rakyat undi sama ada dia mengundi Barisan Nasional kali ini ataupun dia mengundi Pakatan Rakyat dia adalah rakyat kerana menunaikan tanggungjawab yang memerintah untuk memberi peruntukkan sama rata sama rasa.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):

Bila Barisan Nasional memerintah adakah Barisan Nasional memberi peruntukkan kepada Pembangkang?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ini saya rasa depa *confused*. Peruntukkan semasa Kerajaan Nasional dia sediakan peruntukkan untuk semua kawasan DUN dan peruntukkan ini dijaga oleh Pegawai Daerah, tetapi sekarang ini tidak disediakan peruntukkan kepada Pegawai Daerah untuk DUN-DUN ini, ini yang saya tekankan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Penjelasan. Sekiranya peruntukkan ini diberikan adakah pihak Pembangkang akan menerimanya? Kita bagi elaun *you* tak mahu terima. *You* ada prinsip atau tidak? Minta bagi tak ambil, adakah kamu akan terima?

Y.B Tuan Speaker:

Gunakanlah perkataan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Kalau kita lihat pada elaun yang tidak diambil, diterima secara prinsip ikhlas atau tidak itu isu sekarang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebab itu kita dengar betul-betul ini supaya kita tak *confuse*, saya kata peruntukkan disediakan untuk semua kawasan Undangan Negeri bukan bagi DUN jaga. Apa ni Ahli-ahli Kerajaan Pakatan tidak apa ADUN jaga tetapi dari segi kawasan Pembangkang kami tak minta duit kepada kami tetapi berilah kepada Pejabat Daerah supaya Pejabat Daerah boleh menjaga kawasan Dewan Undangan Negeri itu. Bukan kami nak agihkan sangat supaya rakyat di dalam kawasan itu mendapat manfaat daripada Kerajaan Negeri. Sekarang ini Kerajaan Negeri tak bagi makna rakyat bagi kawasan ini bukan rakyat negeri ke? Hak sebelah kawasan ini ke? Ini yang saya tekankan sebab itu adakah adil?

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Penjelasan. Mungkin Ahli Yang Berhormat Sungai Dua salah fakta. Memang peruntukkan telah disediakan untuk setiap kawasan tetapi tidak diperuntukkan melalui tidak disalurkan melalui permohonan Ahli Yang Berhormat kerana Ahli Yang Berhormat tidak memenuhi syarat kelayakan untuk menyertai Jawatankuasa MMK.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya ingat tak betul kerana saya dah *check* Pejabat Daerah saya dah tanya Pejabat Daerah adakah disediakan peruntukkan untuk DUN? Untuk kawasan DUN di Pejabat Daerah tak ada. Macam mana *you* boleh cakap apa ini Y.B. daripada Kampung Kolam kata ada.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Bukan Kampung Kolam

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Oh! Komtar. Tak nampak ini lindung ni Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Tapi sepanjang pengetahuan saya ia memang ada disediakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya ingat kalau adalah, saya dah tanya dengan Pejabat Daerah sebelum saya yang bercakap.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Awat ramai sangat yang ambil bahagian bila saya ambil bahagian ya.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Memang tuduhan dari Sungai Dua itu tak logik, saya tak tahu sama ada dia tidur ke ataupun nyenyak ke saya pun tak faham. Tetapi yang bagi pihak saya sebagai ADUN kerajaan saya tak kisah walaupun diminta oleh rakyat Sungai Acheh ke yang Sungai Udang ke tapi yang setahu saya segala peruntukkan ada di Pejabat Daerah cuma apa ahli dari Sungai Dua saja tak dapat pegang, pasai apa kalau dia pegang kita takut itu wang nanti entah ka sampai ke tangan rakyat ka ataupun pi mana kita tak tau, saya harap Ahli dari Sungai Dua kena faham kedudukan sebenarnya bukan nak tuduh orang secara sembarangan, itu saja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker sat ni saya kata kata dia tidur dia marah, saya kata...(gangguan). Saya kata peruntukan disediakan untuk semua kawasan DUN dan bagi kawasan kami kawasan pembangkang ni bagilah Pejabat Daerah jaga bukan kami nak jaga kami pun tak mahu jaga, susah, biar, tetapi yang saya tekankan di sini manfaat dia harus di nikmati oleh semua rakyat. Sila...(gangguan)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker saya rasa dalam hal ni, kita perlukan satu penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri dan juga Pejabat Daerah untuk menyatakan kepada kita jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi 11 DUN yang diwakili oleh pembangkang memang kita macam mana kata Y.B. Sungai Dua memang kita pun tak mahu pun pegang duit itu, tapi kalau mengikut amalan sebelumnya setiap ADUN dalam Negeri Pulau Pinang ada peruntukan yang diberikan ini untuk kepentingan rakyat bukan untuk kepentingan ADUN jadi oleh yang demikian supaya tak ada lagi pihak yang ada menafikan itu ini kita minta fakta. Saya mohon supaya kalau boleh kena boleh Kerajaan Negeri bentang kepada kita berapa peruntukan yang telah diberikan mengikut pecahan DUN yang ada di Negeri Pulau Pinang. Terima Kasih .

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker lagi satu perkara kerajaan baru ini mengeluarkan arahan supaya pegawai-pegawai kerajaan ni kalau pergi mesyuarat di Kuala Lumpur mana-mana pun gunakan ekonomi. Ada arahan yang dikeluarkan ini mengetepikan hak pegawai. Pegawai berhak. Dia berhak menggunakan kemudahan-kemudahan mengikut pekeliling-pekeliing perbendaharaan dan sebagainya tapi arahan Kerajaan Negeri pasal apa kita pi kerat hak-hak mereka, ini tak adil kepada pegawai. Kita bagilah keselesaan pada pegawai pasal pa yang kita nak sekat hak mereka begitu juga kadang-kadang kita ni buat tuduhan melulu kepada pegawai-pegawai tanpa kita usul periksa. Baru ni Ahli kawasan Perai kata pegawai koyak borang permohonan. Ini tuduhan yang tak betul .Kalau kita biar lah jaga pegawai kita sepatutnya kita jaga pegawai elok-elok supaya bila kita jaga pegawai kita boleh tingkatkan produktiviti negeri. Depa boleh kerja dengan rajin lagi. Ini kita buat tuduhan kepada mereka depa lemah semangat la...bila lemah macam mana nak kerja dengan kuat. Begitu juga yang YAB Ketua Menteri semasa bentang belanjawan dia kata semasa dia kata MPSP dia kata ada angkara jahat. Buat tuduhan-tuduhan. Kena semak la betul-betul sapa yang jahat jadi tak payah la buat tuduhan jadi saya ingat kalau kita ni penyayang biar kita urut orang tu baru kerajaan penyayang bukan kerajaan yang saya kata tadi macam –macam yang dibuat. Y.B. Tuan speaker saya juga hairan bagaimana angka yang diperoleh kerajaan tentang miskin tegar di dalam Negeri Pulau Pinang ini, kerana YAB Ketua Menteri mengatakan 324 bagi seluruh Negeri Pulau Pinang ada miskin tegar tapi bagi kawasan Parlimen Tasik Gelugor saja yang kami buat sendiri berdasar bersama-sama dengan pegawai dari agensi-agensi tertentu, dalam parlimen Tasik Gelugor ada 104 orang itu

dalam parlimen Tasik Gelugor saja. Parlimen Kepala Batas tak tau berapa ramai Parlimen Bagan ada 13 parlimen macam mana adakah dalam senarai yang dibuat oleh ke negeri itu mengetepikan kawasan-kawasan kamilah adakah nak anak tirikan lagi dalam soal nak membasmi kemiskinan ini, dan lagi satu kita tak nampak peruntukan yang disediakan oleh kerajaan, kerajaan kata 2009 *must* 2009 untuk membasmi kemiskinan tegar ini. Tetapi peruntukan tak disediakan nak basmi macam mana. Macam mana nak menyelesaikan masalah. ini diakui oleh dalam ucapan kata peruntukan tidak dapat diperuntukkan lagi. Kalau tak bubuh dalam tahun 2009 macam mana nak membasmi kemiskinan sebab tu saya harap Ahli daripada kawasan Sungai Puyu buat kerja sikit.... (gangguan...minta jalan)

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker di sini saya nak bagi tahu senarai yang saya sedia ada adalah senarai yang di bagi pada saya daripada kerajaan yang lama, jika kalau nak dianaktirikan sila semak daripada Bagan Dalam tidak ada orang miskin atau miskin tegar, di Perai tidak ada orang miskin atau miskin tegar. Senarai dari mana, senarai daripada Barisan Nasional. SOP daripada Barisan Nasional akan tetapi bila kita kata nak buat kerja amal ini, nak bagi tahu macam mana saluran peruntukan ini semua jempit ADUN- ADUN dan wakil rakyat Barisan Nasional khasnya UMNO mereka enggan tampil ke hadapan kerana nak bagi taklimat nak bagi kefahaman macam mana kerja ini akan dijalankan. Kerana kita semua hormat kepada semua orang. Kerja amal ini mereka juga nak main politik itulah masalahnya. Kalau suci dalam hati awal-awal sudah datang ke mari, faham ka.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya nak minta kepastian daripada Sungai Dua. Adakah YB Sungai Dua sedar bahawasanya senarai yang diperoleh oleh pihak Sungai Puyu daripada kerajaan dahulu telah berubah? Ini bermakna jika sekiranya Kerajaan Negeri hendak menumpukan kepada pembasmian kemiskinan sifar, sepatutnya Kerajaan Negeri hari ini membuat analisis data sendiri dan tidak bergantung kepada data kerajaan yang dulu, barulah boleh kita sasarkan bahawasanya dengan angka-angka Kerajaan Negeri hari ini kita sasarkan *by* Mac 2009 ini boleh diselesaikan. Itu lebih baik jangan berdasarkan kepada angka-angka kerajaan yang dulu ambil data-data terkini lebih baik...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta penjelasan....inilah tunjuk satu bukti kebijaksanaan ADUN daripada UMNO kerana kelmarin di sini saya ada menyatakan bahawa senarai yang dapat adalah komisen bermakna patut di dalam tidak di dalam, saya ada menyatakan *inclusion* tidak patut di dalam ada di dalam, itu membuktikan bahawa pada dulunya kerajaan Barisan Nasional duk main politik. Saya juga menegaskan bahawanya siapa dalam Pulau Pinang boleh percaya bahawa di Bagan Dalam tidak ada orang miskin dan miskin tegar , siapakah dalam Pulau Pinang boleh percaya bahawa jikalau dalam Perai tidak orang miskin tidak ada orang miskin tegar ,siapa boleh percaya oleh demikian saya menjemput semua orang tampil ke hadapan supaya dapat semak, supaya dapat maklumat, macam mana nak turun padang supaya semua orang dapat daftar kan di sini juga dan *hansard* kelmarin. Saya ada menyatakan bahawa tidak ada sesiapa yang akan di tertinggalkan, oleh demikian saya merayu kerjasama daripada ADUN-ADUN pembangkang tetapi mereka tidak mahu tampil kerana mereka kata you tak boleh buat so kami buat lah itu masalahnya. Minta tolong lah bila kerja amal ini, minta tolong lebih bersikap positif bukan negatif.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya terima kasih la, kepada Ahli Sungai Puyu yang bagi penjelasan bukan minta penjelasan. Bagi penjelasan tapi saya kasihan dekat ahli Sungai Puyu sepatutnya saya tak tau lah Ketua Menteri ni macam tak percaya dekat Adun Sungai Puyu lah. Pasal apa sepatutnya jawapan pertama pasal kemiskinan pasal ni masalah ini, YB Sungai Puyu yang jawab, tapi masa hari dewan hari tu Ketua Menteri jawab tidak tahu lah dia tak percaya dekat *you* lah saya ingat. YB Sungai Puyu saya minta maaf lah. Y.B. Tuan Speaker kalau kita meneliti bajet ni kita tengok bahawa ada pertambahan hasil tetapi pertambahan hasil ini kalau kita tengok daripada hasil cukai kita tengok hasil cukai ini pertambahan yang pertama hasil cukai tanah di mana dijangka akan di pungut 2 juta dan yang ke dua hasil daripada tunggakan cukai tanah yang dijangka akan di pungut sebanyak 4.2 juta tapi saya tak tahu macam mana tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri ke arah kita nak memungut cukai ni adakah prestasi-prestasi sebelum ni kita berjaya untuk memungut tunggakan cukai ini, saya ingat mesti ada cara-cara dan kaedah-kaedah apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri apakah rangsangan yang nak di beri supaya orang lebih nak bayar tunggakan cukai ni. Kalau Kita tengok juga dalam bajet ni saya nampak bahawa saya pun tak tau macam mana kita boleh buat *estimate* bahawa kita akan dapat

daripada pelaburan saham kita akan dapat keuntungan 2 juta sedangkan la ni saham jatuh, keadaan saham jatuh merudum, tapi kita dalam *estimate* ikut tahun depan kita dapat 2 juta hasil daripada hasil daripada saham, tak tau la macam mana cara yang dibuat. Lagi satu dalam bajet ini juga saya dapati bahawa tiap-tiap tahun kita ada buat pinjaman kepada kerajaan persekutuan tiap-tiap tahun ada pinjaman tetapi saya tak nampak dalam bajet ni kita bayar pinjaman kepada kerajaan persekutuan tiap-tipa tahun kita buat pinjaman tetapi tak ada pembayaran tahun sudah tahun 2008 kita buat pinjaman 97 juta kepada kerajaan pusat tahun 2009 ni kita jangka akan buat pinjaman sebanyak 105,775 pinjaman tapi tengok dalam belanjawan perbelanjaan kita tak ada usaha-usaha yang dibuat untuk nak bayar balik saya takut kalau lama-lama pinjaman ni kita pinjam jadi pinjaman kita terlalu banyak, Kerajaan Negeri pinjam terlalu banyak kepada kerajaan pusat maka sudah tentulah akan hadapi masalah kepada Kerajaan Negeri kemudian nanti kena bayar kalau tidak mufliis tak bayar hutang, dosa tak bayar hutang....(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta penjelasan, Ahli Y.B. Sungai Dua saya nak minta penjelasan adakah usaha-usaha telah di ambil negeri yang lepas untuk membayar hutang-hutang tersebut?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya nak jawab pun tak boleh saya bukan EXCO kerajaan lepas.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta penjelasan, minta penjelasan sikit, kerana Ahli YB daripada Sungai Dua tidak dapat menjadi EXCO kerana kurang kepercayaan oleh UMNO dan juga Barisan Nasional untuk menjadi EXCO itulah you tak tahu.....(ketawa).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Dia bukan kerana kurang kepercayaan kerana dalam UMNO ni kita tolak ansur sapa nak EXCO pi lah..(bising), kita bukan berebut jawatan, tak dak...(bising), kita tak pernah berebut jawatan dalam kerajaan. Jadi saya ingat tuduhan tak betul, saya minta maaf ahli Sungai Puyu. Saya kasihan kepada ahli Sungai Puyu menang-menang hari tu dia orang pertama pi KOMTAR, makna dia nak jadi EXCO. Mula-mula ingat dia nak jadi Ketua Menteri, tapi tak pa lah dia bagi orang Melaka jadi. Jadi tuan

Speaker kita juga tengok bahawa kemudahan untuk rakyat ni tentang pengambilan balik tanah tahun sudah kita cuma ambil 3 tanah sahaja daripada peruntukan yang disediakan tahun 2008 hanya 3 tanah sahaja yang diambil oleh daripada Kerajaan Negeri daripada peruntukan yang disediakan sebanyak hampir RM14,050.240 tetapi tanah yang diambil hanya 3 keping sahaja. Jadi saya ingat kalau boleh kita produktif sikit, aktif sikit kerana ini untuk kemudahan rakyat. Kenapa kita tak begitu berikan perhatian dan 3 keping tanah yang diambil ini hanya di Seberang Perai Tengah Sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Minta Penjelasan. Y.B. Tuan Speaker, adakah Ahli Kawasan Sungai Dua sedar bahawa pengambilan tanah-pengambilan tanah oleh Kerajaan yang lalu tidak memberi manfaat kepada masyarakat kawasan tersebut dan secara tidak langsung telah dalam beberapa kes menyebabkan masyarakat dalam kawasan tersebut terpinggir disebabkan oleh pembangunan yang berlaku. Jadi janganlah datang ke Dewan menyatakan bahawa kita tidak menjalankan projek-projek untuk masyarakat kerana dalam pimpinan kerajaan Barisan Nasional yang dahulu kawasan Buah Pala di mana terdapat penduduk-penduduk berbilang kaum di situ telah pun dipinggirkan disebabkan oleh satu projek pembangunan di kawasan tersebut. Jadi saya rasa adalah penting untuk kita ambil perhatian semua projek-projek pengambilan tanah kerajaan Barisan Nasional hanya mementingkan segelintir kumpulan dan syarikat-syarikat yang menjalankan pembangunan dan kemajuan. Tidak memberi manfaat langsung kepada orang-orang di kawasan tempatan tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, Saya bercakap tentang pengambilan tanah untuk kemudahan awam, untuk tujuan awam. Seri Delima cakap tentang projek, lain cerita.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Penjelasan Y.B. Tuan Speaker, penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bagi saya selesai, bagi saya selesai. Pengambilan awam maknanya untuk tujuan-tujuan awam contoh dia untuk kubur, untuk nak buat sekolah agama, nak buat dewan nak buat padang awam, nak buat dewan masyarakat baru. Kalau kita tengok tahun sudah 3 yang dah diambil, satu di Seberang Perai Tengah untuk tujuan jalan masuk ke tanah perkuburan, satu diambil untuk tujuan dewan orang ramai, satu diambil untuk kemudahan dewan masyarakat Juru. Inilah yang saya kata untuk kemudahan awam. Kita sediakan bajet tujuan dia untuk rakyat, kalau tak mahu sedia, kata membazir tak payah sedia bajet, tak payah adakan peruntukkan ini, tak buat untuk orang, tak payah bagi kemudahan untuk orang ramai. Dah kalau tak mahu, dah kata membazir, ini bajet ada, selesaikan, bagilah kepada rakyat. Jadi Y.B. Tuan Speaker, saya harap Kerajaan Negeri kena pastikan apakah projek-projek pengambilan tanah. Misalnya kita tengok dalam masalah pengambilan balik tanah saya tak tau la betul tak betul, saya dapat cerita ini, saya mesti semak. Kita buat pengambilan tanah untuk tujuan tapak surau, tapak sekolah agama dan juga dewan masyarakat di satu tanah di Seberang Perai Utara di Kampong Aman SPU. Apabila pengambilan selesai selalunya, sepatutnya tanah ini, tapi sampai sekarang ini tak selesai ini, tanah ini sepatutnya diserahkan kepada Majlis Agama Islam supaya kita wakafkan tanah ini bagi memudahkan pembinaan tapak sekolah agama ataupun dewan masyarakat untuk kegiatan kebajikan. Tetapi sampai sekarang, tanah ini masih belum, pengambilan dan selesai lama. Tetapi sampai sekarang tanah ini tak diserahkan kepada Majlis Agama Islam kononnya saya dengar kata polisi baru kerajaan supaya tanah ini akan di register di bawah SSI. Tak tau betul tak betul. Jadi saya ingat benda ini semak, saya minta penjelasan dan kalau boleh lah untuk kebaikan rakyat saya ingat lebih baik kita serahkan balik kepada Majlis Agama Islam supaya boleh dibina sekolah agama di kawasan berkenaan.

Y.B. Tuan Speaker, baru-baru ini telah berlaku banjir, banjir telah berlaku dalam bulan September dan Oktober di mana ratusan ekar sawah padi telah tenggelam, habis, orang masa itu baru serak, baru tabur, kampung dia kata serak, makan benih tak timbul kerana banjir dan ratusan ekar sawah telah musnah, tapi saya tengok Kerajaan Negeri tak ambil apa tindakan untuk membantu para petani. Petani terpaksa sehingga 2 /3 kali serak, kos tinggi sekarang ini. Jadi saya ingat kalau boleh Kerajaan Negeri bagi perhatian sikit, masalah yang dihadapi oleh petani yang menghadapi masalah banjir pada bulan September.

Begitu juga banjir yang melanda di kawasan George Town dan di sepanjang Sungai Pinang, dekat nak raya Y.B. Tuan Speaker. Rumah 3 kali tenggelam, habis perabot depa rosak, habis harta benda mereka tapi Kerajaan Negeri tak bagi bantuan apa-apa pun. Nak raya bagi la sikit, kurang-kurangnya, belas kasihan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan, Y.B. dari Sungai Dua, saya masih ingat lagi tahun 2006 bulan 10, Deepavali dan Hari Raya Puasa sama juga dengan kawasan Y.B. Seberang Perai dengan kita punya tempat, sama juga banjir merata, 4, 5 hari, kuih-kuih apum di atas air. Masa ketika itu saya pun tak dengar Barisan Nasional, kerajaan itu bagi apa-apa peruntukkan, bagi apa pertolongan, sama saja saya rasa Y.B. dari Sungai Dua kena ambil masa, kena ambil tau.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya ingat Y.B. Padang Lalang pada masa itu mungkin dia tak mengikuti perkembangan, yang mana kerajaan Barisan Nasional pada masa itu memberi RM300 pada setiap rumah yang menghadapi masalah banjir. Jadi saya ingat kita dapat fakta dulu, nak cakap, terima kasih lah.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Penjelasan. Y.B. Tuan Speaker. Saya rasa Y.B. Sungai Dua, dia memang tak ikut perkembangan sebenarnya. Bukan apa, saya nak menafikan tuduhan dia sebab setahu saya pihak Jabatan Pertanian ada memberikan benih-benih kepada para petani maupun subsidi. Jadi saya nak memperbetulkan kenyataan beliau. Saya rasa kenyataan beliau tak adil dan tak saksama. Itu saja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta penjelasan. Y.B. Tuan Speaker, untuk banjir kilat kadar yang dipakai hari ini juga dipakaikan SOP kerajaan yang lama daripada Kerajaan Pusat. SOP ini akan dipinda supaya kita akan ada SOP sendiri di Pulau Pinang. Berkenaan RM300 itu memang saya tahu, itu tahun 2003 di mana kerana air yang bertakung di Lake Pudu bagi keluar semua tempat dibanjiri air. Saya masih ingat dalam Dewan yang mulia ini, pada masa itu, ADUN daripada Padang Lalang wakil MCA, dalam dewan yang mulia ini bertanya mengapa penduduk-penduduk di Sungai Rambai tidak dibagi RM300. Dia telah ambil juga *form* lebih kurang 1 ribu dan tunjuk dalam dewan yang mulia ini. Kemungkinan Ahli Yang Berhormat dari

Sungai Dua terlupa dalam dewan yang mulia ini. Mengapa daripada Sungai Rambai lebih daripada 1000 orang tidak dibayar. Sungai Rambai, di sebelahnya ada RM300 yang diedarkan dan saya boleh kata kerana tahun 2004 adalah tahun untuk apa, tahun untuk pilihan raya, oleh demikian kena keluar duit untuk beli undi. Itu lah cara Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tak mahu guna peraturan lah. Saya ingat kita bercakap tentang sekarang, sekarang apa bantuan yang bagi, taka pa yang lepas, lepas la orang dah bagi bantuan dah tapi sekarang ini, kerajaan sekarang ini bagi apa, bagi apa, jadi kalau kata penyayang bagi lah orang kena banjir bagi lah, tu Y.B. daripada Padang Lalang juga bangkit juga tentang banjir, dia kata kena tengok sesuatu, kita kena adil lah. Bagi lah penyayang orang yang timpa bencana, kita bagi lah keutamaan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya SOP sedang dipindahkan kerana mengikut SOP Kerajaan Pusat, SOP lama daripada Barisan Nasional tidak ada ruang untuk menyalurkan bantuan, selain daripada menggunakan kuasa atau salah guna kuasa untuk salurkan di sana khususnya seperti 2003 kerana tahun 2004 ada satu tahun untuk pilihan raya, cepat-cepat keluar duit berjuta-juta. Dan di sana juga 1 ribu lebih orang di Sungai Rambai tidak dapat bantuan itu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya pun hairan nak bagi bantuan banjir nak kena SOP, tapi bagi bantuan air tak kena SOP pun. Bayar rebat, rebat 17 tak pakai SOP pun.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Siapa kata tak ada.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kalau ada, guna lah SOP tu, untuk menyelesaikan masalah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Macam mana boleh pakai SOP ini untuk ini. Itu lah kerana pemimpin Barisan Nasional, rakyat susah, pakai ini untuk ini, ikut suka hati bukan ikut prosedur, itulah masalahnya, itulah kerana MPSP sekarang nak jadi nyaris-nyaris *insolvent* lah untuklah masalahnya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Itulah masalah dia. Ini boleh pakai, ini tak boleh, itulah masalah dia. Kita *double standard*. Dah *red-tape* pun banyak juga dulu kata Barisan Nasional banyak birokrasi ni pun macam ah lebih teruk birokrasi lagi. Jadi Y.B. Tuan Speaker, lagi satu masalah, masalah gondang mas ini, sampai sekarang lagi, sampai sekarang kita belum lagi dapat cari kaedah. Macam mana kita nak menyelesaikan masalah gondang mas, kerana masalah gondang mas ini telah menjejaskan pendapatan para petani kita. Itu kena usaha tengok macam mana kita nak menyelesaikan masalah dia, hari itu ada satu racun yang dikeluarkan daripada negeri cina, racun itu memang berkesan tetapi racun itu dah diharamkan kerana ada masalah. Jadi kita harap, kemudian kita tengok sama lah, pengawalan dari segi harga racun ini. Harga racun sekarang tinggi, membebankan para petani. Sebab itu kita tengok, dan kemudian kita tengok usaha-usaha tentang tanaman makanan kekal, kekal makanan ini, makna perlu diperluaskan lagi kerana memberikan banyak pendapatan tambahan pada penduduk masa ini. Ini perlu diusahakan kita tak boleh bergantung kepada tanah. Nasib baik PERDA bagi tanah, kalau lain, makna memanglah Kerajaan Negeri kita baru ini di Juru nak buat 200 ekar, tapi cara yang lain sikit lah, ada termasuk ternakan dan sebagainya. Tetapi perlu tengok usaha-usaha bagi menambahkan hasil.

Begitu juga masalah kita dok cakap banjir, Kerajaan Negeri memang kalau dalam bajet. Ketua Menteri dia kata tak hendak minta daripada Kerajaan Pusat. Memanglah Kerajaan Pusat akan bagi, selalunya Kerajaan Pusat bagi tetapi komitmen Kerajaan Negeri mesti ada, bagaimana masalah banjir-banjir yang kecil-kecil ini yang segera perlu selesaikan masalah banjir-banjir kilat ini perlu, ada peruntukkan RM770 ribu sahaja dalam bajet 2009 untuk menyelesaikan masalah ini, saya ingat tak cukup untuk satu negeri, timbul banyak masalah. Dulu Balik Pulau tak pernah banjir sekarang kita dengar Balik Pulau pun dah banjir. Jadi perlu diselesaikan sedangkan masalah di Balik Pulau bukan masalah besar pun yang berlaku banjir itu. Kerana masalah teknikal sikit saja yang perlu guna duit tak banyak pun untuk menyelesaikan tapi perparitan kita mesti diperbaharui dan sebagainya. Ini benda-benda lama ini perlu dilihat balik supaya kita dapat mengatasi masalah banjir yang berlaku di negeri ini. Hujan sedikit ya, sehari kalau hujan lebat daripada pagi sampai petang, ha malam ini. Hujan sedikit ya, sehari kalau hujan lebat daripada pagi sampai petang, ha malam ini banjir dah. ADUN Batu Maung tak boleh mai KOMTAR dah.

Jadi Y.B. Tuan Speaker, lagi satu masalah di tapak warisan kita ini, kita terima kasih lah kerana kita dah ada tapak warisan dunia ini dalam Negeri Pulau Pinang ini, di George Town ini. Tetapi kita kekalkan tapak warisan itu macam mana ada. Maknanya kita kekalkan supaya ia memang benar jadi satu tapak warisan yang pelancong datang, memang pelancong merasakan bahawa wah! satu nostalgia kepada dia. Ada saya tengok program itu nak bawa balik mai, dulu punya nostalgia, orang-orang yang pernah ada. Jadi kita kekalkan bagaimana yang ada, tak payah nak dok tambah macam-macam lagi, nak tambah, nak tulis macam-macam ayat lah, nak tulis macam-macam bahasa lah tak payah lah, kekal lah apa yang ada, bagi memudahkan warisan itu dipelihara.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya rasa Ahli daripada tak tau beza la. Dia sekolah punya *time* tak tahu, dia ada pi kah tak ada pi, mungkin ada pi tapi tak pandai...

Y.B. Tuan Speaker:

Guna perkataan Ahli Y.B. Jawi, guna perkataan Yang Berhormat bukan dia lah.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Okey, *sorry*, Yang Berhormat. Sebenarnya saya nak buat penjelasan di sini adalah yang tentang *sign board-sign board* ...(dengan izin), papan tanda yang kerajaan bubuh baru-baru ini. Sebenarnya untuk kemudahan, kemudahan pelancong kita, mahupun orang tempatan kita misalan kita tau dari dulu lagi orang lama-lama kita, memang tak pandai sangat dalam Bahasa Melayu. Lagi pun tindakan macam ini menguntungkan Negara kita tak ambil, kerajaan tak ambil turun itu Bahasa Melayu, kerajaan masih menghormati Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan kita, mahupun dalam majlis rasmi tertentu. Jadi saya harap ahli dari Sungai Dua jangan salah fahamkan dan jangan putar belitkan keadaan yang sebenarnya. Itu saja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya ingat Ahli daripada Jawi lebih baik duduk di sana, kerusi Batu Lancang, kerana di jawab bagi pihak *you*. Boleh bagi kat Y.B. Batu Lancang. Patutnya *you* jadi EXCO.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta jalan. Y.B. Tuan Speaker, saya ada satu cadangan, lebih baik dia jadi Ketua Pembangkang kerana sekarang ada RM1 ribu, dia sudah nak tunjuk dia Ketua Pembangkang.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat Sungai Dua, panjang lagi kah? Kita akan berhenti rehat pukul 11.00. Ahli Yang Berhormat boleh bersambung semula selepas berehat.

Dewan kita tangguhkan sekarang dan kita akan sambung semula pada pukul 11.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 11.30 pagi.

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula, saya menjemput Y.B. Sungai Dua untuk terus menyambung perbahasan dan saya harap dapat kalau boleh rumuskan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker. Saya cuma hendak bangkitkan beberapa perkara-perkara lagi tidak banyak sudah cuma yang pertama ini saya cuma ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada perbelanjaan kita membaiki Dewan ini dan ubah suai kerana ikut kenyataan yang dikeluarkan oleh Y.B. Tuan Speaker, perbelanjaan membaiki Dewan ubah suai ini memakan belanja sebanyak RM870,000 lebih kurang tetapi kalau kita tengok dalam anggaran Bajet 2008 hanya disediakan sebanyak RM500,000 sahaja. Adakah ini ada pertambahan di mana sumber selebihnya dan sebagainya.

Yang kedua, berkenaan dengan kuarters pegawai-pegawai kerajaan di Daerah Seberang Perai Utara sudah lama sehingga sekarang ini masih belum dibuat dan kita tengok Pegawai Daerah Seberang Perai Utara dan pegawai-pegawai di Seberang Perai Utara hanya duduk di rumah-rumah sendiri dan juga rumah sewa. Jadi kita harap peruntukan

yang disediakan di bawah bajet ini sebanyak RM1,980,000 ini dapat digunakan untuk membina kuarters-kuarters bagi keselesaan pegawai-pegawai kita di Daerah Seberang Perai Utara. Dalam masalah kita hendak menyediakan bagi rakyat kita boleh membaca, kita selalu sediakan perpustakaan-perpustakaan desa dan perpustakaan-perpustakaan awam di seluruh negeri tetapi kalau kita tengok dalam bajet yang disediakan kita dapati hanya RM73,000 sahaja yang disediakan. Maknanya ini memanglah tidak cukup, RM73,000 ini saya ingat cuma kita hanya boleh sediakan satu sahaja perpustakaan awam bagi seluruh di Negeri Pulau Pinang. Sebab itu, mesti dilihat semula kalau kita mahu lebih ramai lagi rakyat mendapat kemudahan-kemudahan menggunakan perpustakaan awam di negeri ini.

Y.B. Tuan Speaker, dari segi pelancongan kita tengok, kita daripada dahulu sehingga sekarang kita tengok dalam bajet ini, dalam ucapan didapati bahawa kita banyak hendak bergantung kepada Kerajaan Pusat di samping yang disediakan oleh PDC untuk produk-produk pelancongan baru ini tetapi saya harap kita lebih pro aktif lagi bagaimana kita boleh menambah produk pelancongan baru di Pulau Pinang. Dahulu ada ura-ura untuk menyediakan *water taxi* di Negeri Pulau Pinang tetapi sampai sekarang tidak tahu setakat mana jadi. Kita kena tengok macam mana supaya ia menarik pelancong daripada luar negara lebih ramai lagi berkunjung ke Pulau Pinang kerana Pulau Pinang banyak bergantung kepada sumber perkhidmatan. Jadi kita harap dapat berbuat sesuatu. Yang baik kita cadangkan bagi baik-baik ini, kita hendak cadang beri elok-elok, bagi negeri kita elok.

Begitu juga dengan pembangunan sumber bio pelancongan hutan, jadi kita tengok ada peruntukan disediakan sebanyak RM2,360,000 ini maka saya ingat Ayer Itam Dalam di Seberang Perai Utara ini patut kita berikan perhatian supaya ianya menjadi benar-benar kawasan pelancongan hutan yang boleh dikunjungi oleh pelancong-pelancong dalam dan juga luar negara.

Y.B. Tuan Speaker, menyentuh sedikit tentang bajet ini untuk agama. Saya tengok pegawai-pegawai masjid kita di masjid daerah-daerah ini, imam, penolong imam, siak, bilal dan sebagainya, saya harap kalau boleh Kerajaan Negeri membayar elaun atau menjadikan perjawatan ini sebagai satu perjawatan tetap sebagaimana yang telah diamalkan di negeri-negeri lain diletakkan di bawah Kerajaan Negeri. Jadi saya harap Kerajaan Negeri dapat mencontohi negeri-negeri lain dan menyediakan bajet untuk pembayaran gaji dan kakitangan tetap di masjid-masjid daerah.

Y.B. Tuan Speaker, saya pun hairan tentang dasar, tidak tahu sama ada dasar baru perumahan ini sudah berubah kerana baru ini dalam bajet, Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan bahawa akan memberikan perhatian dalam projek perumahan kos sederhana. Adakah ini menggambarkan bahawa ini kita akan mengetepikan projek perumahan kos rendah sedangkan ramai lagi rakyat negeri kita yang memerlukan rumah kos rendah. Kalau kita melihat sekarang ini di Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri terdapat 49,191 orang yang memohon untuk mendapatkan rumah kos rendah ini tetapi sehingga bulan 30 September 2008 hanya sebanyak 37,352 orang yang ditawarkan. Makna masih ramai lagi orang yang masih memerlukan rumah kos rendah dan kalau kita lihat kepada 49,000 itu mungkin angka ini telah meningkat. Kita lihat masih ramai lagi orang yang bertanya kenapa mereka ini masih belum dapat rumah kos rendah dan sebagainya. Sebab itu dasar ini perlu kita beri balik. Kadang-kadang membina rumah kos rendah, bukan seperti yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kita hendak bina rumah kos sederhana dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri. Sebab itu adakah dasar ini sudah Kerajaan Negeri cuba hendak ubah dasar rumah kos rendah kepada kos sederhana. Sebab itu kita harap dapat penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.B. Tuan Speaker, kita lihat masalah belia hari ini, belia di Negeri Pulau Pinang. Kita nampak bahawa kurangnya program dan aktiviti-aktiviti belia yang dianjurkan atau pun yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri sendiri. Saya tidak tahu dalam bajet ini, saya tidak dapat meneliti dekat mana diletakkan bajet untuk mungkin di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan sebagainya. Saya tidak nampak dengan jelas berapa bajet yang disediakan ke arah pembangunan belia di Negeri Pulau Pinang ini dan apakah perancangan Kerajaan Negeri tentang hendak membangunkan belian di Negeri Pulau Pinang dan apakah program dan aktiviti yang dilancarkan dan sebagainya.

Y.B. Tuan Speaker, satu perkara lagi ialah tentang kita selalunya bangga kerana Pulau Pinang ada pasukan bola sepak. Hari ini orang Pulau Pinang sudah tidak bangga sudah kerana pasukan bola sepak Pulau Pinang seolah-olah tidak diberikan perhatian yang serius. Kita tengok ada pemain-pemain bola sepak dari Pulau Pinang, enam bulan tidak dapat gaji dan saya difahamkan ada yang kata kepada saya ada yang sedang berniaga nasi lemak dan tidak dapat gaji enam bulan. Bagaimana kalau macam ini hendak meninggikan taraf pemain bola sepak negeri dan siapa hendak main kalau keadaan kita tidak pernah beri perhatian. Sebab itu Kerajaan Negeri kena memberi perhatian ke arah hendak membantu pasukan bola sepak Negeri Pulau Pinang. Mungkin

dalam bajet pun saya tidak nampak disediakan RM4.1 juta untuk pembangunan sukan itu mungkin untuk fizikal untuk pembangunan tetapi untuk pembangunan bola sepak itu sendiri, berapakah yang di sedia untuk membantu FAP sendiri bagi membangunkan bola sepak Negeri Pulau Pinang dan kita pun hairan kenapa tiba-tiba Ahli Kawasan Penanti yang juga Y.A.B. Timbalan Ketua Menteri letak jawatan. Tidak buat kerja apa lagi tahu-tahu letak jawatan. Tunggu sampai enam, tujuh bulan dan selepas itu letak jawatan. Jadi, kita harap Kerajaan Negeri sama-sama ke arah kita hendak membangunkan bola sepak di Negeri Pulau Pinang.

Begitu juga, kita juga hairan bagaimana baru ini sebuah syarikat swasta ura-ura hendak menganjurkan *King Of Tennis* di Pulau Pinang, tiba-tiba dibatalkan dan ini memalukan Negeri Pulau Pinang. Orang semua sudah tahu dan tiba-tiba benda itu tidak jadi, tapak telah disediakan, sudah korek dan sudah buat apa semua di Esplaned, tiba-tiba tidak jadi dan ini satu benda yang memalukan. Kenapa Kerajaan Negeri tidak memberikan perhatian sama-sama membantu untuk menjayakan ini. Ini untuk hendak menarik pelancong datang ke Pulau Pinang juga, kenapa kita biarkan keadaan ini berlaku dan akhirnya memalukan Kerajaan Negeri sendiri kerana kegagalan penganjur menganjurkan pertandingan pada 14 hingga 16 November yang lalu. Jadi kita harap Kerajaan Negeri dapat memberikan penjelasan tentang perkara ini. Tentang hari ini, kita tengok harga minyak tiap-tiap bulan turun tetapi harga barang tidak turun. Kita ada melantik pemantau-pemantau di tiap-tiap kawasan untuk memastikan. Apakah tindakan pemantau ini, bolehkah Ahli daripada Kawasan Batu Maung yang menjaga portfolio ini memberi laporan lengkap terhadap peniaga-peniaga yang ingkar dan enggan menurunkan harga barang-barang. Jadi kita harap tindakan dapat diambil.

Y.B. Tuan Speaker, tentang MPSP ini kita tengok bajet kita tengok memanglah kurang. Tapi janganlah kerana bajet kurang kita mengabaikan kawasan-kawasan tentang kebersihan. Saya tanya berapa banyak hasil yang dipungut oleh MPSP di Daerah Seberang Utara daripada hasil cukai. Jawab dia RM20,914,48, berapa banyak dibelanjakan untuk pengurusan sampah dan lain-lain penyelenggaraan, hanyalah RM779 ribu, makna barulah 8% sedangkan rakyat Seberang Perai Utara membayar cukai yang tinggi. Tapi perkhidmatan yang diberikan terlalu sedikit sebab itu kebersihan di kawasan Seberang Perai Utara kurang, banyak longkang-longkang yang tidak cuci, sampah banyak semua kawasan di SPU ada kontraktor, kawasan Sungai Dua tidak ada.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan. Sebenarnya Y.B. Sungai Dua, berkenaan dengan sampah-sampah dan longkang tidak bersih memang saya persetujuan tetapi hakikatnya kontraktor yang kita upah tidak buat kerja. Saya sudah banyak kali bangkitkan dalam MPSP. Kontraktor yang tidak buat kerja itu kena sembelih dia, kena buang kerja. Ini baru betul. Kita asyik bayar kepada mereka tapi mereka tidak buat kerja kita kena tengok hakikatnya, jangan salah tuduh. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidak tuduh, tetapi saya cakap kenyataan, fakta. Bercakap fakta di kawasan Sungai Dua tidak ada kontraktor dilantik untuk menjalankan kerja-kerja. Tidak ada, sebab itu saya kata kakitangan MPSP perlu sepanjang ada pasukan di situ untuk menyelesaikan masalah-masalah pembersihan di kawasan Sungai Dua.

Y.B. Tuan Speaker, kita semua sedia maklum Kerajaan Negeri semasa ambil alih hari itu menyedari masalah kewangan di MPSP. Dah sedar dan cakap bahawa tindakan-tindakan akan diambil usaha-usaha akan dilakukan. Tapi apabila Y.A.B. Ketua Menteri membenteng bajet, kita tidak nampak usaha-usaha yang diambil. Keadaan kewangan MPSP masih dalam keadaan teruk. Sepatutnya beberapa langkah-langkah mesti diambil untuk memastikan MPSP punya sumber kewangan untuk menyelesaikan masalah rakyat. Antaranya kita tengok bangunan MPSP yang lama di Pantai Bersih, terbiar begitu sahaja. Bangunan cantik terbiar begitu sahaja. Nak cari hasil jual bangunan itu ataupun sewa. Buat sesuatu bangunan terbiar, lama kelamaan akan jadi usang. Akhirnya akan jadi masalah. Begitu juga MPSP ada tanah di Ampang Jajar, bangun projek perumahan rakyat. Boleh ambil duit untuk mengukuhkan kewangan MPSP. Tidak tahulah, tidak ada langkah-langkah yang diambil dan laporan Audit pun tidak dibentangkan sehingga kini. Saya harap Kerajaan Negeri kena proaktif sedikitlah. Jadi Y.B. Tuan Speaker, saya sekali lagi hendak mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker kerana telah memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk sama-sama ambil bahagian di dalam pembentangan belanjawan pada kali ini. Jadi dengan ini saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya Y.B. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Bajet 2009 Negeri Pulau Pinang. Dengan izin saya ingin memberi sedikit pandangan dan memberi beberapa cadangan kepada Bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali Kerajaan Negeri harus meneliti projek-projek pembangunan yang melibatkan pembinaan bangunan tinggi dan pencakar langit...(dengan izin), *skyscrapers* di kawasan tanah tinggi atau *hillslopes*. Tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru dalam menolak kelulusan projek mega seperti PGCC (Penang Global City Centre) merupakan satu tindakan yang bijak dan bertanggungjawab yang selaras dengan kehendak rakyat untuk memelihara alam sekitar kita.

Dalam menghadapi kehabisan sumber-sumber semula jadi yang semakin terhad, harga pasaran minyak yang tidak menentu serta keadaan ekonomi dunia yang lembap, pembangunan bangunan konkrit yang tinggi yang memerlukan simen, pasir, besi dan batu-bata yang banyak adalah tidak lagi sesuai dan ekonomik dalam memelihara persekitaran kita. Mengikut kajian yang dibuat, lebih kurang 70% sumber tenaga di seluruh dunia ini digunakan semata-mata untuk membina bangunan pencakar langit, rumah kediaman dan kilang yang bukan sahaja tidak *environmentally friendly* tetapi akan merosakkan ekosistem sesetengah binatang yang kian menghadapi kepupusan. Pada hakikatnya, lama-kelamaan pembangunan yang tidak terkawal juga akan menghabiskan sumber-sumber semula jadi seperti minyak, gas asli, besi dan sebagainya yang tidak boleh diperbaharui.

Oleh yang demikian, sebagai Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dan berwawasan ianya adalah relevan dan penting untuk memperkenalkan garis panduan dan polisi-polisi yang lebih sesuai untuk para pemaju dan pengusaha dalam pembangunan rumah kediaman dan bangunan dengan bahan-bahan yang dikitar semula...(dengan izin), *recycled materials* dan tidak begitu bergantung kepada tenaga elektrik tetapi tenaga solar, angin dan air mengikut konsep *Green Buildings* yang bertaraf *Autonomous City* di Bandaraya New York dengan penggunaan bahan-bahan kitar semula dan tenaga elektrik yang minimum. Tujuan utama konsep *Green Buildings* ialah menjimatkan tenaga, mengurangkan pencemaran dan lalu memelihara sumber-sumber semula jadi.

Di negara maju seperti Amerika Syarikat penggunaan tenaga solar, angin dan air semakin popular dan amat digalakkan memandangkan lapisan ozon kita semakin hari semakin tipis ekoran daripada pembangunan yang pesat, pembuangan sisa-sisa serta pengeluaran gas-gas yang membahayakan oleh kilang-kilang yang telah menyebabkan suhu menaik dan cuaca yang tidak menentu.

Y.B. Tuan Speaker, Malaysia merupakan sebuah negara yang jarang menghadapi malapetaka melainkan banjir kilat tetapi pada tahun 2004 tsunami yang tidak pernah berlaku ini telah melanda Pulau Pinang. Kita tidak sepatutnya menganggap kejadian ini sebagai *Act of God* atau menyalahi Tuhan apabila berlakunya tragedi sebegini. Jangan kita tidak mempedulikan fenomenon ini yang sememangnya telah memberi amaran kepada kita supaya tidak begitu ghairah atau terlalu mementingkan pembangunan sehingga persekitaran kita termusnah dan menyebabkan kehilangan nyawa. Apakah manfaatnya dengan pembangunan yang pesat sedangkan masih ramai rakyat di Pulau Pinang hidup dalam kemiskinan dan terpaksa menghadapi risiko banjir kilat ekoran daripada pembangunan yang tidak dirancang dengan baik. Banjir kilat atau ...(dengan izin), *flash flood* yang sering berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini bukan satu perkara yang luar biasa. Sistem perparitan dan empangan kita tidak mampu menampung air hujan yang terlampau banyak. Namun demikian, banjir kilat yang sering berlaku akan mengakibatkan kerugian dan kesusahan kepada orang ramai dan perniagaan. Dalam ini, saya mencadangkan Kerajaan Negeri mengkaji semula dan meneliti semua projek pembangunan demi memastikan alam sekitar negeri kita terpelihara dan masalah banjir kilat diselesaikan dalam tempoh lima tahun.

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan dengan cukai tanah dan cukai pintu, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk membuat kajian dalam pemberian rebat cukai tanah dan cukai pintu kepada golongan miskin selaras dengan rancangan Kerajaan Negeri dalam membasmi kemiskinan tegar. Ini secara langsung akan membantu rakyat miskin menghadapi tekanan ekonomi yang lembap.

Y.B. Tuan Speaker, seperti yang kita semua sedia maklum, kebersihan adalah tanggungjawab kita semua sebagai rakyat Pulau Pinang dalam memastikan keadaan yang bersih dan selesa di merata-rata tempat di Pulau Pinang. Di antara faktor utama yang menyebabkan kekotoran yang tidak terkawal adalah kekurangan kesedaran sivik di kalangan rakyat. Kita semua tahu bahawa kebersihan di Pulau Pinang adalah amat tidak memuaskan. Contohnya sampah-sarap yang tersumbat di longkang-longkang di sekitar Bandar George town dan juga tempat-tempat lain adalah terlalu serius. Keadaan ini sudah tentu boleh mengancam kesihatan penduduk-penduduk dan secara langsung akan menggugat sektor perindustrian dan pelancongan.

Y.B. Tuan Speaker, izinkan saya menyelitkan sekerat pantun yang berbunyi sebegini, Pulau Langkawi Pulau Legenda, Pulau Pinang Pulau Mutiara. Mengikut sejarah, Pulau Pinang telah diberi pengiktirafan sebagai Pulau Mutiara atau *Pearl of the Orient* sejak penjajahan British dahulu. Pengiktirafan ini pada halnya merupakan satu kelebihan yang menjadikan Pulau Mutiara ini terkenal dalam industri pelancongan dengan keindahannya. Lebih-lebih lagi, Negeri Pulau Pinang baru dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada 7 Julai 2008.

Dalam keadaan ini, ada baiknya selain daripada mengadakan kempen pembersihan yang lebih kerap, satu rancangan jangka masa pendek dalam membersihkan Pulau Pinang ialah melalui penguatkuasaan yang lebih berkesan seperti di Singapura. Di Singapura saya difahamkan bahawa sesiapa yang ditangkap membuang sampah bukan sahaja akan dikenakan kompaun malahan orang itu juga dikehendaki menjalankan kerja-kerja komuniti terutamanya pembersihan.

Kebelakangan ini saya difahamkan bahawa Majlis Perbandaran Pulau Pinang tengah berusaha membersihkan Pulau Pinang terutamanya dalam mengadakan kempen pembersihan pada setiap hari Jumaat. Inisiatif oleh MPPP ini adalah baik dan berhemah. Sekiranya keadaan mengizinkan saya ingin meminta MPPP supaya menambahkan kekerapan kempen pembersihan ini dari 1 hari kepada 3 atau 5 hari seminggu. Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya MPPP menempatkan lebih banyak tong sampah di kawasan lalu lalang orang ramai yang strategik bagi memudahkan pembuangan dan pengurusan sampah sarap. Kempen pembersihan ini harus dijalankan sehingga keadaan seluruh Pulau Pinang menjadi bersih di mana semua rakyat dapat hidup dalam suasana yang bersih, selesa dan sihat.

Justeru itu, saya mencadangkan supaya satu Pasukan Khas ...(dengan izin), *Task Force* ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis-majlis Perbandaran untuk mengatasi pelbagai masalah kekotoran yang dihadapi di sekitar Pulau Pinang dengan menumpukan perhatian dalam:-

- (i) membersihkan sekitar kawasan negeri ini terutamanya Bandar George Town;
- (ii) melancarkan kempen-kempen untuk mendidik dan memupuk Gaya Hidup Yang Sihat Bermula Dari Kebersihan; dan
- (iii) penguatkuasaan yang tegas.

Y.B. Tuan Speaker, saya yakin dengan pelaksanaan kempen pembersihan dan penubuhan Pasukan Khas *Task Force* ini, kita boleh memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang tidak akan terjejas di mana kebersihan yang memuaskan akan menggalakkan para pelancong untuk terus mengunjungi Pulau Mutiara indah ini dengan beraneka hidangan makanan yang lazat.

Y.B. Tuan Speaker, mengikut bajet tahun 2009 Negeri Pulau Pinang, pada muka surat 4, hasil bukan cukai yang dipungut daripada lesen perahu dan lesen menangkap ikan masing-masing hanya dianggarkan berjumlah RM90,300.00 untuk tahun 2009. Memandangkan jumlah hasil ini adalah begitu kecil dalam satu industri yang menyumbang kepada makanan harian kita, saya ingin mencadangkan supaya hasil ini dikecualikan dan dijadikan sebagai insentif kepada para nelayan dan juga sebagai langkah dan keikhlasan Kerajaan Negeri di dalam membantu para nelayan menangani peningkatan kos sara hidup dan inflasi yang semakin tinggi. Pengecualian hasil bukan cukai ini juga akan menggalakkan para nelayan lebih menumpukan kepada produktiviti dan bekalan ikan untuk negeri ini. Saya berharap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan saya ini demi membantu para nelayan dalam memajukan industri perikanan di Pulau Pinang. Di samping itu, saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya memperuntukkan satu bajet dalam mempertingkatkan kehidupan para nelayan seperti pembelian bot-bot yang canggih dengan kelengkapan sonar, radar, radio dan sebagainya yang boleh membantu mempertingkatkan hasil tangkapan mereka. Lebih-lebih lagi Y.B. Tuan Speaker, dengan adanya kelengkapan yang canggih, keselamatan para nelayan kita akan lebih terjamin memandangkan kelengkapan yang canggih boleh meramal keadaan cuaca dan sebagainya.

Y.B. Tuan Speaker, Berkenaan dengan perbelanjaan yang disediakan untuk Jabatan Bekalan Air di muka surat 12, saya tertanya-tanya mengapa tidak ada anggaran perbelanjaan untuk tahun 2009. Selain itu di muka surat 16 dan 17 di bawah perkara No. 2 projek Pihak Berkuasa Air pula, tidak ada anggaran perbelanjaan untuk tahun 2009. Adakah ini bererti tidak ada bajet untuk projek-projek yang disenaraikan tersebut untuk tahun 2009. Sekarang berkenaan dengan kesesakan lalu lintas, oleh kerana kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang tidak akan diselesaikan dalam jangka masa yang pendek, saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengadakan satu program mendidik dan menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah melalui bas sekolah. Dalam keadaan ini, saya yakin akan mengurangkan kenderaan swasta di jalan raya semasa sekolah bersurai. Tambahan pula, ini akan memudahkan syarikat bas dalam penghantaran murid-murid ke sekolah di suatu tempat yang sama.

Selain itu, ia juga menjimatkan kos dan masa ibu bapa kerana kenderaan yang bergerak perlahan-lahan...(dengan izin), *bumper to bumper* semasa kesesakan akan memakan lebih banyak minyak di mana brek, injin, alat hawa dingin bersama radiator kenderaan akan menjadi haus atau...(dengan izin), *wear out* dengan lebih cepat di mana pengeluaran asap juga akan mencemarkan alam sekitar sama sekali. Akhirnya yang lebih penting sekali ialah ia dapat mengurangkan *driving stress* ibu bapa. Dengan ini saya menggulung ucapan saya dan saya memohon untuk menyokong Bajet 2009 Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker :

Yang Berhormat Datok Keramat,

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh) :

(Dengan izin)..., Y.B. Tuan Speaker, izinkan saya berbahas serba sedikit tentang Bajet 2009 yang telah pun dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri hari Jumaat yang lalu. Saya ingin terlebih dahulu mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang telah membentangkan satu Bajet *pro- job* dan *pro pour* yang mana kita dapat melihat keseluruhannya *pro-penangite*. Dari permulaannya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang begitu fokus kepada rancangannya untuk menghapuskan kemiskinan tegar di Negeri Pulau Pinang menjelang bulan Mac 2009, saya percaya bahawa Kerajaan Negeri dapat mencapai maklumat yang ini dalam tempoh yang terkini dan melakukan apa yang telah gagal dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional di dalam tempoh 50 tahun ia memerintah.

Dalam pada ini dalam berkenaan rancangan untuk menghapuskan kemiskinan tegar saya ingin menanyakan dua perkara nombor satu senarai pihak yang layak menerima bantuan tersebut mesti di kemas kini, tadi kita sudah lihat Y.B. Sungai Dua apabila dalam ucapannya mengatakan tentang senarai tersebut tidak lengkap dan juga Y.B. Sungai Puyu mengatakan itu adalah apa yang kita *inherit* daripada Kerajaan Barisan Nasional tapi pokoknya hakikatnya Y.B. Tuan Speaker, ialah senarai ini sememangnya tidak lengkap atau pun perlu dikemas kini, sebagai contoh di kawasan saya di Datok Keramat senarai yang wujud mengatakan ada empat keluarga yang layak atau pun dikira sebagai miskin tegar tetapi pemantauan yang dibuat oleh pihak saya melalui beberapa Ketua Kampong setakat ini saya dapati ada 124 keluarga sedemikian di kawasan Datok Keramat sahaja, *now* apa yang Y.B. Sungai

Puyu katakan tentang SOP yang wujud untuk mengenali siapa itu miskin tegar apa yang dipohon oleh beliau begitu penting iaitu setiap Ahli Yang Berhormat mesti turun padang dan cuba membuat bantuan untuk mengenal pasti siapa yang miskin tegar itu kerana matlamat yang ada pada Kerajaan Negeri itu satu matlamat yang ikhlas tetapi kita hendak pastilah bahawa semua orang yang miskin tegar itu akan menerima manfaat bantuan yang dicadangkan tersebut.

Kedua berkenaan dengan miskin tegar itu Y.B. Tuan Speaker, kita dapat lihat daripada panduan atau pun pendapatan garis kemiskinan bagi kategori miskin tegar ditakrifkan sebagai keluarga yang menerima kurang daripada RM400 sebulan, saya ini juga menyeru atau menyarankan kepada Kerajaan Negeri untuk menyemak sama ada garis panduan ini, garis kemiskinan ini yang memberi mentakrifkan miskin tegar itu hendak disemak kerana di dalam keadaan inflasi keadaan kenaikan harga, akibat kenaikan petrol dan sebagainya yang mendadak baru-baru ini sama ada RM400 ini mestilah disemak kerana saya berpendapat mungkin ia seharusnya dinaikkan kerana RM400 sekeluarga memang miskin tegar, itu adalah memang miskin tegar tetapi saya berpendapat memandangkan keadaan atau pun harga yang begitu tinggi untuk keperluan eksais duti dan *basic necessity* maka mungkin akan dapat disemak supaya garis kemiskinan itu dinaikkan itu cadangan saya bagi isu miskin tegar dan juga berkenaan keikhlasan Kerajaan Negeri di dalam menolong atau memberi bantuan untuk meringankan beban rakyat Pulau Pinang, saya ada satu rayuan atau pun permohonan yang ingin membuat kepada Kerajaan Negeri. Kita mesti menjaga pengkhidmat-pengkhidmat awam kita dengan begitu baik, saya dimaklumkan sepanjang lama ini pengkhidmat-pengkhidmat awam yang bekerja di KOMTAR perlu membayar *parking fee*. Ini satu perkara yang mengejutkan kepada saya apabila saya mendapat tahulah input.

Saya difahamkan di negeri-negeri lain di bangunan pejabat Kerajaan Negeri beliau di situ tidak ada keperluan untuk pengkhidmat-pengkhidmat awam untuk membayar *fee parking* mungkin ini satu isu yang kecil jumlahnya tidak begitu banyak tetapi pada pengkhidmat-pengkhidmat awam kita sendiri yang bukan mendapat gaji yang begitu tinggi di dalam keadaan kewangan yang atau pun sepertimana yang saya nyatakan tadi harga-harga semua naik *even this ...*(dengan izin), *this small amount* ada kesan *you can feel the pinch*. Berkenaan ini menyeru Kerajaan Negeri supaya pertimbangkan supaya dapat memberi *parking* percuma kepada semua pengkhidmat-pengkhidmat awam di KOMTAR.

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan Bajet pertama Kerajaan Negeri baru yang telah dibentangkan apa yang harus ditangani ialah faktor ia adalah satu bajet yang dibentangkan pada waktu ini di mana kebetulannya ekonomi dunia sedang berada di dalam satu *recession* walau pun Kerajaan Negeri akan menghadapi satu ujian yang benar *true test* ...(dengan izin), dalam kemelesetan ekonomi yang sudah tentu akan mempunyai kesan kepada ekonomi negara dan juga ekonomi negeri saya pasti bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri akan dapat mengatasi segala rintangan-rintangan yang bakal dihadapinya akibat krisis ekonomi sedunia pada masa kini. Dari segi ini Y.B. Tuan Speaker, saya menyokong penuh sepuluh langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri kita yang prihatin untuk menjana pertumbuhan ekonomi secara berterusan sepertimana yang telah dikatakan di dalam bajet yang telah dibentangkan.

Y.B. Tuan Speaker, memandangkan krisis ekonomi yang melanda dunia maka sudah pasti di negara-negara maju yang telah ...(dengan izin), *hit badly* oleh *recession* kemelesetan kegawatan ekonomi dunia ini banyak orang sudah tentu akan kehilangan pekerjaan di situ saya menyeru Kerajaan Negeri dalam pada ini supaya mengambil kesempatan krisis ekonomi sedunia ini di mana ada banyak kehilangan pekerjaan di luar Negara Malaysia untuk menarik balik *talent* warga Negara Pulau Pinang yang telah pergi ke sana untuk bekerja tetapi sudah kehilangan kerja kerana krisis ekonomi itu adalah penting *it is opportunity* ...(dengan izin), *to call back* yang telah pergi ke Luar Negara pada waktu dahulu, saya juga selain daripada itu menyarankan kepada Kerajaan Negeri mempertimbangkan di masa ini sewaktu krisis ekonomi melanda dunia dan juga Negeri Pulau Pinang untuk pertimbangkan supaya menahan pengambilan pekerja-pekerja asing ke Pulau Pinang supaya dapat memberi *priority* kepada penduduk tempatan untuk mendapatkan pekerjaan di dalam keadaan ekonomi ini di mana kemungkinan besar akan terdapat kes-kes pengangguran atau pun kehilangan pekerjaan yang mungkin akan berlaku tidak lama lagi.

Y.B. Tuan Speaker, di dalam mengharungi *infact* krisis ekonomi global ini saya juga menyarankan Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah yang lebih banyak untuk berjimat cermat impak ini telah pun dan sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri kita yang ikhlas, prihatin akan perlunya untuk jimat cermat. Keputusan yang telah dibuat untuk tidak membeli kereta baru pada permulaan apabila kita mengambil alih kerajaan adalah satu contoh Y.B. Tuan Speaker, betapa prihatinnya Kerajaan Negeri terhadap keperluan ini *infact* selain daripada itu baru-baru ini keputusan untuk mengambil *flight economy*, kelas itu amat menunjukkan betapa prihatin Kerajaan Negeri untuk berjimat cermat walau pun rakan

saya dari Sungai Dua tadi mengatakan *actually* kita perlu untuk *enjoy better* ...(dengan izin), *higher class on flight* Yang Berhormat, *now* pegawai kerajaan tetapi saya berpendapat apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri amat prihatin, Kerajaan baru ini bukanlah macam Kerajaan Negeri dahulu di mana mereka adalah satu keperluan untuk pegawai kerajaan untuk mengambil *first class* dan sebagainya, sampai hari ini mereka masih merungut sebegitu, tetapi jangan risau sekarang Yang Berhormat tadi di sebelah sana kalau hendak ambil *you* punya duit keluar apabila hendak mengambil *first class* boleh tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita *maintain* prinsip untuk mengambil *flight economy class*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, sebagaimana yang kita nyatakan pegawai-pegawai kerajaan masing-masing mempunyai hak-hak mereka yang telah pun dimaktubkan di peringkat pentadbiran pusat dan juga negeri melalui pekeliling-pekeliling itu hak mereka jadi kalau pegawai-pegawai kerajaan itu telah diambil hak mereka maka mereka menjadi pegawai yang hilang motivasinya dan dalam hal ini bukan kerajaan dahulu membazir atau sebagainya kita mengikut SOP yang sedia ada, kita mengikut apa itu hak-hak kepada pegawai atau kakitangan kerajaan mengikut *gred* dan *skill* masing-masing maka kerajaan dahulu mengikut kita tidak membuat sewenang-wenang kerana keputusan untuk memberi hak-hak istimewa pada pegawai-pegawai kerajaan itu dibincangkan di peringkat-peringkat tertentu yang sah. Jadi sekarang ini pekeliling-pekeliling sedemikian belum dibatalkan malah di negeri-negeri lain perkara itu dilaksanakan berterusan tetapi mengapa di Negeri Pulau Pinang dalam keadaan pekeliling masih terguna pakai tiba-tiba kita mengehendkan dan kita telah mengetepikan keistimewaan yang sepatutnya dinikmati oleh pegawai-pegawai kerajaan berkenaan.

Kita juga kena ingat bahawa pegawai-pegawai kerajaan yang mendapat penerbangan *benefit* atau faedah manfaat penerbangan kelas *business* dan sebagainya itu merujuk kepada tugas mereka dan juga kepentingan yang ada pada diri pegawai berkenaan kita kena faham pegawai-pegawai yang terlibat begitu sibuk mengejar masa dan sebagainya kadang-kadang sampai subuh-subuh lagi sudah kena naik *flight* hendak masuk dan pergi mesyuarat pukul 9.00 pagi jadi tidak sempat sarapan, sebab itu kerajaan menetapkan supaya pegawai-pegawai tinggi diberikan kemudahan *bussines class* dan sebagainya supaya kemudahan-kemudahan itu, bersarapan dan sebagainya akan dapat dinikmati tidak ada pegawai tinggi kerajaan kita pergi ke mesyuarat tidak sempat makan.

Itu tujuannya, kepentingannya untuk menjaga prestasi pegawai-pegawai kita, jangan hanya kalau kita hendak menunjukkan keprihatinan itu dan ini dan sebagainya, kita berjimat cermat, kita mengikat perut pada keadaan yang tidak perlu mengikat perut, tetapi dalam keadaan lain kita tidak mengikat perut, kita mungkin berbelanja luar dan apa yang sepatutnya pula. Jadi saya rasa balik kepada *standard procedure* yang sedia ada, jangan kita memangsakan pegawai-pegawai kerajaan yang mendapat hak dinafikan dan sebagainya. Jadi ini mencabar kredibiliti CAT yang diperkenalkan oleh kerajaan sekarang pun. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Yang Berhormat, *I think* isu yang saya bangkitkan ialah prinsip yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri yang baru, iaitu prinsip perlunya jimat cermat. Memang pekeliling yang wujud itu adalah pekeliling wujud pada waktu dahulu, sekarang kita menghadapi rintangan krisis ekonomi sedunia yang masih belum melanda Negara Malaysia dan Negeri Pulau Pinang dengan sepenuhnya, so kita mesti membuat permulaan untuk berjimat cermat, dan itu adalah salah satu cara berbuat demikian ialah untuk kita gunakan *flight* ekonomi selain daripada *flight bussines class* dan sebagainya.

Saya dengan serius berpendapat bahawa penggunaan kelas ekonomi di dalam sesuatu *flight* itu tidak akan menjejaskan prestasi ataupun mutu pekerjaan seorang pegawai kerajaan tersebut, so pada saya logik yang ada dan wujud adalah kita perlu jimat cermat ada banyak caranya. Daripada penjimatan cermat ini oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri dapat mengumpulkan dana ataupun duit yang lebih banyak dan memberi bantuan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang yang memang memerlukannya seperti memberi rebet RM100.00 kepada lebih 170,000 orang di Pulau Pinang, so kita tidak pergi dan tidak mengambil *bussines class flight* kerana kita hendak salurkan wang itu kepada rakyat yang memerlukannya, Itu apa Kerajaan Negeri Pulau Pinang lakukan dan saya ingin memberikan pujian yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk ini dan harap mereka akan terus mencari contoh ataupun cara lain untuk berjimat cermat Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker, selain daripada contoh-contoh yang saya telah berikan untuk jimat cermat yang telah pun dilakukan dan sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Saya ada satu cadangan lain, di mana saya mencadangkan pada Kerajaan Negeri supaya semua kenderaan Kerajaan Negeri yang ada ditukarkan penggunaannya dari petrol ke *Compress Natural Gas* (CNG), kerana ini akan mempunyai satu penjimatan yang begitu ketara dan yang berterusan. Bukan sekarang sekadar satu kali gus,

tetapi berterusan di mana saya telah membuat beberapa ataupun *just small calculations* berkenaan penjimatan yang boleh kita dapati sekiranya kita tukarkan kepada CNG. Kalau kita ikut harga petrol sebelum ianya naik, *of course* hari ini telah turun kepada RM2.00, tetapi sebelum ianya naik *the original price* at RM1.92 sen Y.B. Tuan Speaker, waktu itu petrol 1 kilometer adalah 22 sen, NGV 6 sen pada 1 kilometer, *now* sekiranya seorang itu memandu 60 kilometer sehari untuk 30 hari sebulan. Satu bulan dia boleh menjimatkan sebuah kenderaan dalam sebulan dalam lingkungan RM300.00 kalau digunakan NGV. *Now* dalam satu tahun ini adalah lebih kurang RM4,000.00 atau RM3,600.00 pada sebuah kenderaan dan ini akan berterusan. *So* saya mencadangkan satu cara lain untuk jimat cermat ialah dengan menukar penggunaan kenderaan daripada petrol kepada penggunaan CNG ini.

Seterusnya Y.B. Tuan Speaker, berkenaan isu kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang. Jelas Negeri Pulau Pinang yang sering mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk dan kesesakan ini Y.B. Tuan Speaker secara langsung menyumbang kepada kemerosotan prestasi ekonomi, memandangkan banyak masa yang dibazirkan daripada rakyat jelata dalam kesesakan lalu lintas, maka Kerajaan Negeri mestilah memberi fokus yang tajam pada isu menangani kesesakan lalu lintas, malangnya Y.B. Tuan Speaker, Kerajaan Persekutuan yang di terajui oleh Y.A.B. Perdana Menteri yang berasal daripada Negeri Pulau Pinang telah pun menangguhkan pelaksanaan dua projek mega iaitu Projek Monorel dan PORR.

Walaupun Kerajaan Negeri telah pun berkali-kali meminta Kerajaan Persekutuan supaya mengkaji semula keputusan tersebut tetapi malangnya tiada kerjasama dari Kerajaan Persekutuan untuk terus melaksanakan projek-projek tersebut, maka memandangkan hal ini Y.B. Tuan Speaker dan memandangkan betapa perlunya satu penyelesaian dicapai terhadap masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang saya menyeru Kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek tersebut secara swasta dan mengikut konsep tender terbuka agar memastikan ketelusan pelaksanaan projek-projek tersebut dan ini mesti dilakukan dengan secepat mungkin.

Kita ada kebolehan sendiri di mana ada banyak syarikat-syarikat swasta yang saya percaya dan difahamkan telah menunjukkan minat mereka untuk melaksanakan projek-projek yang tersebut. Berkenaan dengan satu isu lagi yang telah dibangkitkan dalam bajet yang telah dibentangkan ialah isu tentang pencegahan jenayah ataupun kadar jenayah di Pulau Pinang.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk bersetuju dengan sepenuhnya dengan Y.A.B. Ketua Menteri dari aspek keselamatan di mana beliau melaungkan slogan baru, rakyat Pulau Pinang bukan sahaja perlu selamat, tetapi pasti merasai selamat, ...(dengan izin), *not only be safe, but also feel safe*, tetapi Y.B. Tuan Speaker, saya harapkan slogan ini dapat diterjemahkan pada satu *reality*. *Now* sejak kebelakangan ini, kita sudah pun melihat banyak kes jenayah yang serius berlaku, di antaranya yang serius berlaku, satu kes yang melibatkan pembunuhan isteri seorang bekas ADUN Dewan ini juga iaitu Yang Berhormat yang dahulu iaitu Y.B. Lai Chew Hock. Sehingga sekarang Y.B. Tuan Speaker, tiada seorang suspek pun yang telah di bawa ke muka pengadilan untuk kes pembunuhan tersebut.

Walaupun Y.B. Tuan Speaker, saya akur akan *constraints* ...(dengan izin), di dalam mana pihak pasukan polis menjalankan tugasnya. Saya berpendapat dan mencadangkan bahawa pihak polis seharusnya memaklumkan prestasi pelaksanaan tugasnya dari segi proses penangkapan sehingga penyelesaian sesuatu kes itu dari masa ke semasa kepada pihak awam *to the public* ...(dengan izin), agar orang awam senantiasa akan di *up date* dengan prestasi ataupun apa yang mereka buat. Ini adalah perlu untuk menimbangkan keadaan sekarang yang saya berpendapat tidak seimbang. Hari-hari kita lihat di surat khabar ada pembunuhan di sini, ada kebakaran di situ, *arson* dan sebagainya, banyak kes kita lihat, Penang banyak kes jenayah, tetapi sebenarnya pihak polis juga membuat kerja, mereka juga ada menangkap penjenayah, mereka juga ada mendakwa mereka di mahkamah. Mahkamah juga pada akhirnya pada setiap hari menghukum penjenayah-penjenayah ini, so kita mesti mengimbangkan keadaan yang kelihatan tidak seimbang ini supaya orang awam seperti mana Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan sebentar tadi, *not only are safe, but also feel safe* Y.B. Tuan Speaker.

Now, kalau pihak polis juga membuat pengumuman tentang prestasi *performance* mereka. Ini juga akan merupakan satu *deterrent* kepada bakal penjenayah. Penjenayah hari ini mereka membaca surat khabar, setiap hari ada jenayah apa pun mereka tidak ambil tindakan, tidak mengapalah kita buat, tetapi kalau ada pengumuman tentang mereka, prestasi polis tersebut, penjenayah akan takut. Ini juga satu cara untuk menjadikan ataupun membuat rakyat Negeri Pulau Pinang *feel safe* Y.B. Tuan Speaker.

Dari segi ini saya juga memuji Kerajaan Negeri yang mengambil langkah-langkah proaktif di dalam menyediakan dana permulaan sebanyak RM1 juta untuk mengatasi kekurangan anggota ataupun *introduce* pasukan rondaan sukarelawan untuk membantu kekurangan anggota polis yang tersebut. Dari segi ini Kerajaan Persekutuan Y.B. Tuan Speaker,

seharusnya tidak membenarkan sentimen politik menghalangnya daripada memberi bantuan kewangan yang diperlukan untuk meningkatkan bilangan anggota-anggota polis dan CCTV di kawasan-kawasan hitam yang mana telah *repeatedly* kita pohon, *now* dari segi ini saya nyatakan Y.B. Tuan Speaker, dan saya menyeru Kerajaan Persekutuan bahawa seseorang penjenayah itu tidak akan memilih mangsanya berdasarkan ideologi politiknya. DAP, MCA, MIC, GERAKAN dan UMNO semua pun dia akan hentam, so saya harap Kerajaan Persekutuan tidak main politik. Keselamatan rakyat Negeri Pulau Pinang, keselamatan rakyat Negara Malaysia mesti diutamakan, dan dari segi ini jangan main politik.

Now, Y.B. Tuan Speaker, saya beralih kepada satu isu yang lain iaitu sekiranya saya boleh nyatakan ...(dengan izin) *fiasco, fiasco* bajet MPSP adalah mengejutkan kita *inherited* ...(dengan izin), satu PBT ini yang mempunyai begitu banyak masalah dan kita lihat daripada pembentangan bajet yang baru dibentangkan ini, bahawa ia bankrap, MPSP hampir bankrap dan Kerajaan Negeri yang perlu sekarang untuk *revises* keadaan kewangan MPSP tersebut, dan apa yang saya ingin menyatakan adalah seperti mana tadi ada Yang Berhormat nyatakan daripada Ahli Kawasan Sungai Dua, bangunan MPSP ini yang sudah lama *vacant* kan mungkin sesuatu kita perlu buat untuk mendapat sedikit *income* daripadanya, mungkin daripada penyewaannya atau sebagainya, tetapi yang *imported* ataupun yang penting kita jangan lupa adalah bagaimana kronologi ataupun sejarah bangunan tersebut dibiarkan begitu sahaja sehingga hari ini.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Y.B. EXCO yang berkenaan, berkenaan dengan bagaimana bangunan MPSP yang sedia ada yang digunakan hari ini di PERDA, bagaimana ia boleh berada di situ, pada hal daripada kefahaman saya pada waktu yang terdahulu ada membangun ataupun *developer-developer* yang telah bersetuju untuk membangunkan bangunan MPSP pada kadar yang minima di satu tapak di Ampang Jajar tetapi ini tidak diterima pada hal kita membelanjakan begitu banyak wang untuk mendapat tapak yang sedia ada sekarang. Kita tidak mengambil apa yang diberikan pada harga yang begitu munasabah, ambil apa yang sedia ada pada harga yang begitu tinggi dan dalam proses itu, biarkan bangunan MPSP di Bagan tersebut terbiar begitu sahaja, / *mean this are* ...(dengan izin) Y.B. Tuan Speaker, ini adalah isu yang perlu ditangani ataupun dijelaskan.

Adakah isu-isu sebegini yang telah menyebabkan kemerosotan ataupun keadaan kewangan di MPSP itu begitu merosot sehingga kita terpaksa mengambil MPSP secara *almost* dalam keadaan bankrap dan saya berharap, dan saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh rakan saya ataupun Y.B. Sungai Dua bahawa *at the end of the day ...*(dengan izin) mana-mana projek yang telah terbengkalai atau menjadi *white elephant ...*(dengan izin) saya nyatakan seperti bangunan MPSP ini dan juga Stadium Batu Kawan. Saya sarankan atau menyeru Kerajaan Negeri supaya mengambil langkah-langkah yang serta merta dan cepat supaya kita boleh dapat manfaat daripada kedua-dua bangunan yang tersebut melalui misalannya penyewaannya kepada orang ramai dan sebagainya.

Y.B. Tuan Speaker, saya teruskan kepada isu yang selalu melibatkan kawasan saya di Datok Keramat iaitu isu banjir yang telah pun dibangkitkan oleh semua rakan saya pagi ini dan semalam. *Now*, kita tahu Y.B. Tuan Speaker, cuaca politik telah pun bertukar pada 8 Mac 2008 tetapi nampaknya malangnya cuaca pun telah bertukar so, di mana kita lihat sering kali di kawasan saya di Pulau lah, saya cakap tentang Pulau. Saya difahamkan banjir ini yang terserius di dalam tempoh 14 tahun yang lalu. *Now* saya telah buat serba sedikit siasatan terhadap Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang yang diperkatakan dan telah pun dibangkitkan dalam bajet dan saya dapati di dalam tahun 1999, Fasa I telah pun siap dilaksanakan. Selepas itu sampai hari ini Fasa II tidak diteruskan, dilaksanakan. Saya dapati air daripada Sungai Pinang ini melimpah keluar pada tiap-tiap kali ada hujan yang lebat pada bulan September dan Oktober. Mengapa Y.B. Tuan Speaker? Ini adalah angkara UMNO. Banjir di Sungai Pinang dilakukan atau disebabkan kerana UMNO. Saya hendak bagi tahu Dewan ini, UMNO yang adalah angkara sebab pasal di Sungai Pinang, Jalan P. Ramlee selalu akan menjadi Sungai P. Ramlee. Saya katakan itu adalah kerana ini, pada tahun 1999 apabila Fasa I siap dilaksanakan, Ketua UMNO Bahagian Jelutong telah membuat satu memorandum membantah pelaksanaan projek tersebut. Saya tidak tahu sama ada rakan-rakan saya sedar atau tidak ini telah berlaku. *We must be accountable*, siapa yang sebabkan banjir di Jalan P. Ramlee itu. Ada satu memorandum yang membantah pelaksanaan projek tersebut yang dikemukakan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri pada masa itu dan juga Kerajaan Negeri UMNO Bahagian Jelutong. Tidak ada apa yang berlaku selepas itu kerana ada memorandum ini. *Now*, keduanya pada tahun 2005 apabila ada usaha untuk melaksanakan proses pemindahan, sekali lagi UMNO Bahagian Jelutong memohon supaya proses pemindahan penduduk tersebut dibekukan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Mohon penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Ya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya rasa tuduhan ini kita pun tidak tahu kerana orang yang dituduh itu tidak ada di sini. Jadi saya minta supaya pihak yang berkuasa berkaitan dengan tebatan banjir dan perparitan sila berikan pengesahan terhadap apa pelaksanaan projek tersebut. Kalau apa yang didakwa oleh ahli daripada mana? Datok Keramat, sebab lindung dengan Ahli Bagan Dalam. Kalau perkara ini wujud, jadi persoalannya adakah pihak yang menguruskan tebatan banjir seperti JPS dan sebagainya hendak mendengar atau hendak mengambil berat terhadap surat bantahan daripada Ketua UMNO Jelutong atau pun pihak Kerajaan pihak tebatan banjir akan mengambil kira risiko yang akan ditanggung oleh rakyat. Jadi perkara ini semuanya dalam satu persoalan dan kita pun tidak tahu benar tidak benar adanya bantahan daripada UMNO Jelutong dan sebagainya. Jadi saya mohon pada Dewan yang mulia ini supaya jabatan yang berkenaan merujuk kepada kes yang telah dikemukakan oleh Datok Keramat dan kita mohon supaya diberi penjelasan terhadap kes tersebut, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat EXCO dapat mengesahkan hasil siasatan yang telah Ahli Kawasan Datok Keramat buat itu nanti apabila dia gulung tetapi memang telah dibuat dua kali oleh UMNO. Itu pasal saya nyatakan banjir di Datok Keramat angkara UMNO dan saya hendak semua orang di Datok Keramat tahu tentang ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Silakan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ini senang saja menuduh kerana UMNO maka banjir berlaku seperti macamnya keputusan untuk melaksanakan projek itu melalui memorandum yang dikatakan oleh Datok Keramat. Datok Keramat memang terkenal sebagai suka tuduh orang. Hari ini tuduh pasal pasal memorandum, hari itu tuduh saya masuk bilik VIP. Bila saya asak dia dengan soalan, nanti kita *check*. Oh cakap dulu baru *check*, sat lagi kalau orang kata buktikan, ah! nanti kita *check*. Itulah benda sepatutnya jangan cakap dalam Dewan, mesti ada fakta, apa dia memorandum itu, apa dia bantahan itu, kepada siapa dia kata kepada TPM kah siapa tadi ini. Apakah sekiranya ada memorandum atau bantahan itu, maka terus pihak JPS dan juga Kementerian ikut cakap bantahan itu, apakah itu maksudnya? *Last, last*, akhir-akhir minta EXCO yang berkenaan *check*. Biarlah kalau hendak bahas bahaslah dengan cara yang lebih adil, jangan membuta tuli sahaja tuduh orang, terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Yang Berhormat Ketua Pembangkang, memang tidak dengar apa yang saya kata. Saya tidak minta Yang Berhormat EXCO *check* saya minta Yang Berhormat EXCO sah kah dan saya pasti dia akan buat sedemikian.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sah dengan *check*, minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

To confirm, to confirm.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tidak mahu bagi, saya hendak bagi tahu *confirm and check is two different thing* ...(dengan izin), Yang Berhormat Tuan Speaker, nanti dia akan *confirm* apa yang saya nyatakan dan itu akan *confirm* UMNO angkara banjir di Datok Keramat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Peraturan, peraturan Perkara 46 (13), tuduhan-tuduhan ini amat menyakitkan hati jadi minta tindakan, terima kasih, apa dia (bising) saya Ahli UMNO, UMNO tahun 1988 lama dah jadi saya rasa sakit hati daripada tadi lagi, Datok Keramat sentiasa meletakkan tuduhan ini kepada UMNO, UMNO, UMNO. Dia lupa nanti bila PKR tidak ada esok, kita juga cakap macam itu apakah, ini angkara PKR, ini angkara PKR, Pakatan Rakyat, Pakatan Rakyat. So, tidak payahlah cakap macam itu, *to be rational* lah, *okey* cakap secara berfakta lah, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tidak akan teruskan dengan isu ini tetapi berkenaan isu pelaksanaan Fasa II RTB Sungai Pinang. Apa yang penting untuk Kerajaan Negeri di dalam bajetnya ada *take into account* RTB Fasa II di mana telah dinyatakan RM150 juta akan diberikan untuk pelaksanaan projek tersebut daripada Kerajaan Persekutuan. Saya ingin penjelasan daripada YAB Ketua Menteri atau pun EXCO yang berkenaan sama ada...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

Semua peruntukan-peruntukan untuk Rancangan Tebatan Banjir itu diusahakan oleh Kerajaan dahulu, Kerajaan UMNO dahulu, barulah dapat sekarang jadi kredit kena bagi juga kepada UMNO jangan asyik hentam sahaja.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Penjelasan, saya rasa Y.B. dari Seberang Jaya tadi, dia tidak fikir tentang masalah banjir di Jawi yang telah berpuluh tahun di bawah pemerintahan UMNO kita yang dia bangga-banggakan apa. Dia tidak fikirkah apa rakyat di sana kalau selepas hujan 1 jam mungkin boleh tenggelam mati apa? Ini kah yang ditinggalkan oleh pihak UMNO? Saya ingin terangkan di sini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perumahan di zaman UMNO yang lepas yang di Jawi sana kita ada bukit dan air bukit turun dengan begitu hebat sekali selepas hujan lebat selama 1 jam. Kawasan di bawah bukit sememangnya akan tenggelam. Nyawa yang ada di kaki bukit sana tidak dihiraukan langsung, ini kah yang usaha UMNO yang dibangga-banggakan, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

Ini yang susah ini, kawasan saya pun saya sedang menuntut untuk mendapatkan pembelaan di Rancangan Tebatan Banjir tetapi Kerajaan Pusat bagi beratus juta cuma kita tunggu-tunggu. Sebab itu kita inisiatif dimainkan oleh Kerajaan Negeri sebelum satu penyelesaian RTB itu dapat diselesaikan. Masa itu Ketua Pembangkang adalah EXCO dan telah pun diberikan penerangan bahawa ratusan juta ringgit bermula di SPU, Kuala Muda dan sebagainya dan sekarang ini dalam penggulungan saya percaya EXCO yang berkenaan juga akan memberikan jawapan. Maknanya ianya akan serentak dan jumlahnya bukan ratusan juta tetapi billion ringgit. Selain itu juga yang saya kemukakan juga ialah berkenaan dengan Kerajaan Negeri peranan yang dimainkan maknanya *create* banyak *retention pond* atau pun *diversion of water flows* kalau kata tadi di bawah Bukit Jawi, mungkin adakan satu *artificial dam* yang juga boleh dijadikan satu *tourist attraction* di samping menjadi takungan tertentu. Inilah pemikiran yang harus dimainkan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Ya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Kita sedar kah bahawa banyak masalah banjir di kawasan-kawasan Pulau Pinang termasuk yang di kawasan Yang Berhormat Ahli Pembangkang Penaga sudah 4 *term* beliau berada di sana, sama punya wakil rakyat, 4 *term* masa kerajaan yang sama, 4 tahun ...(dengan izin),...(ketawa), 5 *term sorry*....maafkan saya 5 *term* masalah banjir yang juga sama berlaku di kawasan sama sampai Ketua Pembangkang kita minta kerajaan baru tolonglah jaga selesaikan masalah beliau sebelum beliau bersara ...(ketawa) masalah beliau akan diselesaikan kerana ini masalah-masalah yang macam yang selalu kita nampak di kawasan yang ada papan “ Satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional”. Ini tidak akan berlaku dalam Kerajaan Pakatan Rakyat, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, terima kasih. Saya hendak gelak pun, gelak juga. Itulah dia tuduh mintalah projek di kawasan Kuala Muda sebelum saya *retire* lah, di mana saya minta? Bila saya hendak *retire*, siapa kata saya hendak *retire*, masih kuat. Yang keduanya projek RTB itu sedang rancak berjalan dan menyelesaikan boleh dikatakan 90% daripada RTB Sungai Muda dah hampir siap dan saya tak minta kerajaan merayu untuk tolong bagi siap.. not... sekarang ni lebih kurang 400 juta untuk projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda termasuk sekarang juga berjalan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Perai seperti apa yang YB daripada Seberang Jaya menyatakan tadi iaitu peringkat demi peringkat yang tuduh kata saya merayu la bagi siap sebelum saya *retire come on* la...(ketawa)... nak buat apa lagi...(gangguan), duduk diam, saya bercakap saya tak suka YB menyampuk....(Ketawa), tadi saya lihat masa Sungai Puyu tadi *you* main-main tau.. begini tau, kami main dua orang, Datok Keramat gaduh jangan main-main. Dengan Bagan Jermal you ini macam sampai nak keluar pun macam ni, jangan main-main nanti Datok Keramat marah...bukan saya...(ketawa). Terima kasih.

Y.B. Dato’ Speaker:

Teruskan

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Yang saya kata mungkin ahli Ketua Pembangkang sudah lupa dia pernah kata bila nampak langit sudah jadi hitam beliau sangat risau kerana mungkin banjir akan berlaku di kawasan dia so, maksud saya di sini

bukannya ahli pembangkang merayu, saya bagi pihak ketua pembangkang merayu bahawa dengan jasa baik Kerajaan Negeri pakatan rakyat kami akan selesaikan masalah banjir di kawasan Ahli ketua Pembangkang....(bising).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Yang Berhormat Tuan Speaker saya harap saya dapat teruskan dengan ucapan saya, just satu point tadi ketua pembangkang YB daripada Penaga dan menuduh Sungai Puyu nak tembak tapi saya tak nampak Sungai Puyu buat macam tu, dia buat macam ni.....(bising dan gangguan)....dia buat macam ni.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Video di luar pun orang tengok you tak nampak selalu fokus you kepada saya....(ketawa).....itu adalah tidak adil, janganlah jadi *defend*...semua nampak dalam video pun ada...mengaku tak?

Y.B. Dato' Speaker :

Teruskan..teruskan, Datok Keramat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sat lagi saya tunjuk *sign*, sat lagi tak seronok kot....(ketawa).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya teruskan Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bersetuju dengan rakan saya daripada Seberang Jaya, YB yang menyatakan betapa perlunya Rancangan Tebatan Banjir ini diteruskan tapi sebelum beliau berucap isu yang saya bangkitkan ialah dalam bajet yang dibentangkan baru-baru ini untuk Sungai Pinang Fasa 2 dinyatakan RM125 juta. Kerajaan Negeri akan pohon daripada kerajaan persekutuan tetapi isu yang saya ingin bangkitkan YB Tuan Speaker ialah ini di dalam beberapa perbincangan sebelum ini telah dinyatakan bahawa wang 125 juta ini telah pun ada dengan Kerajaan Negeri isu yang wujud ialah ia tidak disalurkan untuk pelaksanaan projek Fasa 2 tersebut kerana Kerajaan Negeri di perbebankan dengan tanggungjawab *me relocation* kan penduduk-penduduk di tebing Sungai tersebut. So, daripada bajet yang dibentangkan ini saya keliru sedikit sama ada wang RM125 juta tersebut sudah pun

sampai ataupun akan dipohon kerana perkataan yang digunakan ialah pohon so, ini adalah satu kekeliruan yang serius kerana walaupun kita akan melaksanakan tanggungjawab kita untuk memindahkan penduduk di tebing sekarang, nanti lepas tidak ada duit untuk pelaksanaan Fasa II tersebut, itu akan jadi satu isu, so saya harap ini dapat diperjelaskan dan *diclarify* dan juga Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyeru Kerajaan Negeri supaya melaksanakan dengan cepat Fasa II ini atas lagi satu sebab iaitu kerana kelewatan yang telah berlaku selama ini sudah meningkatkan kos membangunkan rumah di mana penduduk-penduduk itu akan dipindahkan di mana pada tahun saya difahamkan pada tahun 1999 ada dua isu iaitu satu ialah pampasan yang perlu dibayar pada penduduk di situ dan penyewa di situ. *Now* pampasan tersebut harganya pada 1999 ialah RM1.9 juta. So, akibat kelewatan kalau kita ambil harga 2008, pampasan tersebut ialah RM2.5 juta. Itu Y.B. Tuan Speaker, berkenaan pada pampasan pada penduduk dan penyewa. Isu yang kedua ialah kos membangunkan PPR atau pun unit-unit yang akan dijual kepada penduduk-penduduk tersebut itu pun telah naik daripada 1999 RM15 juta anggaran daripada JPS bersama-sama dengan MPPP kepada sekarang harga dijangka dalam RM20 juta. So Yang Berhormat Tuan Speaker perlunya dipercepatkan pelaksanaan projek-projek ini juga kita mesti lihat dari segi kosnya kepada Kerajaan Negeri. *If there is a delay*, kalau ada kelewatan ini akan menyebabkan kos yang lebih kepada Kerajaan Negeri dan ini cuba kita elakkan. Oleh itu begitu perlu kita mempercepatkan proses pelaksanaan projek-projek RTB-RTB yang berkenaan ini. Dengan ini Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menggulung dan saya memohon menyokong bajet yang tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Yang Berhormat Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Peraturan Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Peraturan Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Oh!

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Peraturan 25 (v) saya cari peraturan tidak jumpa. Saya punya soalan bertulis telah dihantar tetapi sampai hari ini belum dapat jawapan lagi. Bolehkah persidangan diteruskan tanpa memberi jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab saya cari tidak jumpa dalam ini.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Pulau Betong bangkitkan tentang jawapan bertulis, boleh berikan spesifik?

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Soalan saya no. 9, 13, 24 dan 26.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya akan maklumkan kepada Y.A.B. Ketua Menteri untuk menjawab. Soalan ini tertinggal.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya hendak tahu sama ada jawapan-jawapan, bolehkah mesyuarat diteruskan tanpa ada jawapan-jawapan kepada semua soalan bertulis.

Y.B. Dato' Speaker:

Boleh, Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Betong akan dimajukan kepada, maksud Pulau Betong tadi tidak mendapat jawapan langsung atau tidak kena jawapan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Tidak menjawab jawapan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Kita harap Dewan dimaklumkan dan kita akan bawa kepada YAB Ketua Menteri supaya jawapan ini dapat dijawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah hampir pukul 1.00. Saya hendak tangguhkan Dewan ini. Dewan akan bersambung semula pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Seri Delima. Saya belum tarik nafas pun lagi. Saya bagi Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan peluang saya untuk berbahas dalam perbahasan ini. Saya akan cuba meringkaskan perbahasan ini seringkasingkasnya. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan di sini bahawa bajet yang telah dikemukakan oleh Y.A.B Ketua Menteri sememangnya adalah satu bajet yang memberi perhatian kepada kesemua keperluan-keperluan semasa dan saya juga ingin menyatakan di sini bahawa bajet ini merupakan satu inisiatif kerajaan baru Pakatan Rakyat untuk mengurangkan lagi beban masyarakat majmuk di Pulau Pinang. Dan saya ingin menggunakan beberapa kesimpulan di kawasan saya sendiri untuk menunjukkan betapa jelasnya komitmen Kerajaan Pakatan Rakyat untuk mengatasi masalah-masalah penduduk di semua kawasan-kawasan DUN di Pulau Pinang. Tak kiralah walaupun ia adalah kawasan yang di mana ADUNnya adalah daripada parti pembangkang.

Umpamanya di kawasan saya sendiri, di kawasan Sungai Gelugor, baru-baru ini terdapat kerja-kerja kemajuan yang telah dilakukan di sepanjang jalan berdekatan dengan Jambatan Pulau Pinang. Di mana terdapat satu projek yang dipanggil projek *The Light* di mana pemaju membina pangsapuri mewah dan telah dibenarkan untuk menimbus tanah tersebut untuk kerja-kerja pembangunan atau projek pembangunan. Saya rasa amat hairan bahawa ahli-ahli pembangkang terutamanya yang daripada Sungai Dua itu, Y.B. dari Sungai Dua melaung-laungkan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh kerajaan yang lalu. Tetapi kesimpulan yang akan saya berikan di Dewan yang mulia ini akan menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu sebenarnya boleh saya katakan bersikap rakus dan hanya mementingkan kepentingan segelintir, boleh kata pemimpin dan juga pemaju-pemaju yang mungkin ketika itu memberi sokongan pada parti Barisan Nasional dengan dana dan sebagainya. Umpamanya di kawasan di Sungai Gelugor, nelayan-nelayan di situ sekarang menghadapi masalah di mana mereka tidak dapat ke laut dan kawasan tersebut telah ditimbus dengan tanah untuk kerja-kerja kemajuan di mana mereka menghadapi masalah untuk keluar ke laut dan ketika itu tanpa merujuk kepada mereka dan bertanyakan kepada mereka, merunding dengan mereka.

EXCO yang menerajui kerajaan ketika itu telah pun membenarkan satu cadangan untuk kesemua nelayan tersebut dipindah semula ke satu, ditempatkan semula di satu kawasan jeti yang baru di Sungai Pinang. Tetapi setelah saya dilantik menjadi ADUN di kawasan tersebut, dengan bantuan EXCO sekarang Y.B. daripada Batu Maung yang telah bertungkus lumus turun ke padang mengadakan beberapa mesyuarat dengan ahli-ahli persatuan nelayan di kawasan tersebut, kita telah mencapai satu penyelesaian di mana pihak pemaju telah sekarang bersetuju untuk membina satu jeti baru di kawasan tersebut dan saya rasa amat terharu dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli EXCO Batu Maung dan juga kepada Ketua Menteri dan juga barisan pimpinan EXCO yang jelas menunjukkan bahawa komitmen mereka untuk mengatasi masalah-masalah di kawasan-kawasan yang di mana penduduk-penduduknya telah tertekan dengan projek-projek pembangunan yang tidak mengambil kira kepentingan mereka.

Jadi, saya(dengan izin), sekali lagi menggunakan istilah sandiwara BN dan ahli-ahli pembangkang di sini bahawa semasa mereka berada dalam teraju pimpinan kerajaan, jelas sekali mereka langsung tidak mengambil kira, menghiraukan nasib masyarakat kawasan-kawasan tempatan dan secara membuta tuli meluluskan projek-projek yang tidak membawa manfaat kepada masyarakat tempatan. Sekarang, memang senang untuk kita bercakap bahawa projek tanah itu boleh diambil untuk

membina dewan, membina rumah-rumah PPRT dan sebagainya. Tetapi perkara-perkara ini langsung tidak dilakukan semasa mereka berada di dalam kerajaan. Sini saya ingin mengatakan semasa Dewan bersidang pada kali yang pertama, dalam enam bulan yang kita bermula, enam bulan sejak pilihan raya dilaksanakan, sehinggalah sekarang, memang terdapat perkembangan-perkembangan positif di kawasan-kawasan, di semua kawasan Dewan Undangan Negeri di Pulau Pinang termasuk kawasan saya sendiri.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mencadangkan di sini bahawa di kawasan Taman Tun Sardon, kalau boleh memohon kepada Pejabat Ketua Menteri dan barisan pimpinan EXCO supaya menyediakan satu tapak untuk pasar malam yang dilaksanakan pada hari Rabu. Saya menghadapi masalah di mana di kawasan tersebut aktiviti pasar malam yang bergiat berlangsung pada hari Rabu memang aktiviti yang harus digiatkan kerana ia memberi peluang kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut untuk berkecimpung secara kecil-kecilan dalam perniagaan secara sambilan. Tetapi masalah yang dihadapi adalah aktiviti tersebut dijalankan di atas jalan raya kawasan perumahan dan sekarang setelah aktiviti tersebut berlangsung sejak 50 tahun. 50 tahun pemerintahan BN, 50 tahun keluhan mereka tidak di dengar. Sekarang satu rancangan tela pun dicadangkan melalui saya kepada pihak-pihak berkenaan supaya satu tapak disediakan untuk aktiviti pasar malam tersebut bergiat dengan lebih luas lagi di mana tapak tersebut akan disediakan dengan semua prasarana dan juga kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik, air dan sebagainya.

Y.B. Tuan Speaker, satu lagi masalah yang berkenaan adalah di kawasan tersebut, bukan sahaja di Pulau Pinang di kawasan Seri Delima, tetapi di merata di Pulau Pinang banyak terdapat jalan raya-jalan raya yang berlubang-lubang. Saya di sini ingin meminta pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang supaya mengambil inisiatif dan memberikan tumpuan yang lebih serius kepada kerja-kerja menimbus ataupun *pack out works* ataupun tar semula jalan raya jalan raya ini. Baru-baru ini juga terdapat satu rencana dalam surat khabar *the star* dalam metro di mana terdapat satu rencana yang menunjukkan dengan jelas kejadian-kejadian kemalangan disebabkan oleh lubang-lubang di jalan raya dan saya ingin di sini menyeru pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang supaya melakukan tugas-tugas memantau jalan raya jalan tersebut dan juga memberi perhatian kepada jalan raya yang utama terutamanya jalan raya jalan raya yang berada di kawasan-kawasan pejalan utama atau *protocol roads*(dengan izin), supaya tidak berlakulah *incident* jalan raya jalan raya berlubang kerap sekali.

Y.B Tuan Speaker, saya juga mohon, supaya dalam bajet yang dicadangkan kita memberi perhatian kepada penubuhan-penubuhan kawasan-kawasan penubuhan-penubuhan pasukan-pasukan rela kerana saya mendapati bahawa sejak kebelakangan ini seperti yang dikatakan oleh Y.B rakan saya daripada Datok Keramat kejadian-kejadian pecah rumah, rompakan, bunuh dan sebagainya makin menular dan berleluasa. Di kawasan Seri Delima baru-baru ini di minggu yang lalu di mana terdapat banyak syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam perniagaan menjual kereta-kereta terpakai mewah terdapat satu *incident* di mana seorang pengusaha telah dibunuh dan lapan kenderaan beliau di syarikat tersebut dicuri. Mujurlah boleh saya katakan perkembangan positif adalah orang-orang yang telah dikatakan melakukan kesalahan tersebut telah pun diberkas.

Saya difahamkan bahawa penyiasatan telah pun berlangsung dan untuk mengelak daripada *incident-incident* ini berulang kembali dan untuk juga menjamin keselamatan khususnya wanita di kawasan tersebut yang akan pergi bekerja pada waktu pagi dan gadis-gadis muda dan juga anak-anak kita yang pergi ke taman kanak-kanak, saya juga ingin ...(dengan izin), supaya kerajaan negeri memberi perhatian selain daripada walaupun saya ingin katakan satu dana permulaan sebanyak satu juta telah pun disediakan tapi saya ingin di sini menyeru kerajaan negeri Pulau Pinang supaya berhati-hati dan juga memberi perhatian kepada implementasi dan penggunaan dana tersebut. Dan juga meletakkan kalau boleh satu *standard operating procedure* ...(dengan izin), untuk ADUN-ADUN kawasan tersebut terlibat sekali dengan penubuhan-penubuhan pasukan-pasukan keselamatan supaya dana satu juta tersebut boleh mencapai matlamat yang diinginkan oleh Ketua Menteri.

Y.B Tuan Speaker saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sebelum kita bersidang pada hari ini saya telah diminta oleh penduduk di kawasan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Menteri Pulau Pinang kerana semasa bulan puasa beliau juga telah meluangkan masa untuk bersama-sama masyarakat Islam di kawasan Gelugor dan juga bersama-sama berbuka puasa dengan jemaah-jemaah di Masjid di Taman Tun Sardon.

Saya rasa dengan pendekatan yang diambil oleh Ketua Menteri kita menunjukkan bahawa beliau suka bersama-sama masyarakat dan bahawa dana-dana yang disediakan untuk majlis-majlis berbuka puasa juga menunjukkan pendekatan kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk bersama-sama masyarakat dan juga pada setiap masa bersama-sama mereka untuk merendahkan diri semasa majlis-majlis berbuka puasa, hari raya dan sebagainya.

Baru-baru ini Y.B Tuan Speaker kita juga telah menganjurkan satu majlis di DUN kawasan Seri Delima di mana kita telah menyediakan bantuan-bantuan pada 30 keluarga miskin di mana kita memberi bantuan seperti hamper-hamper dan sebagainya sempena majlis Hari Raya dan juga Deepavali. Perkara-perkara ini saya berbahas di sini kerana kalau tidak dibahaskan perkara-perkara yang dilakukan mungkin terlepas pandang dan ...(dengan izin), saya percaya *credit has to be given were it is due* ...(dengan izin).

Y.B Tuan Speaker saya ...(dengan izin), saya di sini dengan ingin sekali lagi mengatakan bahawa bajet yang telah dicadangkan oleh Ketua Menteri merupakan satu bajet yang memang bersifat membantu rakyat dan bukanlah satu bajet yang hanya memberi perhatian kepada segelintir masyarakat. Kalau dilihat di sini selepas persidangan kali pertama seruan saya supaya penyediaan dana untuk orang-orang yang kurang upaya telah banyak diberi perhatian. Malahan boleh dikatakan bahawa di KOMTAR sendiri yang menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kemudahan-kemudahan telah pun disediakan untuk orang kurang upaya untuk masuk ke bangunan tersebut dan perubahan ini juga telah pun dilakukan walaupun pemerintahan Negeri Pulau Pinang berada dalam Kerajaan Barisan Nasional selama 50 tahun dan saya harus juga mengatakan di sini Y.B Tuan Speaker bahawa kita harus memastikan supaya apa yang telah dicadangkan oleh Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang harus mencapai sasaran dan kita harus memastikan bahawa semua kakitangan-kakitangan kerajaan di Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan PBT-PBT yang berkenaan pastikan bahawa niat ikhlas Ketua Menteri kita dan Ahli-ahli Exco yang telah dicerminkan melalui bajet ini sampai kepada sasaran yang telah ditujukan. Y.B. Tuan Speaker, saya juga tertarik dengan defisit yang dialami oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai harus juga dikatakan di sini Majlis Perbandaran Seberang Perai ialah pihak berkuasa tempatan yang mempunyai mahkamah sendiri untuk pengutipan dana seperti untuk kesalahan-kesalahan saman dan sebagainya.

Namun demikian saya tertarik bahawa MPSP makin mengalami defisit. Saya ini bertanya kepada Exco yang berkenaan, kalau pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai telah pun menyediakan mahkamahnya sendiri untuk mengadili kesalahan-kesalahan MPSP yang dilakukan di kawasan tersebut mengapakah kita mempunyai defisit yang begitu teruk sehingga sekarang. Mungkin saya boleh mencadangkan supaya satu mahkamah diletakkan untuk mengadili kesemua kutipan-kutipan dana untuk kesalahan-kesalahan, kompaun-kompaun dan sebagainya untuk semua kawasan-kawasan atau Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan sebagainya. Tetapi boleh saya katakana di sini bahawa salah satu sebab yang mungkin saya rasa

menyebabkan kekurangan dalam defisit MPSP adalah kesalahan-kesalahan lama baru cuba dikuatkuasakan umpamanya di Pulau Pinang kita mendapati saman-saman baru dikeluarkan untuk kesalahan-kesalahan yang kononnya bukan pada tahun 2004 persoalan saya mengapakah pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang khususnya Jabatan Undang-undang begitu lewat untuk menguatkuasakan saman-saman yang telah dikeluarkan pada tahun 2004 dan baru-baru ini sahaja tindakan diambil untuk mengeluarkan saman kepada kesemua penjaja-penjaja dan pihak-pihak yang telah melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

Y.B Tuan Speaker ...(dengan izin), meminta maaf, makan tadi banyak sikit, itulah saya cadangkan jangan jamu nasi minyak di tengah hari Y.B. Tuan Speaker ...(dengan izin),. Y.B Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan bahawa dalam masa sekarang kita mendapati bahawa dalam kegawatan ekonomi banyak orang berkecimpung dalam aktiviti menjaja, walaupun kita mengalami masalah untuk mengawal aktiviti menjaja dan kita mengalami masalah untuk mengutip butir-butir penjaja dan aktiviti penjaja masih lagi berleluasa saya mencadangkan supaya kita tidak mengenakan tindakan ke atas mereka tetapi mungkin mengenakan satu cukai ataupun kutipan sebanyak RM20.00 sebulan atau RM10.00 sebulan bagi penjaja yang baru memulakan aktiviti menjaja. Ini akan juga meningkatkan kutipan dana bagi setiap ekuiti tempatan dan selain daripada itu juga akan membantu kita mendapat satu statistik tentang berapakah terdapatnya penjaja-penjaja di kawasan-kawasan masing-masing.

Y.B Tuan Speaker, saya ingin juga mencadangkan di sini bahawa tanah –tanah yang sedia ada kalau boleh umpamanya di kawasan Seri Delima kita Cuma mempunyai satu JKK, dewan JKK yang sekarang terdapat di kawasan Sungai Gelugor gagal kami mendapatkan kunci dewan tersebut kerana pihak mereka enggan menyerahkan kunci tersebut walaupun telah pun diberi beberapa notis dan telah pun diberi secara bertulis namun pihak berkenaan masih lagi enggan menyerahkan kunci jadi saya ingin menyeru kerajaan kalau boleh di kawasan tersebut untuk menggunakan tanah kerajaan yang sedia ada dan memberikan dana untuk satu bangunan JKK yang baru kerana ketika ini aktiviti-aktiviti penduduk di kawasan Sungai Gelugor telah terhad, mereka tidak dapat menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kelas nasyid dan juga aktiviti lain untuk masyarakat di kawasan tersebut disebabkan dewan MPPP tidak dapat digunakan dan alasan yang saya diberitahu disebabkan dewan tersebut di atas tanah persendirian dewan JKKK.

Y.B Tuan Speaker, saya juga ingin di sini mengambil kesempatan untuk merakamkan betapaanya berterima kasih saya di atas perhatian-perhatian yang telah diberikan kepada masalah-masalah di kawasan Seri Delima oleh pihak kakitangan kerajaan dalam beberapa insiden di mana

kita memerlukan bantuan seperti pembaikan kawasan-kawasan permainan kanak-kanak saya harus menyatakan bahawa pihak-pihak majlis telah pun memberikan perhatian dan mengambil tindakan segera dan juga ingin menyeru kerajaan negeri kalau boleh supaya menyediakan satu dana yang lebih banyak untuk menyediakan kalau boleh bekalan-bekalan elektrik di semua taman-taman permainan kanak-kanak kerana ini adalah permintaan daripada penduduk-penduduk di kawasan. Ada di antara mereka yang keluar awal 5.00 hingga 6.00 pagi untuk bersenam dan mereka mengeluh mengatakan bahawa terdapatnya kejadian-kejadian samun di mana dalam kawasan-kawasan tersebut bila tidak terdapat elektrik masih lagi gelap boleh berlaku kejadian-kejadian samun adalah permintaan saya kalau boleh dalam mengimplementasikan bajet yang telah dicadangkan oleh Ketua Menteri pemerhatian khusus diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan khususnya Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga pihak JKR dalam menyediakan kalau boleh pembekalan elektrik untuk memasang lampu-lampu di kawasan-kawasan tersebut.

Y.B. Tuan Speaker, di sini saya juga ingin menggulung dengan mengatakan bahawa bajet yang telah dikemukakan Yang Berhormat Ketua Menteri adalah satu bajet yang memang berteraskan pembangunan dan cocok kalau dikatakan menggunakan satu bajet cemerlang, gemilang dan terbilang bukan temberang seperti Barisan Nasional. Dengan itu Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya pohon pihak pembangkang. Iaitu Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Assalamualaikum dan salam sejahtera terima kasih Y.B. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam bahas ucapan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada hari Jumaat yang lalu. Sebelum kita bincang lebih lanjut lagi perkara pertama yang saya nak bangkitkan di sini ialah mengenai dengan soalan lisan yang saya telah kemukakan.

Saya kemukakan hanya satu soalan. Iaitu soalan no.19 tetapi hari itu kita sempat nak jawab sehingga soalan 17 kalau tak silap saya. Tetapi saya bertanya apakah rasionalnya Hari Pembuangan Undi Pilihan Raya kecil Permatang Pauh pada 26 Ogos 2008 diisytiharkan hari Cuti Umum oleh Kerajaan Negeri? Berapakah jumlah kerugian atau tambahan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan juga pihak swasta?

Yang Amat Berhormat memberi jawapan kepada saya rasionalnya itu dan ini dan akhirnya berhenti di pengisytiharan pada 26 Ogos Cuti Umum telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengikut Holiday Add Section 9 Perkara 1 *State and Federal Literate Public Holiday* Undang-undang Malaysia. Mengapa tidak diberikan jawapan selanjutnya? Berapakah kerugian tambahan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta? Jawapan di sini sampai sini. Mana lagi jawapan pada soalan yang saya bertanya itu cuma satu soalan. Bermakna kita tahu bahawa kalau kita tengok komen-komen yang diberikan seperti yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai dengan cuti ini, negeri akan mengalami kerugian dari segi pengeluaran. Dua, oleh CUEPACS iaitu Presidennya sendiri menyulitkan oleh orang ramai yang sudah membuat temu janji. Tiga, Presiden Persatuan Majikan Malaysia (MBF) Shamsudin Bardan mengatakan menimbulkan kekeliruan di kalangan majikan serta pekerja khususnya swasta. Keempat, Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia atau MTUC menyatakan menjejaskan produktiviti kilang berkenaan. Jadi jawapan yang ditanya tidak dijawab. Ya, saya amat kecewalah tapi walau bagaimanapun mungkin lepas ini Yang Amat Berhormat boleh mengemukakan jawapan kepada soalan lisan yang hanya satu yang dibangkitkan hari itu. Yang tidak berjawab itu.

Y.B. Tuan Speaker, usul atau enakmen yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Negeri pada hari Jumaat lalu no, pada hari Khamis yang lalu menarik minat beberapa orang Ahli Yang Berhormat macam-macam kata, Ketua Pembangkang tak layak patut diganti dia tak tahu bahawa itu hak Pembangkang nak pilih siapa jadi ketua. Ada *press* kata pula kecil sangat jumlah RM1,000 itu bagi saya RM1,000 itu besar tak tahulah Yang Berhormat dia orang kaya raya bagi dia kecil RM1,000 itu, cuma saya cuba nak mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini. Tetapi telah digunakan Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Perkara 46, 14 katakan saya tidak boleh terlibat kerana menyentuh tentang kepentingan wang tetapi saya tak tahulah di masa-masa depan.

Apabila dibentangkan enakmen untuk saraan ka, elaun ADUN semua sekali itu tak boleh dibahaskan?. Cuba semua diam jangan dok bercakap. Saya tak tahu itu luluskan atau mungkin itu biarlah tapi pokoknya sini saya terpaksa keluar kerana saya nak beritahu bahawa saya tak mahu terima. Saya menghargai dan saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri telah menawarkan kepada saya jadi saya terpaksa keluar buat *press statement* dan saya pun kata ucapkan banyak terima kasih dan menghargai pemberian Kerajaan Negeri tapi malangnya saya tak dapat terima. Janganlah menganggap tuduh pula saya ni tak konsisten dan saya telah tengok surat khabar esok tak konsistenlah lepas itu belajarlah jadi Ketua Pembangkanglah.

Saya kata apa hal ini saya berasa aneh tak konsisten katanya saya tak konsisten dengan Ahli-Ahli Dewan daripada Parti Pembangkang. Saya nak contoh satu, izinkan saya Yang Berhormat saya merujuk kepada *article* STAR METRO, Friday 1 August 2008 bertajuk "Azhar *won't quit as PERDA Chairman* ...(dengan izin), kenyataan ini dikeluarkan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Jelutong yang juga menjadi *Chief of Staff* kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang mendesak saya suruh meletakkan jawatan sama ada jadi ADUN, jadi Ketua Pembangkang ataupun Pengerusi PERDA dengan alasan *conflict of interests* katanya. Saya tak tahulah dia rujuk kepada pegawai-pegawai kanan ka dia rujuk kepada Y.B. LA ka? *Lawyer* banyak di sini ka? *Conflict of interests* jadi dia tak setuju jadi macam mana pula kalau dia tak setuju tiba-tiba Yang Amat Berhormat Ketua Menteri membentangkan enakmen itu untuk dijadikan Rang Undang-Undang dan jadi undang-undang bukankah ini yang dikatakan percanggahan juga. Di mana letaknya katakan tak konsisten? Bukan yang kecil-kecil itu kata *Chief of Staff* Pejabat Ketua Menteri.

Sini *Chief of Staff* kata tak boleh, sini buat siapa yang tak konsisten sekarang? Seterusnya saya tengok bukanlah nak kata RM1,000 itu besar bagi saya tetapi saya memikirkan keadaan Negeri Pulau Pinang yang dikatakan dalam akan menghadapi keruncingan ekonomi, kesusahan dan sebagainya bakal kita terima itu. RM1,000 nak bagi kepada saya, tetapi saya nak tanya balik apa halnya pemain-pemain bola sepak Pulau Pinang yang tidak dibayar gaji 5 hingga 6 bulan itu? Siapa nak bagi RM1,000? Yang gaji pemain yang ada anak-anak dan isteri itu tak dibayar.

Begitu juga dengan *International Dragon Boat Race* yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Saya dimaklumkan hutang tak bayar ratus ribu lagi. Sewa bot daripada *Singapore something like* SGD50. Kontrak yang menyediakan Siar Raya tidak dibayar lagi. Jamban pun tak dibayar. Khemah pun tak dibayar kerusi pun tak bayar. Apa itu yang lebih utama daripada nak beri RM1,000 kepada saya. Sama juga ASEAN Cultural Festival di Tapak Pesta. Peniaga-peniaga yang membayar duit, saya tak tahulah itu urusan Kerajaan Negeri dengan MARTECH itu MARTECH tuang ka itu saya tak tahulah itu bukan soalnya. Soalnya peniaga-peniaga di situ rugi penuh kompelin penuh dalam surat khabar *that is why documented* semua orang tahu ini. Apakah tidak ada rancangan membayar balik kerugian mereka? Itulah perkara yang harus dipertimbangkan kalaulah Yang Amat Berhormat kata saya belajar jadi Ketua Pembangkang ok saya juga nak kata pada Yang Amat Berhormat belajarlah jadi Ketua Menteri. Sama-sama kita belajar tak ada masalahnya. Hidup dalam dunia ini kita belajar dan mempelajari. Jadi saya harap RM1,000 itu bukanlah satu perkara yang besar yang dah saya kata kita tak dapat terima cukuplah saya dah bagi penerangan jadi tak perlu berjela-jela lagi. Bayar pada yang masih terutang itu lagi lebih baik.

Y.B. Tuan Speaker, menyentuh tentang bajet yang telah dibentangkan tadi itu memang nampak cantik, Seri Delima puji meleleh tadi tapi bila nampak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dia puji. Itu macamlah ahli politik jaga *boss*. Dulu saya dengar dulu saya baca tengok dengan teliti kata-katanya cantik nak buat itu nak buat ini tapi bila saya seterusnya saya baca projek yang dicadangkan boleh buat ka? Boleh dilaksanakan? Pembangun dapat di jalan ka? Kerana asasnya sini ialah nak pinjam RM10.76 bilion saya tak tahu banyak mana RM10.76 bilion kalau ambil duit RM10, RM10 bubuh dalam lori mungkin 3 buah lori kut. Jumlah yang begitu banyak. Kita mengharapkan daripada Kerajaan Pusat tapi kalau Kerajaan Pusat tak bagi apa pelan alternatif kita? Bukan kitalah Kerajaan Negeri kami ikut sahajalah. Kenapa saya tengok sikap Kerajaan Negeri maaf saya cakap kerja dok hentam, kerja dok bangkang mentaliti pembangkang masih kuat mungkin dekat 50 tahun dok jadi pembangkang bila jadi pemimpin negeri jadi pemerintah dia terbawa-bawa dengan mentaliti itu. Pergi Parlimen bom, bom, bom. Balik mai sini pun dok cakap dia nak mai ke arah itu juga.

Sebagai contoh, saya tak pernah tengok dalam bajet ataupun ucapan TYT yang menghentam individu tertentu. Tetapi dalam bajet ini Dato' Azalina Othman dia hentam dua kali. Dia Menteri Kebudayaan kita nak minta duit dekat dia kemudian bantai dia dua kali dalam *official* punya makalah yang rasmi dalam Bajet Negeri Pulau Pinang. Kalau hentam saya kena macam ini diri saya sekupang saya tak bagi. You hentam saya dalam *paper* itu biasalah dalam *paper*, dalam Parlimen ok dalam Dewan Undangan Negeri pun ok. Tetapi dalam ini risalah rasmi saya rasa itu adalah satu yang tak betul. Kalau kita nak membangkang nak membantah apa janganlah sampai ke peringkat itu.

Juga beberapa projek-projek yang lain juga seperti kerajaan negeri bila tengok kerajaan persekutuan ini dia hendak *stop*, dia hendak kacau dia hendak itulah dia hendak inilah contohnya seperti macam *double tracking* kerajaan negeri lulus Seberang Perai Utara sahaja dengan syarat itu ini SPS, SPT apa hal bagaimana kereta api itu hendak datang dari Ipoh ke Padang Besar, dia mesti *start* dari SPS, kemudian SPT, SPU.

Tanah PERDA, tahu, saya sedar saya Pengerusi PERDA agensi Kerajaan Pusat tapi bila PERDA mengemukakan tanah, dua keping tanah cadangan pembangunan bercampur bahagian Lot 105 Mukim 2, Teluk Bahang, Barat Daya. Kita semua telah hantar ke Pejabat Daerah, Pejabat Daerah hantar kepada PTG, Pentadbir Tanah DBD telah kemukakan kepada PTG kepada 3hb. Jun 2008, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas. Begitu juga satu lagi iaitu cadangan pembangunan bercampur sebahagian Lot 1050 Mukim 11 Sungai Batu DBD juga untuk pembangunan bercampur daripada Pejabat Tanah DBD kepada PTG,

Pejabat Tanah dan Galian pada 24 Jun, hantar dah, lima bulan dah, kami *check, check*, permohonan ini tidak pun dipertimbangkan, bila tengok PERDA punya, tengok PERDA tolak tengok tepi. Kalau lulus, luluskan, kalau tidak mahu lulus, tolak, jangan sampai peringkat timbang pun tidak tahu. Apakah busuk sangat nama PERDA, yang PERDA hendak buat itu rumah kos rendah, rumah kos rendah sederhana, sampai tak mahu langsung sentuh, bila kata PERDA terus kuis, tak mahu langsung bincang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Hj. Omar Shah):

Minta penjelasan. Tidakkah kerajaan negeri mempunyai standard *operation prosidur* yang setiap satu permohonan itu ada tempohnya ada harus memberi jawapan bahawa permohonan dalam perhatian, kemudian tempoh ini hendak diluluskan, hendak ditolak kah, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kerajaan negeri atau wakil kerajaan negeri dalam aspek ini. Tapi saya harap janganlah mengamalkan, kalau hendak tolak, tolak, kalau hendak lulus, lulus jangan biar simpan dalam peti, macam itu.

Seterusnya Y.B. Tuan Speaker, kadang-kadang saya terfikir, kadang-kadang saya baca, kadang-kadang saya dengar hujah, kali ini saya bercakap agak kemudian, dengar, kadang saya fikir, macam mana Pulau Pinang hendak maju, bagaimana Pulau Pinang hendak terus maju, kerana kerajaan hari ini, dia cakap, cakap dia korek, orang UMNO, Barisan Nasional telah 50 tahun perintah, *scan* inilah, salah dia cakap.

Dalam *paper* pun begitu, begini sepatutnya dia sudah bergerak ke hadapan, tapi jangan dok gosan ke belakang. Tidak habis-habis sebagai contoh, *Penang land scam make public soon, Eng Guan report in early July* pada Star 14 June 2008, izinkan saya *code* Deputy Chief Minister Wan Mohd. Firdaus, Mohd. Fairus *Khairudin who is leading investigation will table the finding during the EXCO meeting of July*. Dia hendak bentangkan dalam Mesyuarat EXCO minggu pertama Julai, Ogos, September, Oktober, November, 4 bulan sudah apa *finding* yang diperolehi. Apakah *scan* tanah yang ditemui, apakah penyelewengan telah berlaku, setakat hari ini tidak lagi, berapa bulan lagi hendak siap *finding* ini, berapa lagikah, saya pun tidak tahu, sama juga.

Balik tadi kepada chief of staff yang menulis artikal yang saya sebutkan tadi ...(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker, *who alies that scandal in Penang involve in Seberang Perai which come under PERDA jury diction*. Kebanyakan tanah yang berlaku penyelewengan tanah di Seberang Perai di bawah bidang kuasa PERDA. Yang lucunya,

dihujungnya dia kata *we claim that PERDA web site as been as abandon and information on it that liability work unavailable*. Satu pihak semua kata sudah *abandon*, tidak dapat *available*, satu pihak lagi dia kata *land scam* semua tanah PERDA, apa ini, main-main ke, satu pihak tuduh, satu pihak lagu lain, kalau ada benar, sila buat laporan kepada BPR dan bawa ke Mahkamah. Satu Ahli Yang Berhormat KOMTAR ini sudah bawa kes ini ke Mahkamah, dia cukup seronok buat laporan, setahu saya sudah tiga, empat kali dia buat laporan dia buat, orang hendak bunuh dialah, saya hendak bunuh oranglah itu ini *big* isu ini, tuduh kata dia hendak buat laporan, tidak perlu kita hendak bincang, tuduh menuduh hak kerajaan Pakatan Rakyat sudah lapan bulan bawa sahaja siapa yang terlibat, jika saya terlibat, bawa saja tidak gaduh bercakap di sini, kita buat *by-election* lain. Jangan main politik, politik itu yang sudah basi, tidak habis-habis dengan yang sedemikian.

Okey, seterusnya tentang membasmi kemiskinan tegar, saya mungkin silap, tapi telinga saya rasa Y.A.B. Ketua Menteri kata dulu hendak menghapuskan miskin tegar dalam tahun 2008, penggal sudah, tidak apalah, itu bukan halnya, sekarang ini sudah Mac 2009 perkara yang saya tertanya-tanya ini ialah jumlah yang diberi miskin tegar ini ialah seramai 324 saya tidak tahu yang itu, itu mungkin yang lama USM buat berdasarkan RM400 sekeluarga. Tetapi apa yang dipakai sekarang, Jabatan Statistik dan Perangkaan Negara, Januari 2008 hingga Julai 2008 yang diguna pakai oleh semua Pejabat Daerah dia pakai RM440 sebulan. Jumlah miskin tegar ialah di Pulau Pinang seramai 494 dan miskin 1,500 dengan 494, *what ever*, baiklah saya tidak kisahlah itu kita baiki, kita semak semula.

Yang saya hendak bangkitkan di sini ialah saya melihatkan cara hendak menyelesaikan miskin tegar ini. Yang disebut rebat RM100 satu rumah, RM100 rebat air RM100 sebuah rumah dan telah diperuntukkan RM 17 juta, RM100 sebuah rumah RM17 juta, 170,000 buah rumah, itu yang disebut dalam bajet 170,000 buah rumah, persoalannya adakah rumah orang miskin sampai 170,000 buah rumah di Penang, yang tadi kita kata 324, 494 *figure* itu adakah 170,000 buah rumah. Kalau kita ambil penduduk Penang, nanti, nanti saya bagi. Kalau kita ambil penduduk Pulau Pinang 1.5 juta, satu keluarga ada 5 orang, kita ambil secara begitu di Pulau Pinang ini ada 300,000 buah rumah. Kalau dari 300,000 rumah buah itu, 170,000 hendak bagi rebat air 60% daripada penduduk 17 juta. Ya sila Y.B. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tam Beng Huat):

Y.B. Tuan Speaker, saya rasa Yang Berhormat dari Penaga dia beri keterangan mengenai angka-angka yang telah diberi oleh pembentangan bajet kali ini adalah salah, sebab angka yang kita peroleh

hanya 1,700 sahaja, kalau tidak silap saya, saya masih lagi tercari-cari, saya sudah baca ini, saya harap dia membetulkan dia punyai penerangan tadi sebab dia sudah terlajak sampai ke mana pun tidak tahu itu sahaja.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tidak salah, saya rasa Yang Berhormat Jawi yang salah, ya dalam ini ada 170,000, you tengok 17 juta *you divide by hundred* sudah ada berapa, 170,000 macam mana, 170,000 saya pun sedang cari balik ada jumpa tak. Muka surat, dia ganggu macam itu lari ke mana, 29 (a) (b), 170,000 keluarga, *now* kita ambil *simple mathematic* ya kita tidak ada rumah orang miskin sampai 170,000 kalau kita kata di Pulau Pinang ada 300,000 buah rumah, cara mudah sahaja kalau kita hendak kira, kita ambil kita bagi seorang RM1,000 kepada 324 keluarga sebulan setiap keluarga ambil RM1,000, RM1,000, RM1,000 baru RM324,000 setahun baru RM1,000 dua belas bulan 300, 4.8 atau 4.5 million macam itu, 4 juta, 5 juta lebih lagi ada 12 juta kita buatlah kursus, kita hendak buat seminar, kita hendak bagi kail ikan, kita bagi apa, 12 juta kita ada lebih. *Simple* tidak payah kita hendak reka yang itu, yang ini hendak bagi, hendak bagi yang ini, seribu, seribu baru 300,000 setahun berapa 4 juta, 5 juta sahaja *simple calculation* itu cara yang paling mudah, kalau peruntukan sampai RM17juta hendak bagi. Agensi-agensi kerajaan lain teruskan juga, PERDA jalan cara PERDA, Jabatan Pertanian jalan cara pertanian, Pusat Urus zakat bagi cara dia kursus. Apa ini kepada senarai nama-nama keluarga itu. Hilang habis dalam masa dua hari saja miskin tegar.

Peruntukan begitu banyak yang kita hendak peruntukan tetapi cara *ribet* air ini saya rasa Y.A.B. tolong kaji balik. Tidak realistik langsung. 170 ribu keluarga, saya termasuk kalau macam itu. Saya tidak tahu yang lain-lain, Perai tidak payah dia sudah banyak. *Simple logic and argument* macam itu. Jadi itulah minta air ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan Y.B. Penaga. Setujukah Y.B. Penaga jika saya katakan bahawa MMK Kebajikan adalah Portfolio MMK yang paling layak sekali membuat dasar tentang membasmi kemiskinan? Setuju tidak setuju? Itu dulu. Kebajikan dulu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji azhar bin Ibrahim):

Saya tidak mahu komen apa-apa. Saya tidak boleh komen tentang portfolio mana, itu hak mutlak Y.A.B. Ketua Menteri. Kita menghormati sebagai *chief executive*. Di Pulau Pinang ini buatlah yang terbaik saya bagi

pandangan seperti yang tadi saya katakan kalau *ribet* air itu RM17 juta lebih baik you bagi seorang seribu saja, pap pap pap you kira ada lebih, lepas setahun kita ada lagi RM15juta. Buatlah kursus apa yang hendak buat RM12 juta atau pun buatlah. Di samping itu, agensi-agensi lain juga membantu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan Y.B. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji azhar bin Ibrahim):

Okay.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya bertanya demikian kerana tadi pagi kita mendengar penjelasan yang panjang lebar daripada MMK Kebajikan tetapi apabila saya meneliti dasar-dasar MMK kebajikan. Ada tiga dasarnya, tidak satu pun yang menyentuh tentang membasmi kemiskinan yang ada hanyalah kaji semula kadar bantuan bulanan Negeri yang diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kedua memikirkan kemudahan *disable friendly* kepada orang kurang upaya. Ketiga meningkatkan penguatkuasaan terhadap operasi Taman Asuhan Kanak-kanak. Itu saja tiga dasar. Tidak menyentuh pun tentang membasmi kemiskinan tegar dalam MMK Kebajikan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji azhar bin Ibrahim):

Terima kasih. Jadi, mengenai membasmi kemiskinan ini bagi peruntukan banyak sebegitu sampai 170 keluarga ini yang saya fikir ini adakah benar-benar hendak menyelesaikan masalah kemiskinan tegar atau hendak bermain politik? Hendak bagi habis semua rakyat seronok semua sampai 170 ribu keluarga dapat. Jadi, kita fikirlah. Cukuplah tidak mahu cakap pasal itu. Saya beralih pula ke bahagian perumahan. Tadi saya sudah sebut tidak di layan saya harap Y.A.B. melihat menilai balik yang itu.

Yang saya hendak tanya ini, rumah dasar yang dibuat yang disebut tadi ialah satu keluarga sebuah rumah cukup baik dasar itu. Memang saya sokong sepenuh 100 peratus tapi apakah dasar yang hendak dibuat itu? Adakah kita hendak menetapkan undang-undang, orang yang sudah ada rumah tidak boleh beli lagi rumah? Adakah kita hendak bentangkan

enakmen itu di sini? Keduanya, apa hal dengan penduduk-penduduk setinggian yang beribu-ribu ada itu? Apakah dasar kerajaan negeri untuk menghapuskan setinggian-setinggian itu? Adakah hendak bina di tapak itu, suruh mereka pindah sekejap, bina di tapak itu tawarkan rumah kepada mereka. Saya tidak tengok sepetah pun di sebut tentang masalah setinggian di Negeri Pulau Pinang. Pertimbangkan itu, kalau tidak kita tidak boleh hendak selesaikan.

Y.B. Tuan Speaker, seterusnya saya hendak sentuh sedikit pelancongan. Ini adalah satu sumber pendapatan negeri yang besar tetapi kita tengok kasihan pelancongan yang dibentangkan di sini kita mengharapkan banyak daripada pelancong-pelancong perubatan. Banyak kita sebut dan pelancong perubatan ini majoritinya ialah daripada Indonesia. Cubalah Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke hospital-hospital swasta yang bertaburan di Negeri Pulau Pinang ini. Island Hospital, Adventist, Lam Wah Ee pergilah sampai doktor-doktor sana sudah bisa ngomong Indonesia. Bisa ngomong Indonesia dan *private* hospital ini menyediakan pengangkutan daripada *airport* terus bawa ke hospital dan juga membantu yang mengiring pesakit itu untuk dapat sewaan flat itu dan ini. Tiga tahun lalu, malangnya saya mencari artikel itu saya tidak jumpa, saya terbaca tiga tahun lalu bahawa seorang daripada Island Hospital menulis bahawa pendapatan dari segi *medical fees* ...(dengan izin), yuran perubatan saja ialah RM60juta sebulan, satu bulan bayangkan.

Itu *medical fees* saja, tidak termasuk yang mengiring itu menginap di hotel, makan, *shopping* sedikit sebanyak, tambang kereta yang mereka sewa, teksi. Itu memang satu *bisnes* yang besar. Ini yang saya akui bahawa pelancongan perubatan di Pulau Pinang ini berjaya. Kita minta dan kita harap semua sektor-sektor lain dalam pelancongan ini juga berjaya. Kita hendak tengok banyak lagi diwujudkan produk-produk pelancongan. Kita sudah ada *heritage site* ini jagalah ia baik-baik supaya jangan ditarik balik. Kita jaga, begitu juga satu lagi ialah Taman Negara Pulau Pinang. Taman Negara Pulau Pinang yang ada di Telok Bahang itu juga sebagai salah satu produk pelancongan yang boleh menarik ramai orang. Balik kepada pelancongan perubatan itu cuma saya hendak kata hati-hati kerana Kuala Lumpur sekarang ini berusaha bersungguh-sungguh hendak tarik pelancong perubatan daripada Indonesia ke hospital-hospital di Kuala Lumpur. Dulu mereka datang ke Pulau Pinang kerana mereka yang keluar melalui medan tidak kena cukai kepala atau pun istilah kata *fiscal* cukai kepala yakni RM1juta satu kepala, satu orang yang hendak keluar tetapi sekarang di Kuala Lumpur masuk ke Kuala Lumpur juga cukai ini tidak dikenakan oleh pemerintah Indonesia. Bukan *airport tax*, *fiscal* cukai kepala.....(gangguan) ya, saya tidak tahu tapi dorang panggil *fiscal* cukai kepala kah levi, hendak keluar negeri *you* kena bayar RM1juta satu orang.

Di Kuala Lumpur kerajaannya telah membatalkan cukai itu. Hospital di Kuala Lumpur lebih banyak, lebih tidak tahulah lebih hendak kata bagus, di sini Penang lebih bagus. Kita takut esok mereka lari kerana yang datang berubat itu berubat setiap orang yang datang berubat itu dua tiga orang ahli keluarganya yang mengiringnya selalunya pergi *shopping*. Jadi, jangan pula esok, kita yang kita sudah pun pegang ini terlepas. Indonesia kita katakan Negara yang bawah pada kita dari segi kemajuan tetapi dia ada 225 juta orang. Takkanlah tidak ada lima *percent* daripada 225 juta itu yang *middle class*. Sudah berapa juta itu 5 *percent*? Sudah lima enam juta. Daripada lima enam juta itu pula kalau 10 *percent* yang sakit datang, ratus ribu yang datang sini. Pelancong Arab lebih suka ke Bangkok, dan juga hendak berubat pun di Bangkok. Cina tidak datang berubat sini, dia berubat di sana negeri dia. India banyak doktor dia sendiri. Jadi, apa yang kita ada, jagalah baik-baik supaya jangan esok Kuala Lumpur dan Melaka juga *fighting hard* hendak tarik ini *they know it* ia tahu ini adalah satu *big money* jumlah yang besar kewangan keuntungannya. Itulah kita buatlah lebih terbaik, lebih baik daripada apa yang sedang dilakukan.

Y.B. Speaker, kegawatan ekonomi dunia semakin sedikit semakin berlaku. Jepun yang baru kita dengar kelmarin sudah mengalaminya. Dia akan sampai ke Pulau Pinang ini juga. Jadi, berapakah buah kilang yang telah ditutup Y.B. Perai tolong cerita kepada kita. Berapa ramai pekerja yang telah diberhentikan sejak lima enam bulan kebelakangan ini. Tidak payah ambil jauh-jauh lima enam bulan kebelakangan ini seperti kilang Nico yang hari itu, yang sampai saya bercakap yang pemandu bas kilang dia kata hutang dia RM15,000.00 tidak tahu sekarang ini siapa pun tidak bayar. Dia bawa pekerja kilang bila tutup Nico dia rugi RM15,000.00 sampai malas dia hendak bercakap. Apakah perancangan Kerajaan Negeri. Adakah hendak halau balik semua pekerja asing atau pun terutama pekerja tanpa izin (PATI) ini. Hari itu Y.B. Perai kata kita akan bawa segala imigresen, polis dalam sedang Dewan dulu. Kita akan buat operasi hendak tangkap PATI. Saya tidak baca di mana pun lagi operasi. Adakah dijalankan atau tidak saya tidak tahu, PATI ini Pendatangan Tanpa Izin. Apatah lagi saya baca juga daripada Sungai Puyu mengatakan penyakit Malaria sekarang sudah mula menular di Pulau Pinang yang dibawa oleh pekerja-pekerja Myanmar. Bila hendak tangkap mereka hendak bawa mereka pergi berubat mereka sembunyi lari. Betulkan? Penyakit Malaria. Yang kita tahu di Penang ini bukan tempatnya tetapi sekarang sudah berkembang.

Jadi, kita harus pandang serius benda-benda yang begini. Kita dulu kita kata malaria di Pulau Pinang tidak ada tetapi sekarang ini sudah ada di kesan datang daripada pekerja-pekerja Myanmar. Bila pergi ke rumah-rumah kongsi untuk tangkap mereka untuk berubat, mereka lari dan ini akan berjangkit dan berjangkit. Jadi benda ini saya sangat berharaplah

kepada Kerajaan Negeri supaya pekerja-pekerja tanpa izin ini dihantar pulang secepat mungkin dan kerja-kerja keutamaannya di bagi kepada penduduk-penduduk tempatan. Kalau Negara kita mewah banyak kerja macam dulu *okay now* sekarang sedang menguncup. Itu akan mendatangkan kesulitan dan kita takut esok jadi seperti apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Seri Delima kata tadi bahawa *criminal cases* semakin banyak dan sebagainya. Bila orang tidak ada kerja hendak makan juga *resort* dia akan pergi ke arah itu. Itulah kalau sekadar diperuntukkan RM50juta untuk persediaan dan hendak minta RM500juta kepada Kerajaan Pusat. Saya tengok dalam bajet yang dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Kewangan yang baru lalu ini, dia kata RM500 juta itu untuk seluruh Negara yang RM7 juta itu, RM7 bilion *sorry* RM500 juta adalah peruntukan untuk seluruh Negara tetapi kita hendak minta RM500 juta juga banyak itu. Itu saya rasa curiga kita akan boleh berjaya mendapatkannya.

Y.B. Tuan Speaker, tidak sentuh tentang pertanian tidak cukup syarat. Kawan saya duduk situ duduk tunggu saja. Okey saya sebut juga pertanian. Yang dibentangkan dalam pertanian ini Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), kita akan buka dan sebagainya. Ucapan T.Y.T. hari itu pun yang itu juga yang di Ara Kuda dengan di Juru itu disebut sudah dalam bulan Julai hari itu. Yang ini pun disebut juga bahkan dulu semasa saya pegang pertanian saya pun sebut yang itu. Tanam nenas sudah tanam makan buah habis sudah memang tanam buah. Buah pala yang tanam di Balik Pulau sudah tanam sudah dulu dekat hendak berbuah sudah. Sudah lama punya cerita bukan satu perkara yang baru. Begitu juga Taman Keluaran Makanan di Juru yang mengatakan untuk buat akuakultur yang baru mana ada akuakultur baru. Apa dia yang hendak buat, tidak pun mula-mula lagi. Begitu juga dengan ternakan, kita tidak boleh lepas lembu pergi dan kambing kita hendak buat *feed lot*. Berapa *feed lot* yang hendak dibuat, tidak di cerita, berapa peruntukan yang akan disediakan. Benda-benda yang sebegini. Apa hal pula dengan (ZIA) Zon Industri Akuakultur yang di Penaga ada tanah tujuh, lapan ekar, tidak menguit-nguit pun tidak bergerak pun. Jadi berilah satu benda yang baru, tidak usahlah cerita yang lama-lamalah.

Jadi saya ada beberapa soalanlah. Sekejap Yang Berhormat tiada benda hendak jawab pulakan. Berapakah jumlah bantuan dan sugu hati kepada penternak ikan dalam sangkar, nelayan dan penternak kerang yang akan dimanfaatkan kepada mereka apabila Jambatan Kedua itu mula kerja. Adakah buat rundingan dengan China Harbour ke apa ke, kerana akan terjejas bila *piling* itu *start* gedebung, gedebung, ikan akan rasa ketar kepala seperti itu, dia akan mati. Apakah rundingan yang telah dibuat dan berapakah mereka akan dapat.

Kedua, bagaimanakah kedudukan dengan perusahaan makanan laut sejuk beku yang mana *eksport* nya diharamkan di negara-negara EU. Pulau Pinang merupakan pengeksport makanan laut sejuk beku yang terbesar di negara kita. Apa terjadi dengan sekarang dengan perusahaan ini. Berapa banyak yang kehilangan kerja dan sebagainya.

Ketiga, saya hendak tanya apakah produk-produk baru pertanian. Tidak mengapa, Y.B. Sungai Puyu boleh tolong sekejap lagi. Satu lagi yang lebih penting lagi daripada semua-semua, apakah dasar kandang tertutup untuk ternakan khinzir dan ayam. Apakah kerajaan ingin menetapkan undang-undang ini. Kalau ia, bila atau pun tidak mahu buat terus biar kandang khinzir itu berselerak, tahi itu berselerak jalan dalam sungai, ayam itu biar lalat penuh di kawasan Simpang Empat, Junjung. Pergi makan kenduri, sebelah halau lalat dan sebelah suap nasi. Silap-silap dengan lalat itu telan. Adakah dasar itu akan dibuat. Kalau dibuat bila dan juga seterusnya cuba cerita kepada kita peranan Kerajaan Negeri untuk membantu itu.

Jadi itulah kita hendak tahu beberapa perkara dan sedikit sebanyak yang telah dibangkitkan. Ada satu dua sahaja lagi. Seterusnya ialah premis-premis hiburan yang kita baca dalam surat khabar, orang *complain*, polis cakap. Tutup, *raid* tempat itu, lepas sebulan *raid* lagi, lepas sebulan serang lagi. Dia asyik buka tutup, buka tutup. Sampai empat, lima kali pun, okey juga, dia masih operasi. Ada yang lebih canggih dia tukar *director* atau pengurusnya dengan Lembaga Pengarahnya ganti orang lain, tempat operasi yang sama, tempat itu juga. Apa terjadi ini, mengapa MPPP dan MPSP tidak bertindakkah atau bila bertindak, eh itu tidak bolehlah. Itu member *chief minister* punya, adakah. Tidak tahulah. Jadi saya ingat benda-benda ini dalam(gangguan). Fasal Yang Berhormat duduk diam sahaja, kalau dia jawab hilang mengantuk sedikit(gangguan). Tidak, tidak, saya pun ingat fasal saya sudah seorang sahaja bercakap. Letih juga. Tidak tuduh, saya tidak terniat langsung, saya ingat sebagai itu Yang Berhormat punya kawan. Sebagai itu, macam itu. Janganlah merah muka kena belajar jadi Ketua Menteri sabar, *cool*. *Okay*, saya(gangguan)

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukan, saya memang sabar. Kalau hendak kritik dasar tiada masalah tetapi janganlah cakap kerana kononnya tiada tindakan diambil kerana member Ketua Menteri. Itu tidak betul, itu ialah kalau ada bukti, tunjuk buktilah tetapi tidak boleh buat. Itu tuduhan yang tidak berasas ini. Cara Ketua Pembangkang, jadilah Ketua Pembangkang yang bermaruahlah. Kalau ada bukti, tunjukkan. Kalau tiada bukti janganlah buat tuduhan liar seperti ini. Yang tidak berasas tidak bagus.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya anggap itu sebagai jenaka, lawak-lawak. Kalau dalam Dewan duduk serius macam ini, Yang Amat Berhormat pun tahu. Apatah lagi petang-petang seperti ini. Saya kata tadi apa yang pihak MPPP, pihak MPPP sedang buat. Okey, kalau rasa tersinggung, minta maaf dan tarik balik. Macam itulah, tidak terniat untuk kata. Kalau saya hendak kata, saya kata *straight* sahaja macam Y.B. KOMTAR tadi, dia kelam kabut, tiga, empat kali sudah polis *report*. Kalau ada *land swan* pergilah lagi, dia memang suka macam itu. Saya kata lain, dia buat kata lain, sama dengan Y.B. Datok Keramat. Saya kata kalaulah berlaku kerana artikel itu berlaku peristiwa 13 Mei, bergaduh antara kaum, *he bought to be short*. Saya kata itu,(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, peraturan-peraturan. Saya minta maaf, peraturan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, kalau hendak minta dalam Dewan, lebih manis minta laluan daripada peraturan. Saya tahu *you* juara peraturan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker,... (dengan izi), peraturan, minta maaf. Saya rasa saya ingin menarik perhatian Y.B. Tuan Speaker kepada Peraturan 46(6) biar kena mengena. Saya pun belajar daripada Yang Berhormat Penaga. Kita membahaskan tentang bajet dan perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan kejadian Mei 13 dan sebagainya tiada kena mengena langsung dengan bajet. Jadi saya rasa, tidak perlulah kita membincangkan hal-hal tersebut yang tiada kena mengena dan mintalah teguran dibuat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya pun sebut yang Y.B. Datok Keramat kata, saya diam saja. Hari ini saya bercakaplah, saya pun tidak minat bercakap, saya tahu banyak *lawyer*. Esok laporan sudah dibuat, esok kalau saya dibawa ke mahkamah, kita jumpa di mahkamahlah. *No problem*. Hilang mengantuk sedikitkan Yang Amat Berhormat. Ini pukul berapa, memang time ini time sangat mengantuk. Okeylah, saya pun hendak habis dah.

Masalah kawasan pula yang harus dibentangkan. Saya baru tahu bahawa di Kuala Muda ada satu ditubuhkan Jawatankuasa Bertindak. Saya tidak tahu jawatankuasa ini jawatankuasa apa tetapi mereka kata Jawatankuasa Bertindak. Kerja mereka ialah untuk mendapatkan rumah tsunami di Kuala Muda dan pungut wang daripada penduduk. Kalau BPR dengar ini apa yang saya perkatakan ini. Saya harap BPR boleh masuk sekarang juga. Borang itu pun hendak kena bayar duit dan sebagainya, BPR masuk sekarang dan Pejabat Daerah SPU pun saya hairan, layan Jawatankuasa Bertindak ini, Jawatankuasa Bertindak tahi minyak apa. Kalau JKKK okeylah, kerajaan iktiraf, kami pun iktiraf. Ini Jawatankuasa Bertindak ini mana datang ini. Saya minta BPR masuk sekarang juga cari orang-orang itu.

Kedua, ada kononnya satu lagi Rancangan Tebatan Banjir, tanah-tanah yang akan diambil akan dibuat penilaian kerugiannya oleh Jabatan Penilaian tetapi ada satu syarikat pula masuk beri borang pada orang kampung untuk *sign*. Katanya esok kami akan *file* kalau bayaran itu kurang dan sebagainya. Ini semua hendak menipu orang kampung. Saya *check* dengan JPS, adakah syarikat ini dilantik. JPS kata tidak, kita hanya membuat penilaian yang berdasarkan Jabatan Penilaian dan bukan daripada mana-mana pihak. Jadi itu juga saya harap BPR masuk ke Kuala Muda dan cari orang yang sedang kutip duit ini.

Akhir sekali sebagai penutup, banyak-banyak terima kasih. Muka Yang Amat Berhormat pun tidak merah. Sudah okey. Kesimpulannya, kita tengok beberapa program, kalau saya tidak sebut pun tidak patut. Beberapa program, bola sepak hendak mati sudah di Pulau Pinang sampai kena beri amaran *by* Februari tahun hadapan kalau tidak ambil bahagian dalam pertandingan FAM (Persatuan Bola Sepak Malaysia) Pulau Pinang akan menerima hukuman. Gaji empat, lima bulan tidak bayar kepada pemain. Hendak makan pun tiada, presiden sudah lari. Macam mana ini, siapa presiden, Yang Berhormat Penanti. Tidak sedap kalau dia tiada, tidak mengapalah, saya katalah.

Yang kedua, saya katakan tadi *International Dragon Boat Race*, tolonglah bayar hutang tidak habis-habis lagi ini. Yang ketiga, Asean Asian Cultural Festifal di Tapak Pesta. Ia satu benda yang memalukan, *it's a flop*, tertipu, seseorang yang mengaku daripada MATEC ia boleh tipu Kerajaan Negeri. *Now*, Kerajaan Negeri yang kena, orang tidak percaya dan lebih dahsyat lagi semua orang tahu *King Of All flop, King of Tennis event* yang duduk dekat itu yang hendak buat sangat. Masuk ESPN, satu dunia tahu. Lagi dua, tiga hari 'pom'. Mengapa kerajaan masa buat persetujuan tidak *study* dahulu *back ground event* punya *manager* itu. RM2 juta yang sepatutnya diambil, di *wave* kan, dikecualikan. Selepas itu pula, korek padang, tidak bayar deposit apa. Kalau hendak repair padang

itu balik RM300,000 tetapi kalau kena *sewerage* di bawah itu harganya RM1.3 juta. *Mother of all flop*. Kesimpulannya empat *events* yang ini yang tidak mampu dilaksanakan oleh kerajaan Negeri mana mungkin hendak mentadbir seluruh Negeri Pulau Pinang dengan sempurna. Sekian, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, dipersilakan Y.B. Pantai Jerjak, lama sudah tunggu.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Jumaat yang lalu kita menyaksikan Y.A.B. Ketua Menteri membentangkan Belanjawan 2009 yang memberi tumpuan kepada tiga teras utama. ...(dengan izin), *Pro growth, pro job dan pro poor*. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan Pakatan Rakyat sekali lagi menunjukkan keprihatinan dan sifat kepedulian rakyat tidak sama kerajaan Barisan Nasional yang dahulu mementingkan korporat-korporat besar seperti UEM, Berjaya Gold, Perwaja Steel dan syarikat-syarikat lebuh raya yang lain. Berbilion-bilion ringgit wang rakyat telah disalurkan kepada tokoh-tokoh korporat yang biasa mempunyai hubung kait dengan UMNO Barisan Nasional melalui kontrak-kontrak *direct negotiation*. Jadi, negeri kita cukup bertuah kerana Kerajaan Negeri sekarang di bawah pimpinan seorang Y.A.B. Ketua Menteri yang menampilkan ciri-ciri kepimpinan yang cukup berkesan.

Walau bagaimanapun lebih penting lagi adalah kepimpinan daripada setiap peringkat Kerajaan Negeri, dari EXCO Negeri ke ADUN, dari Ketua Jabatan sampai ke Pegawai Am. Kepimpinan yang berkesan dapat membawa perubahan yang berkesan kepada pentadbiran negeri. Saya menyeru supaya semua pegawai kerajaan untuk sama-sama mempamerkan ciri-ciri kepimpinan. Kita sama-sama bertanggungjawab dalam negeri kita ini dan kita semuanya harus mengambil inisiatif yang lebih dalam urusan kita. Inisiatif yang lebih dapat meningkatkan produktiviti pentadbiran kerajaan. Kalau produktiviti meningkat maka nilai GDP negeri kita akan meningkat dan kos akan kekal malahan turun. Ini akan memanfaatkan negeri kita. Urusan dengan kerajaan akan menjadi mudah dan pelanggan kita bertambah puas hati, daya saing negeri kita akan meningkat, pelabur juga akan balik melabur melabur. Maka negeri kita mungkin akan mampu mengelakkan *hard-landing* semasa krisis ekonomi melanda nanti.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana rela membentangkan bajet yang bersifat *expansionary*. Ciri-ciri *Keynesian Theory* yang nyata kelihatan dalam belanjawan yang telah dibentangkan. *Keynesian economics* berpendapat bahawa kerajaan berupaya mencetuskan pertumbuhan ekonomi dan menstabilkan sektor swasta melalui cukai, kadar faedah dan projek kerajaan.

Saya bersetuju dengan Kerajaan Negeri dari segi falsafah ekonomi terutamanya pada saat-saat genting ini, tetapi saya juga ingin memberi nasihat supaya *the devils is in the details*...(dengan izin). Persoalannya sekarang adalah bagaimana kita melaksanakan program-program dan projek-projek. Kerajaan Negeri memperuntukkan lebih daripada RM500 juta untuk perbelanjaan dan pembangunan negeri tahun 2009. Antaranya perbelanjaan mengurus adalah sebanyak lebih daripada RM331 juta atau 64%. Tambahan pula, hasil yang kita kutip pula, tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan mengurus. Ini adalah suatu gejala yang membimbangkan. Antara 3 peningkatan perbelanjaan mengurus yang paling ketara adalah di Pejabat Tanah dan Galian 34%, Pejabat Daerah Timur Laut yang meningkat lebih daripada 29.5% dan Pejabat Daerah SPU yang menambah peningkatan lebih daripada 26%. Selain daripada itu peningkatan *staff* di Jabatan Perkhidmatan *Veterinary* dan juga Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat SUK juga masing-masing mengalami peningkatan 39% dan 25%.

Dengan peningkatan ini, adakah mutu khidmat pelanggan akan melonjak *standing* dengan peningkatan? Saya juga ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini kepada senarai pinjaman Penang Loan yang dari tabung Pinjaman Negeri Pulau Pinang. Adakah Negeri serius dalam mendapat balik wang-wang yang telah dipinjamkan dan apakah statusnya. Kerana yang kita terima adalah penyata kewangan tabung biasiswa tetapi kita, Ahli-ahli Yang Berhormat belum mendapat penyata kewangan tentang tabung Penang Loan. Semua wang ini adalah wang rakyat. Persepsi rakyat rata-rata adalah Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu kurang berhemah dalam perbelanjaan. Wang berjuta-juta diperuntukkan tetapi kualiti perkhidmatan tidak ditingkatkan. Rakyat inginkan perubahan maka ini adalah sebab utama pengundi Pulau Pinang menyokong Kerajaan Pakatan Rakyat Mac yang lalu. Jadi Kerajaan Negeri seharusnya *going into the details* tentang pelaksanaan, *line by line, word by words*...(dengan izin).

Y.B. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri harus memberi tumpuan kepada usaha menjana kreativiti dan inovasi bakat-bakat yang kita miliki. Sistem pendidikan kita melahirkan golongan yang cemerlang dalam bidang akademik tetapi kurang cemerlang dalam bidang inovasi dan kreativiti.

Kreativiti dan inovasi adalah bakat yang cukup penting dalam tenaga kerja *knowledge workers*. Pulau Pinang perlu tenaga kerja yang *smart, creative and innovative ...*(dengan izin). Bakat-bakat *knowledge workers* suka bekerja dengan kumpulan pekerja yang pintar. Interaksi pekerja-pekerja sedemikian akan menjana sinergi untuk memacukan ekonomi negeri. Negeri Pulau Pinang penuh dengan pekerja pintar dalam semua bidang, yang kurang adalah platform atau peluang untuk pekerja-pekerja tersebut, sedemikian berjumpa sesama sendiri.

Kerajaan boleh berusaha untuk mewujudkan platform-platform sedemikian untuk meningkatkan pertembungan minda antara bakat-bakat kita. Dengan ini saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya melancarkan satu projek *Cyber City*. Projek *Cyber City* akan merangkup 4 aspek yang utama. Yang ulung sekali memperkasakan PSDC dan USM sebagai pusat latihan, R&D yang lebih baik. Dengan meningkatkan peruntukkan kepada PSDC iaitu pusat latihan kemahiran Pulau Pinang, kursus-kursus yang ditawarkan boleh diperbanyakkan dengan menjurus kepada peningkatan kemahiran teknologi. PSDC juga boleh menjadi pusat untuk menjana projek-projek inovasi.

Aspek kedua adalah menyediakan *seed funds* untuk usahawan-usahawan teknologi supaya mereka boleh memulakan teknologi *start-ups* mereka. Usahawan-usahawan perlu mengemukakan idea-idea bernas yang penuh kreativiti dan *business model* yang berupaya berfungsi. *Seed funds* boleh disalurkan melalui *investPenang*, PSDC atau USM. Mereka boleh menggunakan kemudahan yang disediakan di PSDC juga untuk projek-projek inkubator atau kemudahan mesyuarat dan perjumpaan.

Aspek ketiga adalah Kerajaan Negeri harus berusaha mengaturkan perjumpaan dengan pelabur-pelabur yang berminat akan projek-projek *start-ups* tersebut, menolong memasarkan projek atau produk di peringkat antarabangsa supaya projek tersebut mendapat pelaburan selanjutnya dan berjaya di peringkat antarabangsa.

Aspek yang keempat adalah menubuhkan *high-tech start-up park* di kawasan seperti Bayan Baru, Sungai Nibong Tengah atau di Queensbay. Kita boleh sediakan satu *grant* supaya teknologi *start-ups* yang kecil-kecil dapat sewa tempat-tempat di kawasan Bayan Baru yang berdekatan dengan FIZ. Ini akan memudahkan mereka berdekatan dengan market yang sedia ada iaitu MNC yang lebih besar atau kilang-kilang yang sedia ada di sana. Dengan usaha ini kita akan menggalakkan bakat-bakat dan usahawan kita memulakan teknologi *start-ups*. Teknologi *start-ups* adalah penting kepada negeri kita, kerana jika kita berjaya dalam melahirkan beberapa teknologi *start-ups* yang berupa *google* atau HP, ekonomi negeri kita akan mengalami transformasi juga.

Y.B. Tuan Speaker,

Sepanjang perdebatan Belanjawan 2009, isu-isu yang timbul tidak terhenti-henti adalah sokongan Kerajaan Pusat agak tidak memuaskan kepada negeri kita. Kita bersyukur kerana Kerajaan Pusat akhirnya telah meluluskan beberapa projek yang akan membantu ekonomi Kerajaan Negeri. Namun rata-ratanya kerjasama daripada kementerian-kementerian tertentu adalah masih amat mengecewakan.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menyediakan *Annual Report on Federal and State Relations* yang kita boleh menyediakan laporan ini tiap ulang tahun. Laporan ini akan memaparkan kepada rakyat bagaimana hubungan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Ia juga akan meningkatkan kesedaran rakyat Pulau Pinang tentang semangat federal isme dan juga memahami tentang hubungan *federal* dan *state*. Kandungan laporan tersebut boleh merangkup beberapa aspek :

1. Permintaan Kerajaan Negeri yang dikemukakan kepada Kerajaan Pusat, dan status permintaan sama ada diluluskan, ditolak atau tidak dimaklumkan.
2. Status pelaksanaan projek Kerajaan Pusat di Negeri Pulau Pinang.
3. Jumlah sumbangan wang rakyat dan industri negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Pusat.
4. Peruntukkan Kerajaan Pusat kepada Negeri Pulau Pinang.
5. Cadangan memperbaiki hubungan antara Pusat dan Negeri.

Kita haruslah menerap apa yang Kerajaan Pusat buat untuk negeri dan juga apa yang belum buat. Dengan adanya laporan tahunan ini pihak Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Setujukah ahli daripada Pantai Jerejak seperti yang dilakukan oleh Ketua Menteri dahulu iaitu Tun Lim Chong Eu, iaitu perhubungan baik yang ada diantara Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Pusat maka akhirnya Pulau Pinang maju sehingga sekarang. So kaedah yang itu mungkin lah boleh diikuti.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Ahli daripada Seberang Jaya. Saya masa Tun Lim Chong Yew saya masih muda lagi. Jadi saya kurang tahu tetapi saya percaya dengan ada *Annual Report* kita ini, *Annual Report* ini boleh memaparkan cadangan-cadangan untuk memperbaiki hubungan antara Pusat dan Kerajaan Negeri, jadi kita mungkin akan mendapatkan satu hubungan yang lebih baik. Jadi dengan adanya laporan tahunan ini rakyat Negeri Pulau Pinang boleh mendapat menilai dengan lebih teliti adakah mereka *treated fairly* ...(dengan izin). Jadi dengan hujah-hujah di atas saya meminta menyokong. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Bagi Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Y.B. Tuan Speaker, salam sejahtera dan selamat petang diucapkan Y.B. Tuan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta membahaskan dalam Rang Undang-undang Pembekalan 2009 dan usul Anggaran Pembangunan 2009.

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan dengan JeWay fasa 3, saya difahamkan bahawa projek ini akan bermula pada hujung tahun, mungkin Disember ini. Adakah sebarang pelan untuk membina sebuah jejambat yang akan melintas jalan, Jalan Tan Sri The Ewe Lim dan ke JeWay atau terdapat jalan lain yang akan menghubungkan JeWay. Saya menyeru Kerajaan Negeri kita untuk mengambil perhatian yang lebih mendalam tentang masalah ini. Ini kerana pada masa projek fasa 2 sedang dilaksanakan, terdapat sebuah jejambat dalam pelan yang menyambungkan Gat Lebu Cecil dan Gat Lebu Macallum. Walaupun projek itu telah siap, tetapi tiada jejambat yang dibina. Apakah yang telah berlaku? Adakah bekas Kerajaan Negeri Barisan Nasional sengaja tutup sebelah mata walaupun ianya melibatkan keselamatan nyawa rakyat jelata. Tanpa pembinaan jejambat tersebut, banyak kemalangan telah dan sedang berlaku di persimpangan Gat Lebu Cecil. Adalah difahamkan, laluan penumpang motosikal sudah pun ditutup. Keadaan ini mengakibatkan penunggang motosikal menghadapi kesusahan untuk mengambil laluan untuk membelok kanan ke kawasan Gat Lebu Macallum. Keadaan ini juga memang membahayakan keselamatan penunggang motosikal dan lain-lain pengguna jalan raya lebu raya tersebut. Saya berpendapat bahawa jika jejambat tersebut dibina dahulu, kemalangan dan kesesakan lalu lintas di

Jalan Jelutong mungkin tidak berlaku ataupun dapat dikurangkan. Apakah muslihat di sebalik isu jejambat tersebut tidak dibina. Adakah bekas Kerajaan Barisan Nasional menggunakan cara yang tidak sihat dan tidak mengendalikan projek ini. Saya ingin tahu dan nak minta penjelasan daripada ahli pembangkang. Adakah ahli pembangkang mungkin mereka nak bagi penjelasan.

Y.B. Tuan Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Minta laluan. Saya ingat lebih baik ahli daripada Sungai Pinang tumpu kepada apa yang hendak dilakukan. Kalau belum ada benda yang dilakukan, nak suruh buat, buat. Janganlah dok salahkan orang ni, orang ni, orang tu. *Last* sekali tak berjaya juga. Kalau kata keselamatan, kalau nak jejantaslah, nak apakah, minta. Kalau tak ada apa pun buat. Mungkin ada dalam pelan tu kah. Mungkin tak ada. Jangan salah kerajaan dulu, sebab the tender sistem dia, dia ada orang yang menjaga. Kalau Kementerian Kewangan, Kementerian Kewanganlah dan mereka masih ada.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Terima kasih ahli dari Seberang Jaya. Ini bukan saya mahu kesalahan siapa yang kerajaan dulu. Bekas ADUN Kawasan Pengkalan Kota. Dia bikin banyak sidang akhbar berkenaan jejambat itu. Dia pun kata, ada, memang pelan ada jejambat.

Y.B. Tuan Speaker, saya akan ke isu lain. Adakah ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa projek pelebaran jalan raya di kawasan Balik Pulau yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat telah tergendala. Adalah difahamkan dan juga ura-ura di kalangan rakyat bahawa terdapat penglibatan konco-konco UMNO dalam projek ini. Mungkinkah bekas Ahli Parlimen Balik Pulau dan sekarang adalah Ahli Telok Bahang dapat memberi penjelasan tentang projek yang tergendala ini kepada Dewan yang mulia ini.

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan dengan jejambat "*gostan*". Tadi, Ketua Pembangkang kata "*gostan*", saya pun guna ada "*gostan*". Ada *go-stunt* juga. Itu jejambat "*gostant*". Ini bukan perkara baru. Tetapi ada berkenaan, sekarang memang dia ada berkenaan jejambat *go-stunt* yang menyambung Jalan Masjid Negeri dan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim ataupun Jalan Batu Lanchang. Itu jejambat di hadapan Hospital Lam Wah Ee.

Sehingga kini jumlah kos perbelanjaan jejambat itu masih tidak *transparent*. Adakah jejambat kos projek ini RM7.5 Juta atau RM12 juta? Saya difahamkan oleh beberapa kontraktor bahawa dengan hanya kos sebanyak RM3 hingga RM4 juta sahaja seseorang kontraktor dapat menyiapkan jejambat ini dan juga mampu membuat keuntungan yang baik. Tetapi kos perbelanjaan kos perbelanjaan RM7.5 juta atau RM12 juta yang masih tidak jelas dan ini amatlah tinggi. Bagaimana cara bekas Kerajaan Negeri Barisan Nasional dalam menggunakan wang rakyat sebegitu banyak? Pembinaan jejambat "*gostan*" ini juga hanya membolehkan kenderaan yang ringan sahaja melaluinya, kenderaan berat dan panjang sama sekali tidak dapat menggunakan jejambat "*gostan*" tersebut. Harus faham jikalau terdapat sebarang kemalangan atau kereta yang *break down* ...(dengan izin), di atas jejambat "*gostan*" tersebut, kesesakan lalu lintas boleh dilihat sampai Jalan Masjid Negeri ataupun mungkin sampai ke Jambatan Pulau Pinang, nombor satu. Ini adalah produk Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Saya di sini ingin mencabar bekas Kerajaan Negeri Barisan Nasional pada masa itu untuk memberi penjelasan terhadap isu ini.

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan dengan projek WiFi dan WiMax di Negeri Pulau Pinang. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri baru kita dalam melancarkan projek ini. Di samping itu, pujian harus diberi kerana Kerajaan Negeri kita dapat melaksanakan projek ini dengan tiada kos perbelanjaan dan ia juga membolehkan rakyat menggunakan perkhidmatan dengan percuma dalam dua (2) tahun yang akan datang. Namun demikian, saya berasa amat kecewa kerana usaha yang sama sedang dilaksanakan di peringkat Kerajaan Pusat. Dianggarkan sebanyak RM11.3 bilion akan dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat untuk projek sedemikian. Mengapa Kerajaan Pusat ingin membelanjakan jumlah wang yang sebegitu banyak, sedangkan Kerajaan Negeri kita dapat melancarkan projek wiFi, WiMax ini tanpa kos.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Saya sebenarnya pun sokong juga adakan WiMax percuma. Tetapi di samping itu juga, oleh kerana hari ini kami semua terima satu memorandum untuk Kerajaan Negeri ambil perhatian juga berkenaan dengan beberapa perkara. Jadi saya rasa sebelum ianya dilancarkan, ambil kira jugalah yang telah dikemukakan oleh badan yang memanggil diri mereka sebagai Penang *Wireless Group, Campaign Group*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Ini perkara bagi ahli EXCO menjawab. Dengan jelas dapat dilihat bahawa kerajaan kita lebih efisien dan proaktif dalam melancarkan projek-projek awam. Ini membuktikan bahawa prinsip C.A.T. memang efektif. Memang wajar dan terus akan keputusan rakyat dalam memilih Kerajaan Pakatan Rakyat pada 8 Mac. Prinsip C.A.T. ini sememangnya padan dengan kehendak rakyat kita dengan ini rakyat dapat membuat penilaian sendiri sejak tsunami pilihan raya 8 Mac lalu terhadap pengurusan kerajaan baru kita. Saya cadangkan bahawa Kerajaan Pusat pimpinan Barisan Nasional akan dapat mempertimbangkan penggunaan prinsip C.A.T. di peringkat pusat.

Y.B. Tuan Speaker, melalui jawapan yang saya terima terhadap soalan bertulis nombor 25 yang berkenaan dengan rancangan Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri kita. Saya berasa amat terkejut apabila melihat hasil kajian yang telah dilakukan. Mengikut kadar peratusan kemiskinan tegar yang saya terima adalah seperti berikut. Peratusan kemiskinan tegar kaum Melayu 91%, kaum India 4.5%, kaum Cina 3.5%, lain-lain 1%. Amat mengecewakan bagi saya untuk melihat kadar kemiskinan yang amat tinggi terhadap golongan kaum Melayu. Saya ingin bertanya kepada ahli-ahli pembangkang UMNO, banyak suara sudah kita dengar yang UMNO adalah satu-satunya parti membela kepentingan kaum Melayu, tetapi kadar yang kita lihat di sini sememangnya bertingkah dengan apa yang di suara-suarakan oleh UMNO selama ini. Saya juga ingin tahu bagaimana UMNO membela kepentingan Melayu di Pulau Pinang selama ini. 91% sememangnya tinggi. Ingin juga saya nak tahu tentang 9% selebihnya yang bukan miskin. Adakah golongan 9% ini terdiri daripada kroni-kroni atau konco-konco UMNO. Selama 50 tahun UMNO di Pulau Pinang, tetapi hanya 9% kaum Melayu yang berada di atas kadar kemiskinan, sungguh terharu hati saya bila melihat pengorbanan dan pembelaan UMNO terhadap kaum Melayu di Pulau Pinang. Adakah UMNO hanya membela UMNO-putera dan mengabaikan bumiputera? Y.B. Tuan Speaker, sekianlah. Saya memohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, sila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya berdiri untuk mencadangkan mesyuarat persidangan ini dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam, selaras dengan Peraturan 6 (a) (i).

Y.B. Tuan Speaker:

Ada sokongan?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Sokong? Ahli Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6 (a) (1) untuk melanjutkan tempoh persidangan sehingga jam 10.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju, katakan ya. Yang tidak bersetuju katakan tidak.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

“Ya,” sebulat suara. Usul telah dipersetujui. Terima kasih. Jadi, teruskan Seberang jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam Perbahasan Bajet 2009. Terima kasih juga kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah pun berjaya membentangkan Bajet yang dimaksudkan. Oleh kerana banyak yang belum bercakap dan waktu persidangan juga dilanjutkan sampai malam, saya pun tak maua makan masa banyak. Saya lebih memilih untuk baca teks sahaja untuk saya menyempati masa.

Y.B. Tuan Speaker, berpandukan kepada Bajet 2009, anggaran hasil dan perbelanjaan, di mana jumlah hasil yang dianggarkan sebanyak RM291,743,300 dan jumlah anggaran perbelanjaan yang mengandungi Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM331,197,430.00 akan melambangkan bahawa bajet 2009 ini akan mengalami defisit sebanyak RM39,454,130.00. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri harus membuat perbelanjaan pembayaran secara langsung sebanyak RM75,084,020.00 dan tanggungan pinjaman yang berjumlah RM110,995,030.00 iaitu bagi melengkapkan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM186,039,050.00.

Pada pandangan kami dengan slogan CAT yang dilaungkan oleh kerajaan sekarang dan *competency* sudah tentu bermakna mempunyai kecekapan, keupayaan dan kebolehan di dalam mengurus dan merancang kewangan negeri yang sudah tentu saya jangkakan sepatutnya bajet 2009 ini adalah surplus bajet, malangnya ianya tidak tercapai. Seperti yang dibangkitkan juga oleh wakil daripada Permatang Berangan iaitu kalau direnungi elemen yang mengatakan sejumlah 25.5 juta adalah terdiri daripada program sosial pemberian RM100.00 untuk subsidi air dan bantuan-bantuan sekolah tidak boleh di ungkit sebagai satu faktor bagi menunjukkan bahawa defisit perbelanjaan 2009 mungkin berkurangan atau menjadi hanya 13.9 juta jika perkara di atas tidak dilaksanakan. "Lembu dipegang pada tali dan manusia dipegang pada janji". Apa sahaja yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat tidak harus di buat sebagai sesuatu andaian dan perkataan sekiranya, ataupun sekiranya kedua-dua program sosial untuk menghadapi kemelesetan ekonomi tidak dilaksanakan yang pada pandangan saya tidak sepatutnya juga disebut di dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri. Jika amalan CAT iaitu kompetensi dan akauntabiliti itu dihayati secara mendalam. Sepatutnya Y.A.B. Ketua Menteri harus menerima hakikat, iaitu anggaran defisit 2009 adalah sebanyak RM39,454,130.00.

Dari anggaran pendapatan hasil bukan cukai untuk tahun 2009 sebanyak RM121,281,900.00, betul jika dibandingkan dengan anggaran tahun 2008 yang berjumlah RM113,595,050.00 iaitu anggaran peningkatan RM7,686,850.00 tetapi sepatutnya ianya harus dibandingkan juga dengan pendapatan bagi tahun 2007 di bawah kerajaan yang terdahulu iaitu sebanyak RM129,568,414.22 yang menunjukkan sebenarnya penurunan pendapatan negeri adalah sebanyak RM8,304,514.22 di mana anggaran bagi pendapatan lesen dan permit sahaja telah menurun sebanyak RM821,006.97 dan bayaran anggaran bagi bayaran perkhidmatan juga telah menurun sebanyak RM5,142,382.20 berpandukan kepada angka pendapatan untuk tahun 2007. Walaupun dibandingkan dua perkara ini dengan anggaran 2008, ia juga terbukti menurun iaitu untuk lesen dan permit daripada RM9,012,600.00 kepada RM8,992,700.00 iaitu penurunan sebanyak RM19,900.00 dan untuk bayaran perkhidmatan daripada RM34,046,650.00 kepada RM32,990,560.00 iaitu penurunan sebanyak RM1,056,090.00. Kenapakah perkara ini berlaku?

Daripada RM107,820,600.00 anggaran jumlah hasil cukai langsung di mana anggaran pendapatan pada tahun 2008 ia, iaitu cukai tanah dan kutipan tunggakan cukai tanah masing-masing anggaran berjumlah RM94,500,800.00 dan RM5 juta di lihat dianggarkan meningkat kepada RM96,411,600.00 iaitu peningkatan sebanyak RM1,911,600.00 dan RM9,201,200.00 iaitu peningkatan lebih kurang RM4.2 juta, maka apakah sebenarnya perancangan Kerajaan Negeri yang mempunyai keyakinan untuk mencapai matlamat ini.

Di bawah tajuk perolehan daripada jualan barang-barang di mana anggaran pendapatan untuk tahun 2007 adalah RM37,508,967.62 menurun dalam anggaran untuk tahun 2009 kepada RM31,111,140.00 iaitu merupakan penurunan sebanyak RM6,397,827.62 iaitu hasil bukan cukai dan jika kita meneliti secara mendalam apakah polisi kerajaan sekarang yang memberikan kelulusan lanjutan tempoh pajakan tanah kepada pemilikan kekal maka tidakkah anggaran hasil yang dijangkakan boleh diperolehi bagi perkara ini. Lanya tidak sepatutnya menurun. Jika perkara ini di ambil kira sudah tentu boleh menambahkan pendapatan negeri sekali gus boleh mencapai sasaran surplus bajet untuk tahun 2009.

Apakah sebenarnya yang dirancang oleh Kerajaan Negeri mengenai perkara ini jika amalan transpirasi yang dilaung-laungkan selama ini memang benar wujud. Kenapakah angka anggaran dari pendapatan premium tambahan untuk perkara ini tidak diperjelaskan di dalam bajet 2009 ini? Jika kita lihat anggaran premium tanah tukar syarat menurun dari RM8,340,995.92 pada 2007 kepada RM6,530,900.00 bagi anggaran 2009 dan premium tanah pemberian hak milik juga menurun dari RM21,823,050.43 untuk tahun 2007 kepada RM21,506,000.00 anggaran untuk tahun 2009. Yang ketara ialah premium tanah untuk pemberian milik bayaran khas menurun dengan ketaranya daripada RM6,501,420.86 pada tahun 2007 kepada RM2,117,900.00 untuk 2009 iaitu penurunan untuk sebanyak RM4,383,520.86.

Tatkala keadaan ekonomi dunia yang di lihat malap untuk tahun-tahun yang ke hadapan dan penurunan harga minyak dan harga komoditi utama keluaran negara Malaysia sudah tentu tempiasnya akan dirasai oleh kita di negeri Pulau Pinang ini. Oleh itu, kecekapan sesebuah kerajaan yang memerintah amat penting bagi menjamin rakyat dapat meneruskan kehidupan seperti biasa dan keperluan asas serta pembangunan mampan harus diteruskan. Bolehkah kerajaan yang sekarang ini mencapai matlamat ini?

Saya juga merasa amat bimbang melihat perbelanjaan Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan di jangka meningkat daripada RM80,501,050.00 pada tahun 2008 kepada RM84,354,290.00 dan emolument untuk Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat SUK juga meningkat daripada RM24,731,470.00 pada tahun 2008 kepada RM27,879,830.00 dan saya ingin mendapatkan penjelasan apakah keperluan untuk Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat SUK menambah bilangan kakitangannya dari 617 orang pada tahun 2008 kepada 771 orang pada tahun 2009 iaitu penambahan seramai 154 orang dan berapakah jumlah perjawatan yang di tambah berpandukan kepada tahun 2007 dan anggaran untuk 2009 bagi Jabatan Ketua Menteri sahaja. Tolong huraikan jawatan apakah yang di tambah dan apakah fungsi mereka?

Bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, juga di lihat penambahan perjawatan dari 99 orang pada tahun 2008 kepada 138 orang pada anggaran 2009. Kenapakah penambahan ini diperlukan? Dari anggaran pengambil-balik tanah untuk tahun 2009 yang berjumlah RM97,319,900.00 di mana RM11,364,900.00 adalah melalui pembiayaan secara langsung dan RM85,955,00.00 adalah melalui sumber pinjaman maka bolehkah Kerajaan Negeri memberikan penerangan terperinci mengenai lokasi dan saiz tanah-tanah yang dicadangkan untuk pengambilan bagi tahun-tahun yang ke hadapan ini.

Sejumlah RM4,368,00.00 adalah dianggarkan untuk rancangan perumahan murah. Di manakah rancangan-rancangan perumahan murah ini akan dibangunkan? Dari anggaran jumlah RM2.5 juta bagi penyiasatan untuk pembangunan ekonomi Pulau Pinang maka apakah garis panduan atau *point of reference* yang di guna pakai dan apakah matlamat sebenar untuk diadakan penyiasatan ini.

Y.B. Tuan Speaker, di kala masalah banjir menjadi satu keluhan rakyat dan ianya harus merupakan agenda utama semua Wakil Rakyat apatah lagi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab maka kenapakah anggaran perbelanjaan Jabatan Pengairan dan Saliran dikurangkan daripada RM10.0 juta bagi tahun 2008 kepada hanya RM6.0 juta untuk tahun 2009. Jika pada tahun 2008 sebagai contoh program bagi mendalam sungai dan pembersihan sungai adalah RM1,460,000.00 tetapi 2009 turun kepada RM800,000.00. Kerja-kerja dari RM1,020,000.00 menurun kepada RM630,000.00.

Rancangan tali air kecil daripada RM420,000.00 menurun kepada RM280,000.00. Rancangan parit kecil daripada RM340,000.00 menurun kepada RM330,000.00. Jambatan-jambatan dan lintasan daripada RM350,000.00 menurun kepada RM220,000.00 dan perbelanjaan pencegahan banjir daripada RM845,000.00 menurun kepada RM770,000.00 dan lain-lain yang mungkin akan menyukarkan lagi tindakan di ambil oleh jabatan berkenaan termasuk membersihkan sungai secara *ad hoc* bagi pencegahan banjir dan usaha ini mungkin akan terbantut. Di manakan letaknya sikap keprihatinan Kerajaan Negeri mengenai perkara ini? Apakah penduduk di Permatang Rawa dan kawasan Kampung Pertama, Kampung Belah Dua, Kawasan Tanah Liat, Tun Sardon, Mengkuang, Mengkuang Titi, Kampung Terus, Simpang Tiga Kubang Ulu dan kawasan-kawasan lain akan terus dibiarkan dengan fobia banjir? Langkah-langkah harus juga di ambil oleh Kerajaan Negeri supaya tindakan tertentu perlu di ambil agar banjir kilat dapat dikurangkan segera. Ini bermakna peruntukan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran perlu di tambah dan bukan di potong.

Di manakah letaknya akauntabiliti kerajaan sekarang ini? Rakyat masih menderita dan gimik-gimik popular dengan pemberian kebajikan kepada golongan kecil sahaja penerima tidak dapat mengubati kesusahan yang dialami oleh rakyat negeri Pulau Pinang ini.

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon izin untuk beralih kepada perkara-perkara lain yang memerlukan renungan serta kerjasama semua. Amat terluka, apabila Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri banyak menyindir dan ada juga di kalangan Y.B-Y.B yang menuduh kononnya UMNO dan Barisan Nasional mengetepikan kaum-kaum lain di negeri ini. Marilah kita melihat dari perspektif komersial. Sebagai contoh, kalau dulu satu kilang ada 100 orang pekerja dan 30% pekerjanya adalah di kalangan bukan bumiputera tetapi setelah kilang ini maju dengan kepimpinan cekap pentadbiran kilang pada masa itu telah dapat membesarkan kilangnya dari 100 orang pekerja kepada mungkin kepada 10,000 orang pekerja tetapi komposisi kaum bukan bumiputera menurun dari 30% kepada hanya 20% walhal dari segi jumlah pekerja telah meningkat daripada 30 orang dahulu kepada 2000 orang pekerja bukan bumiputera semasa pembesaran kilang itu.

Sudah tentu persefahaman masa dulu untuk keharmonian dan kerjasama di antara kaum dalam kilang ini amat baik tetapi apabila kilang itu membesar dan jumlah pekerja bukan Melayu meningkat, tuntutan, harapan, perasaan terpinggir mula terasa. Begitulah juga keadaannya di dalam sesebuah negara. Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO tidak meminggirkan kaum lain buat sekian lama tetapi jumlah penduduk berbilang bangsa telah bertambah maka tuntutan dan harapan serta perasaan terpinggir sudah tentu wujud. Walaupun dikatakan Barisan Nasional kalah di dalam pilihan raya yang lalu tetapi sekurang-kurangnya ia memberikan peluang kepada Kerajaan Barisan Nasional dan parti-parti komponen bersama-sama dengannya untuk bermuhasabah dan melakukan *SWOT analysis* ...(dengan izin), dan percayalah orang Cina, orang India dan lain-lain kaum tidak akan terasa terpinggir dan pembelaan juga akan diberikan kepada mereka orang Kerajaan Barisan Nasional. Orang Melayu akan terus diberikan pembelaan tanpa menyekat hak-hak dan harapan orang bukan Melayu. Oleh itu saya benar-benar berharap iaitu seperti yang disarankan oleh Pengerusi Lajnah Perpaduan Nasional PAS, Tuan Dr. Mujahid Yusof Rawa, kebetulan bapa beliau adalah kawan baik saya, bahawa perkembangan terkini menggambarkan ketidakpuasan hati kaum lain melalui kenyataan-kenyataan dan tindakan-tindakan parti politik sama ada dari komponen BN ataupun dari Pakatan Rakyat.

Saya memohon Y.A.B. Ketua Menteri yang sudah pun menerajui sebuah kerajaan dan bukan lagi sebagai pembangkang untuk berhenti membuat sindiran dan tuduhan terhadap BN atau UMNO kerana toleransi etnik jangan dibakar dari kaca mata kebencian. Ahli Parlimen Rembau, Y.B. Saudara Khairy Jamaluddin ada menegaskan bahawa sekiranya sesuatu tuntutan itu munasabah dari mana-mana kaum sekalipun maka ianya boleh dibincangkan bersama-sama kerajaan. Oleh itu Kerajaan Negeri sekarang ini janganlah wujudkan suasana kebencian rakyat dengan UMNO dan BN. Walaupun kami wakil rakyat pembangkang, hal-hal untuk kepentingan rakyat Pulau Pinang masih terus diperjuangkan oleh kami. Kami tidak mengamalkan seperti kata orang ayam bertelur sebiji riuh sekampung.

Y.B. Tuan Speaker, izinkan saya meneruskan sedikit berkenaan dengan perkara-perkara yang hendak dibahaskan berbentuk soalan. Di dalam keghairahan Kerajaan Negeri menguar-uarkan amalan 'amar makruh nahi mungkar, apakah pendirian Kerajaan Negeri agar pusat-pusat hiburan, rumah urut, kegiatan-kegiatan yang boleh mengerumuskan kepada kemaksiatan ditutup kesemuanya supaya andaian umum bahawa sikap hipokrisi Kerajaan Negeri tidak menjadi buah mulut orang ramai lagi. Saya juga ingin tahu apakah keputusan Kerajaan Negeri mengenai permintaan supaya sebahagian daripada Jalan Lebu Nordin dijadikan sebagai *two way road system*. Seperti juga yang dibangkitkan oleh Y.B. Seri Delima, iaitu mengenai jalan-jalan berlopak, saya ingin tahu secara spesifik, bolehkah kerajaan membantu PBT-PBT dan Pejabat-pejabat Daerah untuk penyenggaraan jalan-jalan terutamanya jalan-jalan berlopak seperti yang dibangkitkan iaitu kerja-kerja *patching* yang masih belum diselesaikan di Bandar Baru Air Itam, pembaikan jubin di Milenium Plaza Esplanade, penurapan yang teruk di Lebu Susu di Jalan Macalister, lopak di Coastal Highway, Bayan Lepas iaitu di belakang Queensbay Mall dan jalan-jalan di taman-taman perumahan dan di kawasan-kawasan flat di Seberang Jaya.

Y.B. Tuan Speaker, Kerajaan Pusat Barisan Nasional akan memperuntukkan RM20 juta sebagai modal pusingan stok penimbal ayam beku bagi mengurangkan kebergantungan negara pada import ayam proses. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri mengenai inisiatif ini dan langkah-langkah yang diambil untuk membantu penternak-penternak ayam di negeri ini, begitu juga perancangan Kerajaan Negeri bagi membantu penternak babi supaya masalah yang berkaitan tidak akan timbul lagi di masa hadapan. Kos untuk pesawah dan penanam sayur meningkat disebabkan harga kimia dan racun-racun berkenaan amat mahal. Bagaimanakah boleh Kerajaan Negeri membantu di dalam menyusun bajet 2009 ini supaya elemen subsidi untuk bahan-bahan kimia ini seperti racun kulat, racun siput gondang, racun tikus, racun serangga

serta rumpai dan lain-lain dapat diberikan kepada petani-petani dengan harga lebih murah sebagai meringankan bebanan petani dan lain-lain. Saya rasa amat pelik dengan sikap Kerajaan Negeri yang hendak menagih RM500 juta dari Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan untuk melatih semula pekerja bagi lima tahun akan datang. Kalau duit itu tidak sampai, apakah perancangan yang lebih berkesan akan diambil oleh Kerajaan Negeri. Janganlah berkhayal untuk berbelanja dari poket orang lain untuk populariti sendiri. Sekarang ini pun Kerajaan Pusat BN telahpun mempunyai skim latihan yang Kerajaan Negeri baru nak buat ini. Oleh itu, apakah pelan kontingensi Kerajaan Negeri bagi melaksanakan inisiatif ini di peringkat negeri.

Y.B. Tuan Speaker, saya kurang puas hati dengan jawapan-jawapan yang diberikan mengenai cara yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan perpaduan kaum. Jawapan yang seperti tindakan-tindakan rutin semua orang dah buat. Saya puji Y.B. Sungai Acheh yang menyatakan UMNO Nibong Tebal telah pun menubuhkan Biro Perhubungan Kaum, ini adalah satu inisiatif ikhlas dari UMNO dan Barisan Nasional bagi memastikan perpaduan kaum secara maksimum dapat dicapai bukan dengan cara menambahkan kebencian dan memecahbelahkan kaum.

Y.B. Tuan Speaker, masalah rumah-rumah bertingkat, terutamanya mengenai penyelenggaraannya adalah satu masalah yang tidak boleh dipandang ringan. Saya berharap Kerajaan Negeri janganlah bermain tai chi mengenai isu ini. Janganlah juga melepaskan batuk di tangga, jangan ditolakkan segala tanggungjawab kepada COB, MC atau JMB. Peruntukan khas harus disediakan kepada flat-flat yang tiada dana untuk membaik pulih atau membaiki perkara-perkara yang terdesak, bangunan yang harus dicat semula setelah melebihi 10 tahun, jalan dalam kawasan flat yang perlu diturap semula, tangki air yang perlu dicuci dan dibaiki. Semua ini tidak boleh di biar rakyat menderita. Apabila telah mengambil alih satu kerajaan ianya serupa seperti mengambil alih satu syarikat, *stock and barrel, dan liabilities and asset* menjadi hak dan tanggungan pemilik baru. Oleh itu saya mendesak supaya Kerajaan Negeri serius untuk menangani masalah ini. Cukuplah derita rakyat, jangan dipergadaikan lagi.

Y.B. Tuan Speaker, sebenarnya mungkin Y.A.B. Ketua Menteri dan barisan EXCO lain tidak tahu UMNO dan Barisan Nasional melalui Kerajaan BN Persekutuan telah membuat lebih banyak pertolongan dari apa yang diuar-uarkan oleh Kerajaan Negeri sekarang. Sebagai contoh, merencanakan pertumbuhan ekonomi ataupun *pro-growth*. Y.A.B. Ketua Menteri sendiri telah mengaku bahawa MIDA di bawah Kerajaan Persekutuan telah pun meluluskan RM6.1 bilion pelaburan untuk Negeri

Pulau Pinang. Promosi pelaburan dan banyak daya usaha lain dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan saya tidak menyangkal bahawa Kerajaan Negeri juga ada memainkan peranan. Kejayaan pelaburan asing sebanyak RM1 bilion dari Syarikat Japan Ibiden & Co. Ltd dan RM130 juta dari Syarikat Honeywell Aerospace Amerika bukan semata-mata daya usaha Kerajaan Negeri sekarang tetapi juga telah diusahakan oleh kerajaan terdahulu ketika itu yang diketuai oleh Y.A.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dari Parti Gerakan, sebuah parti di bawah komponen Barisan Nasional.

Beberapa langkah yang diuar-uarkan akan diambil bagi mencapai matlamat *pro-growth*. Sebagai contoh, menubuhkan pasukan petugas khas bagi projek bernilai tinggi, juga telah dilakukan oleh Ketua Menteri dahulu. Konsep bina dahulu dan lulus kemudian, persefahaman mengenai perkara ini juga telah dipraktikkan oleh kerajaan Barisan Nasional yang dahulu. Mengujudkan *Investor Advisory Panel*, kaedah yang sama juga telah dilakukan oleh kerajaan terdahulu dan mewujudkan dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelabur pun telah dilakukan oleh kerajaan terdahulu.

Sekarang Kerajaan Negeri patut mempunyai kaedah promosi secara profesional dan nilai tambah seperti syarikat pengiklanan untuk yang mengatakan *the words that sell*, umpamanya, *Penang is your industry heaven*, dan tawaran-tawaran menarik kepada pelabur sebagai contoh. *Free medical incentive* untuk sebilangan CEO-CEO, syarikat-syarikat yang melabur melebihi RM250 juta di Pulau Pinang atau apa-apa lagi insentif yang patut difikirkan yang membolehkan Pulau Pinang benar-benar boleh menjadi sebagai *industry heaven* bagi rantau ini. Lain-lain atas tajuk *pro-growth* ini tidak mahu saya komen disebabkan kesuntukan masa.

Apabila daya usaha untuk *pro-growth* berjaya, maka cadangan *pro-jobs* menjadi seperti aur dengan tebing. Banyak kilang akan wujud, maka banyaklah peluang pekerjaan. Kalau kilang yang ada pun tidak dapat dipertahankan atau tumpuan kerajaan sekarang ke atas suntikan baru kepada industri-industri yang ada di Pulau Pinang tidak berkesan, maka apa nak jadi dengan nasib pekerja-pekerja di Pulau Pinang ini akan datang. Sama-samalah kita renungkan. Apa pun kami wakil-wakil rakyat UMNO dan kerajaan Barisan Nasional Persekutuan akan terus membela nasib rakyat tanpa mengira fahaman agama dan bangsa di negeri ini.

Menyentuh mengenai *pro-poor*, kerajaan Barisan Nasional secara berterusan melalui berbagai-bagai kaedah telahpun membantu bagi mengurangkan masalah kemiskinan. Sekarang ini walaupun Pulau Pinang dikuasai oleh Pakatan Rakyat, bantuan-bantuan telah diberikan dan berjuta-juta ringgit disediakan di bawah program bantuan kebajikan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah pemerintahan Barisan Nasional seperti program Bantuan Bina Baru Rumah dan baik pulih rumah, program pemberian tunai kepada kaum miskin dan program bantuan golongan OKU. Semua itu telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Gendang dipalu kuat bunyinya,
Kaedah EM menjadi ciplak negeri
Jasa dan daya usaha Persekutuan dan Kerajaan
BN banyak ertinya
Semoga rakyat kembali menyokong BN memerintah Negeri.

Oleh kerana kesuntukan masa, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua kakitangan Kerajaan Negeri yang walaupun meneruskan tanggungjawab kepada '*government of the day*', ...(dengan izin), kami wakil-wakil rakyat dari BN dan UMNO tidak pernah diketepikan oleh mereka apabila kami memerlukan. Terima kasih kepada semua kakitangan Kerajaan Persekutuan dan anggota-anggota kerajaan lainnya kerana faham dan mengerti apa itu bersurat dan yang tersirat. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker, Timbalan Speaker, rakan-rakan YB Pakatan Rakyat, petugas-petugas Dewan, wartawan-wartawan dan sudah tentu tidak lupa untuk rakan-rakan seperjuangan saya Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan UMNO. Kami yakin BN akan memerintah kembali dan rakyat Pulau Pinang akan lebih yakin dengan kepimpinan Kerajaan BN setelah kesilapan dan kelemahan yang lalu kami akan benar-benar memperbaikinya. Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin membuat pengumuman. Seperti Yang Berhormat semua tahu jadual kita selepas ini, saya akan memberi ruang kepada hanya seorang lagi pembahas, selepas itu Dewan akan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 8.00 malam. Saya buka untuk seorang lagi. Silakan Y.B. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dan Usul Anggaran Pembangunan 2009. Ucapan Bajet 2009 oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Jumaat lalu telah menyatakan wawasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat iaitu mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa yang menjadi pilihan bukan sahaja pelabur dan pelancong, malah ia menjadi tempat pilihan oleh mereka yang inginkan kehidupan mampan. Kita sememangnya berdepan dengan pelbagai cabaran dalam usaha mentransformasikan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa. Dalam proses ini, pelbagai isu pembangunan sama ada ekonomi, sosial ataupun infrastruktur seperti kesesakan lalu lintas, banjir kilat dan kemiskinan tegar perlu kita tangani dengan efektif.

Y.B. Tuan Speaker, salah satu fenomena yang sering kali dikaitkan dengan sesebuah bandar raya dunia ataupun *global city*, ... (dengan izin), ialah kesesakan lalu lintas. Isu kesesakan lalu lintas ini pasti akan timbul kerana proses urbanisasi dan pemodenan akan menjadi lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial di mana permintaan pengangkutan turut meningkat. Berdasarkan bilangan kenderaan di Pulau Pinang sehingga Mei 2008 yang sebanyak 1,786,131 buah saya menjangka *volume of traffic*, ... (dengan izin), yang masuk ke Pulau Pinang akan meningkat lebih-lebih lagi selepas Projek Pelebaran Jambatan Pulau Pinang siap pada bulan Ogos 2009 dan Projek Jambatan Kedua pulau Pinang pula siap pada tahun 2012.

Pendekatan konvensional dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas ialah membuat jangkaan tentang peningkatan permintaan terhadap pengangkutan dan menyediakan rangkaian pengangkutan berdasarkan jangkaan permintaan tersebut. Saya percaya bahawa sudah tiba masanya untuk kita mengubah pendekatan konvensional tersebut kepada satu pendekatan yang lebih bersepadu dalam usaha menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas ini. Sebagai langkah awal dalam usaha untuk membebaskan Pulau Pinang daripada belunggu kesesakan lalu lintas, ia adalah perlu untuk adanya satu kajian terperinci yang menghasilkan satu Pelan Induk Pengangkutan Bersepadu. Pelan Induk ini dikatakan bersepadu kerana ia perlu berintegrasi dengan beberapa aspek iaitu satu, perlunya ada integrasi antara jenis-jenis pengangkutan yang berlainan, kedua, berintegrasi dengan alam sekitar, ketiga, perlunya berintegrasi dengan rancangan penggunaan tanah dan akhirnya penyelarasan dengan dasar kesihatan, pendidikan dan aktiviti yang menjana ekonomi.

Menurut jawapan kepada soalan bertulis Y.B. Tanjung bunga pada sesi Dewan yang lepas, satu laporan awal kajian bertajuk "*Penang Island Urban Transport Study*" telah disiapkan pada April 2008 oleh Perunding G. Naidu yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU). Akan tetapi, penyediaan Pelan Induk Sistem Pengangkutan bagi Pulau Pinang masih belum dimulakan lagi. Memandangkan saya tidak mempunyai maklumat terperinci laporan awal kajian tersebut, saya tidak pasti sama ada ia adalah satu kajian yang bersepadu yang merangkumi aspek-aspek yang saya nyatakan tadi.

Y.B. Tuan Speaker, bagi menunjukkan satu kajian yang bersepadu yang merangkumi aspek-aspek yang saya nyatakan tadi, saya ingin mengambil kandungan satu dokumen rasmi sebagai contoh iaitu satu *White Paper* yang bertajuk "*A World Class Land Transport System*" yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Pengangkutan Darat (Land Transport Authority) Singapura pada tahun 1996. Dalam *White Paper* tersebut, aspek-aspek yang dibincangkan dalam usaha untuk meningkatkan sistem pengangkutan termasuk, izinkan saya nyatakan tajuk-tajuk kecilnya iaitu

- (i) *integrating land use, town and transport planning,*
- (ii) *developing a comprehensive network,*
- (iii) *harnessing technology to maximize network capacity,*
- (iv) *demand management,*
- (v) *improving public transport,*
- (vi) *supporting measures* dan
- (vii) *road safety and air quality.*

Saya mengambil dokumen ini bukan untuk kita menerima pakai sebulat-bulat segala kandungan dalam dokumen tersebut tetapi sebagai satu rujukan kajian ataupun pelan induk yang bersepadu dan komprehensif yang kita amat perlukan dalam usaha untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Saya percaya tanpa kajian ataupun pelan induk bersepadu dua komprehensif itu, apa-apa projek yang kononnya untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas itu tidak akan tercapai tujuannya.

Y.B. Tuan Speaker, masalah banjir kilat juga merupakan salah satu isu yang penting dan perlu kita tangani dengan efektif dalam usaha untuk mentransformasikan Negeri Pulau Pinang menjadi negeri bertaraf antarabangsa. Banjir kilat sering berlaku di kawasan yang giat membangun kerana pembangunan yang pesat mengurangkan keluasan permukaan tanah yang telap air dan justeru itu, *volume* air larian permukaan (*surface runoff*) semestinya bertambah dan sistem perparitan pula tidak dapat menampung *volume surface runoff* yang tinggi.

Saya percaya Yang Berhormat di sini yang mana kawasannya sering mengalami banjir kilat telah biasa dengan aduan penduduk-penduduk bahawa kawasan mereka dulu tidak banjir, tetapi setelah lot tanah bersebelahan dibangunkan, seperti bina *highway*, bina taman perumahan, kawasan mereka akan banjir setiap kali hujan lebat. Memanglah terdapat banyak rancangan tebatan banjir yang sedang menunggu peruntukan untuk dilaksanakan. Akan tetapi RTB-RTB ini adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah banjir yang telah sekian lama tertunggak dan bukannya untuk mencegah banjir kilat yang mungkin berlaku akibat daripada proses pembangunan yang berterusan. Kita sudah biasa dengan pepatah 'mencegah lebih baik daripada merawat' dan kini sudah tiba masa untuk menyemadikan prinsip ini dalam proses perancangan pembangunan.

Sekiranya kita dapat mengambil kira aspek ini dan mengambil langkah-langkah yang efektif untuk mencegah banjir kilat semasa proses pembangunan dan urbanisasi, ia tentu akan membantu dalam penjimatan perbelanjaan. Saya yakin perbelanjaan dalam melaksanakan RTB-RTB jauh lebih tinggi berbanding dengan kos dalam menghasilkan satu perancangan yang mencegah banjir kilat daripada berlaku. Menurut jawapan bertulis kepada soalan lisan saya, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mula mengambil tindakan dalam menyediakan Pelan Induk Sistem Saliran dan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak terutamanya bagi kawasan-kawasan yang bermasalah. Saya berharap bahawa kedua-dua pelan tersebut bukan sahaja fokus kepada kawasan-kawasan yang kini menghadapi masalah banjir kilat. Ia juga perlu dibuat ke atas keseluruhan Pulau Pinang ini terutama kawasan-kawasan yang kini giat membangun kerana mencegah jauh lebih baik daripada merawat. Saya percaya dari sudut ekonomi, pencegahan banjir kilat melalui perancangan yang baik dan terapi dan pelaksanaannya yang teratur jauh lebih ekonomi dalam jangka masa panjang berbanding dengan perbelanjaan untuk RTB-RTB.

Y.B. Tuan Speaker, sebagai penggulungan perbahasan saya, saya ingin menekankan tentang aspek pelaksanaan semua rancangan dan program Kerajaan Negeri. Sekiranya kita lemah dalam pelaksanaan, segala rancangan akan tetap jadi rancangan atas kertas sahaja kerana kita gagal menterjemahkan rancangan kepada realiti. Kalau kita gagal dalam pelaksanaan, rakyat Pulau Pinang tidak akan memperoleh manfaat. Dengan kata-kata di atas ini saya mohon untuk menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Terima kasih Y.B. Bukit Tengah. Sebelum kita tangguhkan persidangan, saya ingin bertanya, berapakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas untuk malam ini. Kita masih ada 9 ahli yang belum berbahas, enam dari barisan pembangkang dan 3 dari parti kerajaan. Kita cuba malam ini kalau tidak sempat saya akan beri ruang hingga pukul 11.00 pagi esok. Kalau kita aturkan $\frac{1}{2}$ jam seorang kita akan cukup sampai pukul 11.00 pagi esok. Mana yang tidak sempat pada hari ini kita akan beri ruang hingga pagi esok. Sebelum saya tangguhkan saya ingin umumkan bahawa kita ada sediakan minum teh dan *dinner*, makan malam untuk semua. Jadi Dewan ditangguhkan dan akan bersidang pada jam 8.00 malam sehingga pukul 10.00 malam ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.10 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 8.00 malam

Y.B. Tuan Timbalan Speaker :

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Dipersilakan Y.B. dari Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Bismillah hirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam perbahasan ucapan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin memetik dari ucapan Y.A.B. Ketua Menteri bahawa “ Negeri Pulau Pinang kaya dengan sumber manusia, etika kerja yang tinggi, warisan budaya, kemudahan sosial dan pemandangan yang indah. Kejayaan Negeri Pulau Pinang sebagai lembah silikon di Malaysia ini dibina atas asas kemahiran, keupayaan keusahawanan rakyatnya.” Jadi kenyataan ini sendirinya telah memberi pengakuan bahawa Negeri Pulau Pinang telah membangun dan menjadi sebuah negeri yang begitu maju antara yang termaju di Malaysia ini. Asasnya adalah kerana pembangunan yang berterusan lebih daripada 50 tahun yang telah dibawa oleh Kerajaan Nasional sebelum ini dan kita boleh melihat betapa sepanjang 50 tahun ini satu asas yang kukuh yang telah dibina melalui perwujudan kemudahan kawasan industri perdagangan bebas yang bermula dengan Mak Mandin yang pertama di Malaysia dan penyediaan infrastruktur asas yang begitu baik sekali sehinggalah usaha untuk mendapatkan status pengiktirafan dari UNESCO untuk menjadikan George Town sebuah bandar warisan dan juga dibekalkan dengan modal insan yang begitu berkemahiran dan begitu berpengetahuan sehingga Pulau Pinang menjadi tempat tumpuan untuk para pelabur. Jadi seharusnya Kerajaan baru yang telah dapat memperoleh satu, kita kata benda yang berharga ini, negeri yang telah berjaya dibangunkan dengan begitu baik sekali, hanya perlu meneruskan pembangunan yang telah di peroleh yang pada suatu masa dahulu pernah mencatat(dengan izin), *double digit* atau pun pembangunan dua angka. Walau bagaimanapun dengan keadaan senario keadaan ekonomi sekarang kita bimbang, strategi serampang tiga mata yang telah dirangka, ini yang semuanya berasaskan kepada satu anggaran perolehan hasil yang dijangka untuk tahun 2009 ini mungkin tidak dapat mencapai satu sasaran seperti yang dijangkakan kerana kita melihat masalah ekonomi krisis kewangan ekonomi global yang semakin meruncing. Hari ini sahaja kita mendapat laporan bukan sahaja Amerika Syarikat, ekonomi terbesar dunia tetapi ekonomi kedua terbesar dunia iaitu Jepun sedang merangka semula *revision* kepada kadar pertumbuhan daripada 3.7% hingga ke 0.1% untuk tahun 2009. Ini adalah satu kesedaran yang besar yang diperolehi yang telah disedari oleh Kerajaan Negeri. Jepun yang menunjukkan bahawa mereka telah membuat persediaan untuk menghadapi kemelesetan yang begitu besar yang dijangka lebih teruk dalam masa 10 tahun ini. Jadi Pulau Pinang seharusnya juga membuat satu persediaan awal. Kita takut kerana *City Group* misalnya di Amerika Syarikat hari ini mengumumkan akan membuang 53,000 pekerja dan menguncup sebanyak 20%, jadi mahu tidak mahu oleh kerana ekonomi Negeri Pulau Pinang bergantung besar kepada perkhidmatan dan pembuatan maka, krisis ekonomi yang berlaku secara global terutama sekali dua negara ekonomi dunia yang besar akan memberi kesan yang negatif kepada negeri kita. Oleh itu di dalam perancangan sebuah bajet yang kita kata penyayang dan sebagainya ini hendaklah mengambil kira masalah yang dihadapi tahun hadapan dan tahun-tahun selepas itu.

Oleh itu saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa satu daripada kaedah untuk menangani masalah ini iaitu melalui konsep mesra pelabur hendaklah juga menjadi mesra peniaga *business friendly* ...(dengan izin), jadi saya ingin menarik perhatian Dewan kepada apa yang sedang berlaku. Kita bukan sahaja hendak menarik pelaburan atau menggalak perniagaan yang besar-besar, pelabur-pelabur asing atau pelaburan semula syarikat-syarikat multinasional di Pulau Pinang tetapi jua kita hendak menjaga rakyat di bawah yang perlu hidup di mana sikap, dasar dan apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri sejak akhir-akhir ini, sejak memegang pemerintahan telah membuat satu penindasan kepada peniaga-peniaga kecil. Saya ingin memaklumkan apa yang berlaku di kawasan saya. Di pasar malam sahaja, walaupun ramai telah bercakap tentang isu pasar malam tetapi oleh kerana kawasan saya yang terlibat saya kena bercakap. Jadi isu pasar malam ini yang mana telah mengambil berpuluh-puluh tahun untuk bertapak dan menjadi maju, seharusnya tidak menjadi rebutan oleh JKKK yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri, kerana apa? kerana dunia ini luas, negeri ini pun banyak peluang, ada 7 hari dalam seminggu. Kalau hari Jumaat pasar malam itu beroperasi ada lagi 6 hari atau pun 6 malam JKKK buat pasar malam yang baru, atau pun kalau teringin sangatlah pasar malam yang telah maju ini, jangan rampas seperti apa yang berlaku sekarang kerana ia telah meniadakan usaha yang telah dijalankan oleh penduduk di situ sekian lama, 35 tahun di Jalan Tunku Putra, 15 tahun di Taman Tun Dr. Awang. Jadi ini telah membuat penduduk begitu sedih sekali kerana mereka..(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong bagi laluan, saya hendak buat penjelasan. Tuan Speaker saya berasa tidak puas hati dengan penggunaan perkataan rampas yang telah digunakan oleh Y.B. Telok Ayer Tawar kita. Sebenarnya Kerajaan baru bukanlah merampas, sebenarnya Kerajaan baru cuma mengambil alih. Kalau kita hendak gunakan perkataan, saya mencadangkan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar menggunakan perkataan yang baik bukan pakai perkataan yang tidak tepat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Okey terima kasih. Saya ingin perelaskan kenapa saya guna istilah rampas. Kita rampas kalau benda itu bukan kita punya dan saya kata rampas kerana tidak ada prosedur yang sempurna yang dijalankan kerana dalam kes pasar malam Telok Ayer Tawar, diberi notis pada 20 Oktober 19 hari bulan tetapi sebelum itu malam sebelum itu telah pun diambil alih. Jadi Y.B. Tuan Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Minta penjelasan, tadi ada Y.B. Telok Ayer Tawar mengatakan bahawa cara cari rezeki itu pasar malam itu sudah dilakukan oleh orang lama dan dijalankan pada sekian-sekian hari kemudian dirampas minta diubah pasarnya dan sebagainya, adakah Y.B. bercadang untuk meminta sokongan daripada Y.B. Batu Maung supaya pasar malam- pasar malam yang dirampas atau pun yang diambil balik itu beri peluang juga kepada operator lama untuk *operate* tetapi pada hari yang berlainan supaya berlaku keadilan dan pembelaan terhadap rakyat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Ya, bukan sahaja pasar malam, beri saya habis dahulu, yang terlibat misalnya Pasar Ramadan Jalan Tuna begitu juga, inisiatif yang telah dibuat oleh operator asal telah ditidakkan dan usaha mereka telah dirampas apa salahnya kalau JKKK baru hendakkan hasil, yang sebenarnya bukan hendak pergi buat kerja untuk jaga pasar malam itu sebenarnya yang hendak itu hasil daripada pasar malam, mereka tidak mahu buat baru sebab dia tahu bukan mudah hendak bertapak hendak dapat peniaga datang hendak ada sambutan orang ramai mengambil masa dan ada pasar malam yang gagal.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sikit lagi, pasal disebut tadi berkenaan Pasar Malam Tuna, di kawasan Seberang Jaya di kawasan di mana Pasar Tuna yang ada itu dia tidak JKKK pun, tetapi diberikan JKKK Taman Baru yang sebelah sana itu dekat hospital apa untuk mengambil alih, yang kedua apa nama ini yang diusahakan itu bukanlah ahli badan politik dia adalah Pakatan Wanita Tuna iaitu masyarakat jadi harap-harap Ahli Kawasan Batu Maung dapat pertimbangankah bagi balikkan, hari yang lain.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta penjelasan, terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya tertarik kepada Y.B. Telok Ayer Tawar sebagai JKKK yang baru kalau boleh, sebenarnya saya hendak beri satu pandangan tadi mengatakan JKKK terima surat yang operator yang awal asalnya terima surat 20 hari bulan tetapi jangan lupa kalau tidak silap Y.B. daripada Batu Maung pernah umum dalam surat khabar JKKK yang sedia ada dan yang baru dilantik itu akan beroperasi pada 1 Oktober saya rasa kita semua bukan buta huruf,

kita akan baca lepas itu, itu surat cuma satu *identified* ...(dengan izin) jadi kalau kata dengan seperti rampas saya tidak setuju sebenarnya kalau mengikut undang-undang memang pasar malam ditimbang oleh keutamaan kepada JKKK, jadi saya ingat Y.B. Telok Ayer Tawar kena ambil tahulah, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Timun di tangan, pisau di tangan Kerajaan Negeri sekarang boleh mengukir mana yang mahu tetapi kita kena ingat kerajaan ini kalau penyayang *business friendly* ...(dengan izin) tidak akan membuat apa yang telah berlaku, kerana kalau kita hendak galakkan supaya banyak orang supaya berniaga, menambah pendapatan kita perlu wujud lebih banyak pasar malam kita perlu galakkan banyak pasar malam, mengapa kita hendak hadkan kepada JKKK sahaja yang boleh mengendalikan pasar malam jadi sepatutnya kita membuka luas peluang bukan semua pihak yang berupaya untuk mewujudkan dan mengendalikan dan menjayakan pasar malam sebab saya sudah menjadi wakil rakyat selama sebelas tahun banyak usaha kita buat bukan semuanya berjaya, pasar malam, pasar tani pasar macam-macam kita buat hanya satu, dua sahaja yang berjaya, pasar siang, itu pasar tani, pasar rabu, pekan ahad macam-macam, jadi yang maju itu yang jadi terikkan dan rebutan. Mengapa kita hendak mengurangkan pasar malam ini, kerana sepatutnya pasar malam yang berjaya boleh menjadi contoh kepada pasar lain dan kita tingkatkan dan ini boleh dilakukan bersama kerana operator lama itu sudah pandai buat pasar malam. Jadi saya haraplah Kerajaan PKR yang kononnya penyayang ini dan *business friendly* ini tidak mengambil sikap untuk menutup peluang kepada badan-badan lain seperti yang kita kata tadi wanita yang hendak buat, persatuan, persatuan penduduk dan sebagainya yang ingin mengendalikan pasar malam.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Penjelasan, Y.B. Tuan Speaker, boleh beri saya untuk buat penjelasan, terima kasih, Y.B. Tuan Speaker, sebenarnya kita memang menggalakkan orang membuat *business* kita memang *friendly* tetapi kita bukan sepertimana yang dituduh oleh Y.B. Telok Ayer Tawar. Saya berasa, saya dengar pun sakit telinga pasal dia tidak fikir ini pasar malam sebenarnya adalah tajaan daripada kerajaan lama segala-gala hak milik yang ada di kerajaan lama sebenarnya akan diambil alih oleh kerajaan baru, kita tidak boleh sakit hati ini orang rampaslah, orang apa bukan apa, bukan jenis penyayang apa yang dimaksudkan ini semua omong kosong kalau boleh kita gunakan perkataan yang tepat, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Ya, Y.B. Jawi memanglah JKKK baru, kerajaan baru memang tidak boleh tengok apa yang berjaya ini hendak dihapuskan kerana menuduh bahawa ini semua adalah politik atau pun dijalankan oleh orang politik sebenarnya bukan semua pasar malam ini dijalankan oleh UMNO atau pun badan-badan politik, ada pasar malam yang dibuatkan oleh persatuan penduduk oleh Rukun Tetangga, oleh NGO dan sebagainya jadi kita tidak seharusnya mempunyai sikap yang tertutup, mempunyai dasar yang tertutup kita kena ingat tahun hadapan dan mungkin setahun dua lagi beribu-ribu orang akan kehilangan kerja kita sudah ada pengalaman yang berlaku pada tahun 80-an, 90-an dahulu bila ada krisis kewangan jadi sampai 13 ribu orang tidak ada kerja. Mereka ini boleh belajar berniaga bertapak di pasar malam dengan mudah, jadi kita seharusnya membuka peluang ini jangan kita menutup peluang-peluang untuk mengendalikan pasar malam dan saya harap boleh dirunding bersama dengan operator lama dengan JKKK baru sama-sama mengendalikan, katalah dua minggu JKKK ambil, 2 minggu operator lama ambil tidaklah mereka terus kerugian.

Ini adalah kerana hasil perolehan daripada pasar-pasar malam ini bukan masuk dalam poket individu, hasil pendapatan dari pasar malam ini ianya digunakan untuk masyarakat itu juga, misalannya di Taman Tun Dr Awang, kawasan saya kutipan itu digunakan untuk membantu surau, untuk bantu bengkel kemahiran wanita yang sedang berjalan disitu untuk buat kelas, tuisyen dan membantu bila berlaku sakit, ada orang mati mereka memberi sumbangan, bermakna ini adalah satu aktiviti kemasyarakatan yang berfaedah yang harus digalakkan. Selain daripada itu juga saya ingin membawa perhatian Dewan kepada isu pengambilan dewan-dewan yang mana ini juga membawa satu kegusaranlah yang amat dirasai oleh penduduk di kawasan saya. Kita telah pun dalam KADUN Telok Ayer Tawar menyerahkan tiga dewan JKKK kerana kita ada tiga JKKK. Semua dewan JKKK kita sudah serah, ambillah sebab sudah ada JKKK baru tetapi dewan-dewan orang ramai yang telah lama wujud dan telah lama kita uruskan, kita baiki dan kita manfaatkan sebaik mungkin. Dewan-dewan orang ramai ini bukan dewan JKKK dan tidak ada sebab mengapa kita hendak serah kepada JKKK kerana kebanyakan dewan-dewan ini walaupun terletak di atas tanah milik Kerajaan Negeri peruntukannya datang daripada peruntukkan Parlimen atau pun peruntukkan *federal* daripada peruntukkan duit *pre emptive* dulu dan berbagai peruntukkan yang diperolehi bukan sahaja daripada Kerajaan Negeri dan ianya digunakan untuk masyarakat setempat, diadakan kenduri kendara, diadakan kelas bimbingan, tuisyen, fardu ain, kelas masak, bengkel kuih muih dan sebagainya. Jadi adalah tidak wajar

kepada Kerajaan Negeri untuk memaksa penduduk menyerahkan dewan ini. Apa yang berlaku dewan ini JKKK baru pergi *seal* gertak dan ugut, orang kampung yang menjaga dewan itu supaya serah dan bila orang kampung tidak mahu serah, tengah malam pergi kopek kunci dan *seal* kebetulan malam itu Ketua Kampung itu sudah pergi buat laporan polis, saya ada laporan polis itu di sini dan dia bawa OCS bersama dia malam itu sampai ke dewan itu terserempak dengan Pengerusi JKKK baru ini yang tengah kopek pintu, sepatutnya ditangkap, jadi inilah yang berlaku sekarang.

Dewan ini di atas tanah persendirian bukan tanah Kerajaan Negeri pun dan Pengerusi JKKK itu boleh menggertak, mengherdik orang tua ini kenapa tidak mahu serah jahat dan sebagainya dan ini bukanlah sikap yang seharusnya berlaku yang menyebabkan kacau bilau di dalam kampung. Oleh kerana isu dewan yang amat merugikan dewan ini ada kes juga yang di *seal* kan oleh JKKK baru dan dibiarkan begitu sahaja. Aktiviti yang dijalankan tidak boleh dibuat dan saya ada menanya soalan dewan di sini adakah peruntukkan Kerajaan Negeri untuk menyelenggarakan dewan-dewan ini jawapannya di kawasan Seberang Perai hanya MPSP sahaja yang menyelenggarakan dewan iaitu Dewan Millennium, dewan-dewan lain yang besar-besar, dewan kecil-kecil ini MPSP pun tidak kisah hendak pergi selenggara jadi pemimpin-pemimpin tempatan telah mengambil inisiatif untuk mencari sumber-sumber, sumber pendapatan, sumber kewangan untuk mengendalikan dewan ini, untuk memberikan manfaat kepada orang ramai di kawasan itu. Jadi saya ingin menyuarakan di sini harapan semoga Kerajaan Negeri yang prihatin, yang dikatakan penyayang itu mempraktikkan prinsip ini yang hendakkan supaya pembangunan masyarakat ini tidak terjejas supaya mereka mungkin hendakkan akan terus mendapat sokong rakyat kalau macam ini, pusingan ini bukan pusingan ekonomi sahaja yang ada *trade cycle* ...(dengan izin) politik pun ada *cycle* dia juga apa yang dikatakan *Pendulum* ini jadi janganlah kita terlampau mendabik dada menjadi diktator atau pun kuku besi kita kena mengambil kira kesejahteraan dan keperluan rakyat.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin beralih kepada pembangunan wanita belum ada lagi yang sentuh tentang perkara ini, saya menyambut baik peruntukkan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Pembangunan Wanita sebanyak RM800,000 yang mana sebahagian besarnya akan digunakan dan disalurkan kepada tiga NGO iaitu sebanyak RM150,000 akan disalurkan kepada (WCC) Women Centre For Change untuk mengendalikan khidmat pusat wanita di Seberang Perai dan RM160,000 akan disalurkan kepada Jemaah Islah Pulau Pinang untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak Bayan Baru dan bakinya untuk

mengendalikan pusat jagaan kanak-kanak yang telah wujud dan untuk aktiviti-aktiviti. Jadi di sini saya ingin bertanyalah walaupun peruntukan ini dah lebih daripada yang diberi sebelum ini tetapi kenapa dua NGO yang ini saja yang akan mendapat faedah WCC dan Jemaah GIM. Saya akui WCC, GIM ini memang NGO yang banyak berjasa dan telah banyak menjalankan aktiviti dan tetapi mereka juga mendapat peruntukan daripada kerajaan pusat dan kenapa NGO-NGO lain yang banyak di negeri Pulau Pinang ini tidak mendapat bantuan walhal sepatutnya sebagai Kerajaan Negeri mestilah memberi perhatian kepada semua lapisan kepada semua NGO yang beroperasi untuk membangunkan wanita dan keluarga terutama sekali bagi mereka yang kurang mendapat perhatian di kawasan-kawasan luar bandar dan sebagainya .

Oleh itu janganlah menumpukan kepada satu dua saja NGO walhal banyak lagi yang perlu dilaksanakan. Begitu juga dengan program-program yang mana harus diberi perhatian bukan saja nak tubuh satu pusat jagaan kanak-kanak kerana memang dah jadi dasar kerajaan pusat untuk menggalakkan majikan-majikan untuk menubuhkan CRECHE atau pun pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja bahkan melalui bajet Kementerian Kewangan memberi kepada majikan-majikan untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak bagi ibu yang bekerja rasa selesa senang bila boleh menghantar anak-anak dekat dengan tempat kerja.

Oleh itu saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri sendiri menubuhkan satu pusat jagaan kanak-kanak di KOMTAR misalnya di mana ramai kakitangan awam yang mempunyai anak-anak boleh hantar dan juga selain daripada itu memberi tumpuan kepada beberapa isu-isu yang melibatkan wanita dan keluarga yang di mana perlu menjalankan aktiviti untuk memberi penerangan, maklumat dan galakan seperti aktiviti untuk memperkasakan wanita dari aspek ekonomi dan kekeluargaan. Program-program untuk membanteras keganasan rumah tangga dan keganasan di tempat awam yang mana menjadi isu besar sekarang. Program-program untuk membantu mangsa-mangsa AIDS anak yang menghidap AIDS yang di sebab ibu bapa mereka dan juga untuk menangani masalah keluarga yang terlibat dengan ahli keluarga yang terjejas dengan najis dadah dan juga masalah gangguan seksual, eksploitasi wanita sebagai simbol seks dalam iklan-iklan dan isu kesaksamaan gender iaitu penglibatan wanita sasaran 30 peratus ini juga harus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri di mana perlulah diambil langkah-langkah yang positif di mana yang boleh memberi kesan kepada sasaran yang mana telah dipersetujui oleh kerajaan supaya penglibatan wanita dapat dilihat dengan lebih jelas. Saya ingin menyarankan supaya JKKK, Ahli Majlis Perbandaran dan sebagainya dapat menepati sasaran 30 peratus ini dan sebagai sebuah kerajaan yang dikatakan ingin maju dan

mendahului Penang FIRST dan mencapai *record first* terdahulu dalam pelbagai perkara biarlah kita melihat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mendahului di dalam mencapai sasaran 30 peratus wanita di dalam proses membuat keputusan dan perjawatan dan sebagainya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, saya tengok Ahli Kawasan Perai duk jegil kat saya, saya teringat di kawasan saya wanita-wanita India memohon supaya diberikan peruntukan macam Amanah Ikhtiar bagi tu supaya mereka boleh buat masalah untuk dia orang buat perniagaan *one off*, jadi ini juga boleh tolong wanita-wanita India dan sebagainya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt Hamid)

Saya menyokong pandangan Y.B Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)

Y.B tolong mintak laluan sedikit. Terima kasih Y.B Telok Ayer Tawar. Saya tertarik kepada perkataan pusat penjagaan kanak-kanak, memang saya mendapat banyak *complaint* sebab keliru juga pusat penjagaan sebab saya ingin nak tau juga selama begitu 50 tahun Negeri Pulau Pinang berapakah pusat jagaan kanak-kanak dan wanita ini sudah terdiri sudah ada dan juga sebenarnya ada juga yang sedikit keliru sebab saya terima banyak kes lepa kata MPSP ada sedikit kesusahan kepada mereka menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak ini dengan mereka punya rumah kedai tak boleh buat, dan dengan rumah kediaman ada masalah dengan kanak-kanak sebab rumah kediaman tidak boleh mengadakan pusat penjagaan kanak-kanak dan juga taska dan saya rasa ini mungkin ada kesusahan dan mereka ada sampai empat lima tahun ada kes...(dengan izin), mulai 2004 mintak permit mintak lesen daripada MPSP dan sampai akhirnya empat tahun lebih punya urusan dan akhirnya MPSP jawab tidak boleh permohonan ditolak dan dalam proses...(dengan izin), denda, pelan semuanya masuk akhirnya kosong saya harap MPSP atau MPPP boleh ambil perhatian ini dengan kes ini permohonan pusat penjagaan kanak-kanak ataupun taska ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt Hamid):

Y.B Padang Lalang untuk menjawab sebenarnya Exco boleh jawab tapi saya nak beri maklumat penjelasan disini bahawa setakat ini belum ini lah Kerajaan Negeri sebelum ini tidak pernah terlibat dengan penjagaan kanak-kanak tapi pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri boleh sebagai

majikan mempunyai kakitangan menubuhkan pusat jagaan kerana ini telah pun digalakkan oleh kerajaan pusat dan insentif juga diberi. Walau macam mana pun kita kena bezakan pusat jagaan kanak-kanak dengan tadika. Tadika ini untuk enam tahun ke atas dan pusat jagaan kanak-kanak ini untuk kanak-kanak di bawah enam tahun dan di sini memberi *respond* kepada Y.B Seberang Jaya.

Memang saya harap Kerajaan Negeri dapat membantu NGO-NGO yang terlibat dengan pembangunan wanita bukan saja wanita India tetapi kumpulan-kumpulan sasar tertentu seperti wanita ladang yang terpinggir yang duduk jauh dan sebagainya. Kumpulan-kumpulan seperti ibu tunggal dan juga kumpulan-kumpulan di bawah bimbingan NGO seperti Pemadam dan Pengasih. Mereka yang ahli keluarga yang terlibat dengan mereka yang ditahan oleh kerana dadah. Jadi ini seharusnya juga jadi satu perhatian oleh Kerajaan Negeri dan juga saya ingin bercakap tentang masalah gejala sosial Negeri Pulau Pinang dan saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak polis yang baru-baru ini pada 15 hari bulan sebelas membuat serbuan ke sebuah premis kompleks membeli belah di Bukit Mertajam dan dapat menahan 106 pengunjung yang mana semuanya bawah umur dan 90% daripada 106 ini yang bawah umur ini adalah pelajar dan musim cuti sekolah ni kita bimbang anak-anak kita. Kita dapati dalam serbuan itu yang ditahan 106 pengunjung lelaki berumur antara 11 hingga 20 tahun yang perempuan 13 hingga 15 tahun kebanyakan termasuk perempuan minum bir dan terdapat pula parang, *baton*, pil *ectasy* di premis tersebut jadi ini adalah berdasarkan kepada maklumat oleh orang ramai jadi ini adalah satu contoh yang mana orang ramai boleh memberi kerjasama kepada pihak polis untuk mengesan pusat-pusat yang telah disalah guna yang mana telah menarik anak-anak kita di bawah umur untuk pergi bukan sahaja berhibur seronok tetapi juga terlibat dengan pelbagai gejala, maksiat yang negatif dan sebagainya. Saya ingin menyerulah supaya orang ramai dapat tampil ke hadapan untuk beri maklumat-maklumat seperti yang telah kita lihat tadi dan juga pihak polis perlulah mengawasi dengan lebih rapi.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Anak-anak Yang Berhormat telah katakan tadi dari keturunan mana bangsa, orang Malaysia ka?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt Hamid):

Ini di kawasan kita di Bukit Mertajam kompleks membeli-belah tentunya anak-anak kita, campur. Musim cuti sekolah budak-budak semua suka melepak di kompleks-kompleks membeli-belah dan diwujudkan pusat hiburan itu di tingkat atas dan memberi tarikan kepada anak-anak muda ini pergi ke situ kerana ada macam-macam. Di sini dan kita dapati premis-premis ini yang banyak telah disalah guna yang banyak kita dapati pusat *snooker*, *cybercafé*, *fitness centre* yang menjadi topeng bukan saja rumahurut, rumahurut biasa la tetapi pusat *snooker*, *cybercafe*, *fitness centre* ini semua di depan saja *Cybercafe* di belakang aktiviti lain dan ini semua telah membuka ruang kepada anak-anak muda untuk terjebak di dalam pelbagai aktiviti gejala sosial.

Oleh itu saya juga memohon supaya pihak kerajaan tempatan, MPPP, MPSP bukan sahaja mengawasi perlesenan tempat-tempat ini tetapi juga untuk memasang lampu-lampu di tempat beriadah yang popular supaya ia tidak bahaya dan tidak menjadi sarang maksiat. Seterusnya saya ingin beralih kepada isu perumahan. Dalam jawapan kepada soalan saya Kerajaan Negeri telah memaklumkan hasrat untuk menetapkan sasaran setiap keluarga sebuah rumah. Memang inilah satu sasaran yang cukup baik saya sokong dan mengalu-alukan tetapi di dalam usaha itu kita dapati beberapa dasar baru yang akan diperkenalkan iaitu antaranya pemaju diberi pilihan untuk membina 40 hingga 60% rumah kos sederhana rendah menggantikan 30% rumah kos rendah di Daerah Timur Laut. Ini jawapan pada soalan Dewan, harga yang ditetapkan adalah antara RM58,500.00 hingga RM75,000.00. Ini satu dasar baru yang saya rasa akan membebaskan rakyat yang berpendapatan rendah.

Jika ini yang disasarkan pemaju tentunya hendak membuat untung lebih, jadi sekiranya dikatakan RM58,500.00 hingga RM75,000.00 sudah tentu disasarkan RM75,000.00 dan kita tahu, wakil-wakil rakyat yang ada di dalam Dewan ini, bertapanya dalam kuota 30% itu pun terutama sekali orang Melayu, sukar untuk beli, hendak membayar deposit katakan RM35,000.00, hendak membayar deposit RM3,500.00 sukar. Jadi saya harap dasar ini dapat diteliti dan dikaji untuk memastikan bahawa, kerajaan dapat mewujudkan satu keadaan di mana penawaran itu menepati dan sesuai dengan kemampuan rakyat. Begitu juga dengan *supply* ...(dengan izin), penawaran perumahan ini kos rendah yang dibina bertingkat ini di kawasan-kawasan Balik Pulau, di Seberang Perai Selatan payah untuk dijual dan akhirnya rumah-rumah ini tidak laku, walaupun nama diberi oleh Kerajaan Negeri, kepada pemaju akhirnya pembeli-pembeli tidak mengambil rumah itu kerana tempat itu tidak sesuai dan rumah itu rumah jenis bertingkat di mana tidak popular di kalangan rakyat terutama di kawasan luar Bandar.

Satu daripada dasar yang telah disediakan juga ialah penyediaan rumah bercampur 20%, 20% di daerah lain daripada Daerah Timur Laut, maknanya di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan, 20, 20, maknanya 20% kos rendah, 20% kos sederhana. Jadi saya ingin merayu kepada Kerajaan Negeri, jangan mengambil kuota 30% itu, kuota 30% rumah kos rendah ini. Kalau hendak di tambah, tambah 20% atas 30%, iaitu 30 peratus kos sederhana, 20 peratus kos sederhana supaya sekurang-kurangnya yang berpendapatan rendah dapat memperoleh rumah kalau kita hendak menyasarkan satu keluarga satu rumah, ianya tidak mencapai realiti sekiranya dasar-dasar ini akan diteruskan dan juga cadangan projek PPR, Projek Perumahan Rakyat yang telah dirancang sebelum ini di Ladang Kaledonia masih belum dapat dilaksanakan di mana telah lulus di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan. Satu lagi projek di Telok Kumbar, masih di peringkat perbincangan. Peruntukkan tidak tentu hala lagi nampak gaya.

Saya tidak tahulah boleh dilaksanakan dalam masa dua, tiga tahun ini. Jadi saya berharap kerajaan baru ini dapat mengambil daya usaha yang lebih untuk berbincang dengan Kerajaan Pusat untuk mendapat lebih banyak projek-projek PPR kerana projek-projek PPR ini menepati keperluan termiskin, rakyat orang susah kerana mereka boleh duduk dengan bayaran RM124.00 dalam kemampuan mereka. Sesetengah itu perlu rumah tetapi tidak mampu hendak membeli, tidak boleh dapat kelulusan pinjaman, tidak cukup pendapatan dan sebagainya.

Jadi seharusnya lebih banyak rumah PPR dan saya tidak tahu bagaimana sasaran satu rumah, satu keluarga ini akan dipenuhi ataupun dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kerana dalam bajet ini tidak ada satu sen pun untuk perumahan. Jadi bermakna, cakap sahaja ini, payah hendak dibuat, kerana tidak langsung peruntukan. Jadi harap cakap sama dengan bikinlah nanti ya.

Jadi Y.B. Tuan Speaker, saya hendak mengambil perhatian Dewan kepada laporan Ketua Audit tentang beberapa jabatan di dalam Negeri Pulau Pinang sesuai dengan prinsip CAT ini. Hendak diberikan perhatian kepada laporan ini supaya dapat diperoleh tahap satu tahap urus tadbir yang baik. Laporan Ketua Audit Negara kajian khas agensi kerajaan mendapati di MPPP, pengurusan pelesenan di Jabatan Pelesenan, walaupun ada secara keseluruhan mempunyai perancangan pengurusan pelesenan yang baik ada banyak perkara yang perlu diperbaiki bagi meningkatkan prestasi, kerana proses kerja yang panjang, kerenah birokrasi, kekurangan pegawai menyebabkan berlakunya kelewatan

memproses 204 lesen lebih dari 3 bulan. Sejumlah 2,253 premis menjalankan perniagaan tanpa lesen. Jadi kita dok gaduh kerajaan tidak ada duit, tidak cukup kewangan, pada hal premis-premis perniagaan ini beroperasi tanpa lesen, bermakna ini tidak membawakan hasil kepada MPPP. Selain daripada itu aduan awam, lewat diselesaikan di antara satu hingga 30 bulan lebih daripada dua tahun, bayangkan ya, 30 bulan tidak mendapat tindak balas. Kelemahan penguatkuasaan menyebabkan terdapat tunggakan sewa RM806,490.00 daripada peniaga pasar dan penjaja. Ini juga telah menyebabkan kekurangan sumber kewangan daripada agensi kita. Di Pejabat Tanah dan Galian pula, sistem pendaftaran tanah berkomputer ataupun SPTB yang bertujuan untuk memodenkan kaedah pendaftaran hak milik dan urus niaga tanah supaya lebih kos efektif dan tidak mengabaikan keselamatan dan kemudahan dan memudahkan pengesahan maklumat tanah di dapati pengurusan masih tidak memuaskan kerana kelemahan dari segi integriti data.

Kawalan keselamatan SPTB tadi, latihan yang kurang diberikan dan rekod-rekod yang tidak disenggarakan di bilik *sewer*, bilik kebal, kertas bertaburan, keselamatan didapati ruang simpanan dokumen tidak mencukupi, tempat menyimpan dokumen itu, di letak di atas lantai di susun di tepi dinding dan di dapati ada gambar di dalam buku audit itu. Satu *astray*, tempat itu ditulis di larang merokok sebab tempat itu disimpan dokumen, geran-geran tanah, tetapi di dalam itu ada tempat abu rokok yang penuh dengan puting rokok. Ini menunjukkan tahap keselamatan, dokumen-dokumen ini membolehkan penipuan berlaku, kehilangan berlaku, dan beberapa pemalsuan dokumen boleh berlaku, macam-macam boleh berlaku bila tidak ada keselamatan.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih, adakah Yang Berhormat sedar bahawa laporan tahun ini adalah 2007 di mana kerajaan Barisan Nasional menjadi kerajaan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Janganlah terikat sangat dengan sindrom kerajaan dahulu, ya lah ini sindrom kerajaan dahulu, apa semua kerajaan dahulu, sebab ini baru dibentangkan pada hari ini dan kalau ada CAT ini tadi, baiklah yang tujuan kita bangkitkan isu-isu ini supaya kerajaan baru, kata orang *new brooms*, penyapu baru, *sweep clean*. Jadi inilah yang harus dijalankan dan dilaksanakan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada supaya yang dilaung-laungkan masalah di pejabat tanah ini dapat di atasi penipuan, pemalsuan dan sebagainya.

Y.B. Tuan Speaker, banyaklah yang saya hendak cakap, tetapi saya terpaksa bagi peluang yang lain kerana masa dah suntuk. Jadi.....(gangguan).

Y.B. Timbalan Tuan Speaker:

Hampir satu jam dah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Jadi akhir kata, biarlah kita sebagai Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, semua Ahli Yang Berhormat yang dihormati, kita menampilkan diri sebagai orang yang dihormati terutamanya sekali di dalam Dewan yang mulia ini, dan kita elakkan menggunakan kata-kata kesat, tuduhan yang liar, sindrom kerajaan yang lama, kerajaan dahulu tidak habis-habis timbul, ya, sikap angkuh dan megah diri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Saya hendak tutup dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Penjelasan, terima kasih sedikit sahaja, saya begitu tertarik dengan nasihat dan saranan yang diberi oleh Y.B. Telok Ayer Tawar, memang saya akur kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi harus dinyatakan tadi semasa berbahas, Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar telah mengatakan pemerintahan Kerajaan Pulau Pinang adalah kuku besi. Itu adalah satu tohmahan dan abdikasi yang begitu dahsyat kalau kita merenung memperbandingkan siapakah yang memerintah dengan kuku besi, Barisan Nasional, ataupun Pakatan Rakyat, memang Barisan Nasional. Operasi lalang memang di bawah Barisan Nasional tangkap orang masuk dalam Kemunting Barisan Nasional. Jadi kita renung diri sendiri dahulu sebelum membuat tohmahan-tohmahan, jangan menggunakan perkataan-perkataan yang boleh menyakitkan hati. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Hendak gunakan peraturan Dewan lagi ke? Ya lah kuku besi ke itu kita gunakan istilah yang sesuai ya, jadi saya berharap tindakan kita itu janganlah kaunter produktif dan tidak memaparkan semangat ataupun budaya kepimpinan yang unggul dan keterampilan sebagai sebuah anggota Dewan yang mulia ini. Jadi dengan itu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak dan saya mohon menyokong.

Y.B. Timbalan Speaker:

Terima kasih, dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Y.B. Tuan Speaker, salam sejahtera dan ribuan terima kasih diucapkan atas peluang yang diberikan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada malam yang mulia ini.

Memandangkan masa telah suntuk saya terpaksa meringkaskan ucapan saya dan dalam ucapan saya tiada sindiran, tiada kutukan dan juga tiada kritikan kepada mana-mana pihak. Saya merumuskan ucapan saya kepada empat topik sahaja iaitu topik pertama Sektor Awam, ke dua Pendidikan, ke tiga Pelancongan dan terakhir Kerajaan Tempatan.

Y.B. Tuan Speaker, mengenai isu yang pertama iaitu Sektor Awam. Saya mencadangkan bahawa program-program latihan untuk memahami prinsip CAT, untuk sektor yang menjadi tunjang atau tulang belakang utama atau penggerak dasar-dasar kerajaan mesti sentiasa diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah mustahak untuk mempertingkatkan kemahiran, kebolehan dan daya kepimpinan yang tinggi di sektor pentadbiran awam. Saya yakin para penggerak sektor awam ini mempunyai keupayaan dan kewibawaan dalam menjalankan dan menyempurnakan sistem penyampaian.

Pendekatan ini bukan sahaja dapat memberi kesan ke atas produktiviti, penjawat awam tetapi juga dapat membuktikan, mengumumkan penggunaan sumber melalui rasional resesi yang efektif dan penyelarasan yang baik. Y.B. Tuan Speaker, saya mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri selalu menjalankan penyemakan semula dari masa ke semasa ke atas gaji pegawai dan anggota perkhidmatan awam.

Saya yakin kenaikan kadar gaji ini merupakan satu faktor pendorong bukan sahaja untuk swasta tetapi juga untuk sektor awam untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat jelata dan selanjutnya dapat memberi fokus yang bermakna. Di samping itu Kerajaan Negeri juga boleh membuka lebih peluang pinjaman perumahan dengan kadar bunga yang rendah kepada anggota awam negeri. Saya difahamkan bahawa terdapat di kalangan kakitangan awam banyakkah yang bekerja di bahagian pulau tetapi banyak yang rumah kediaman mereka adalah di Seberang Perai. Ada juga di Negeri Kedah dan juga di Negeri Perak. Saya percaya bahawa pinjaman perumahan dengan kadar yang rendah kepada kakitangan awam untuk menggalakkan mereka membeli rumah dan menduduki di bahagian Pulau Pinang. Begitu juga dengan kenaikan kadar elaun anggota pentadbiran luar bandar di kalangan akar umbi seperti Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK sesuai dengan peranan mereka sebagai jambatan antara Kerajaan Negeri dengan rakyat dalam usaha penyampaian maklumat tentang dasar-dasar kerajaan yang relevan untuk menjana program modal insan di kalangan penduduk luar bandar.

Topik yang kedua, Y.B. Timbalan Tuan Speaker, kejayaan yang dialami oleh negara-negara maju seperti Amerika, Germany, Jepun adalah ditentukan oleh tahap penguasaan ilmu, kemahiran, inovasi dan usaha gigih rakyat termasuklah insan yang berintegriti serta beretika mulia. Dalam usaha menyediakan prasarana ke arah ini, saya mencadangkan Kerajaan Negeri menyediakan satu kawasan tapak yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam yang boleh digelar sebagai *Penang International Education Hub* ...(dengan izin), yang meliputi kawasan mungkin seluas beratus atau beribu ekar untuk institusi-institusi pengajian tinggi, pusat-pusat penyelidikan dan kolej swasta.

Walaupun Negeri Pulau Pinang kami sudah ada Universiti Sains Malaysia (USM) tetapi untuk tujuan mencapai *Penang International Education Hub* ...(dengan izin), saya bercadang patut mempelbagaikan pembangunan pendidikan. Saya cadangkan struktur organisasi di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) iaitu *Penang Skill Development Centre* boleh dikaji semula dengan tujuan untuk dinaiktarafkan ke tahap yang lebih tinggi. Mungkin boleh dicadangkan dinaiktarafkan sebagai sebuah universiti atau sebuah universiti kolej yang mungkin boleh digelar sebagai Universiti Pembangunan Pulau Pinang (UPPP) atau dalam Bahasa Inggeris ...(dengan izin), *Development University of Pulau Pinang* seperti contohnya di Negeri Selangor wujudnya satu Universiti Selangor yang merupakan sebuah universiti yang ditubuhkan dan ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Cadangan saya ini berpendapat bahawa penubuhan sebuah universiti oleh Kerajaan Negeri sendiri boleh dilihat sebagai satu persediaan kepada usaha meningkatkan kemahiran teknik yang diperlukan di masa hadapan untuk keperluan pembangunan negeri. Universiti Pembangunan Pulau Pinang atau (UPPP) ini boleh didirikan dengan tujuan menyediakan pendidikan kelas dunia dan peluang untuk penelitian dan perkembangan iaitu R & B dalam lingkungan yang luas dari industri teknologi serta teknologi informasi dan komunikasi iaitu ICT. UPPP ini boleh menyediakan sebuah sistem pendidikan yang memiliki dengan luas industri dan masyarakat dalam perkembangan baru yang inovatif dan kegiatan penelitian dan pembangunan untuk Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Tuan Speaker, saya terus pergi ke topik yang ketiga iaitu pelancongan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh membangunkan industri pelancongan Pulau Pinang sebagai destinasi bukan sahaja dalam pelancongan alam semula jadi dan pengembaraan malah juga boleh sebagai destinasi untuk *meeting's, incentive, convention* dan *exhibition* (MICE). Kerajaan Negeri bukan sahaja boleh menumpukan kepada pasaran pelancong luar negara tetapi juga mesti menarik pelawat pelancong domestik. Kerajaan Negeri mesti menggalakkan pembinaan hotel demi menampung permintaan bagi bilik-bilik hotel serta borong dan dagangan runcit juga boleh digalakkan dengan pembinaan dan pembukaan lebih banyak kompleks-kompleks membeli belah sekali gus peningkatan kadar pengisian premis-premis perniagaan berkenaan. Selain tumpuan pelancongan yang sedia ada, saya mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri juga boleh mempertimbangkan kawasan bukit di KADUN saya iaitu KADUN Paya Terubong sebagai satu tempat pelancongan semula jadi yang baru. KADUN Paya Terubong adalah kaya dengan kawasan bukit semula jadi yang mungkin boleh dijadikan sebagai tempat pelancong yang gemar mendaki atau yang megah semula jadi seperti Bukit Bendera.

Y.B. Timbalan Tuan Speaker, isu yang terakhir Kerajaan Tempatan. Saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri mesti memberi penekanan dan perhatian sepenuhnya ke atas kapasiti ...(dengan izin) pengurusan pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan supaya dapat dipertingkatkan untuk menemui hasrat rakyat jelata menerusi perkhidmatan yang baik terutamanya dalam segi pembangunan, segi kebersihan dan pengindahan persekitaran. Kerajaan Negeri mesti memastikan urus tadbir CAT diterima pakai secara penuh di peringkat PBT. Ini adalah kerana pihak PBT pada peringkat pentadbiran yang paling terdekat dengan rakyat jelata. Sebarang penyelewengan pentadbiran dalam pihak PBT akan menjejaskan imej negeri dalam mempertahankan rakyat jelata.

Dalam masa kemerosotan ekonomi yang dijangkakan, Kerajaan Negeri patut menggalakkan pembangunan sekiranya terdapatnya pemaju-pemaju yang masih bersedia untuk menjalankan projek mereka di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut memberi satu arahan yang jelas atau terang kepada pihak PBT supaya mengujudkan satu iklim yang mempunyai sikap mesra atau satu sikap persahabatan yang menyokong pembangunan iaitu *pro-development* ...(dengan izin). Sesebuah projek pembangunan akan mewujudkan beratus-ratus atau beribu-ribu peluang pekerjaan dan juga membawa pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Penambahan perumahan akan menambahkan pendapatan cukai pintu dan pelbagai pendapatan. Saya berpendapat Kerajaan Negeri patut belajar daripada Dubai atau Abu Dhabi yang kini memang menggalakkan pelbagai pembangunan.

Saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian dan sekiranya boleh memberi arahan yang jelas kepada pihak PBT supaya mempermudah dan mempercepatkan kecekapan dan kelulusan pelan pembangunan supaya sektor pembangunan di Negeri Pulau Pinang tidak terhenti atau tidak terjejas khususnya projek perumahan yang terbengkalai yang telah henti berpuluh-puluh tahun mesti diberi perhatian dan bantuan oleh Kerajaan Negeri supaya projek terbengkalai ini dapat dihidupkan semula dengan secepat mungkin.

Saya di sini juga ingin memperingatkan Kerajaan Negeri supaya prihatin dalam kecekapan pihak PBT dalam kelulusan pelan bangunan dan menggalakkan bukan sahaja pemaju tempatan juga mesti menarik pemaju dari luar negeri atau pun pelabur asing supaya tidak menghentikan pembangunan atau pemajuan di Pulau Pinang khususnya semasa kemelesetan ekonomi yang akan dijangkakan pada tahun hadapan. Bagaimanapun, saya masih ingin menegaskan di sini bahawa segala polisi dan peraturan dalam pelan pembangunan masih perlu dipatuhi oleh pemaju dalam segala aspek.

Sebagai penutup, untuk kejayaan pembangunan dalam tempoh panjang, kerjasama atau semangat kerja berpasukan adalah mustahak yang melibatkan semua pihak. Antara pemimpin dengan golongan akar umbi dan antara penjawat awam dengan rakyat jelata umpama pepatah yang berbunyi “berat sama dipikul ringan sama dijinjing, ke bukit sama didaki, ke lurah sama diturun”. Kerajaan Negeri mesti memastikan dasar-dasar pembangunan terus di perhebatkan selain daripada dasar-dasar baru yang perlu digubal. Manakala golongan pemimpin akar umbi umpamanya Ahli-ahli JKKK adalah bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat yang benar agar hasrat murni kerajaan untuk memajukan dan memakmurkan negeri dapat disampaikan ke rakyat jelata.

Sementara ini saya ingin menegaskan lagi prinsip CAT patut disampaikan dan difahami oleh sektor awam dan sektor awam hendaklah sama-sama mendukung hasrat dan dasar-dasar kerajaan agar segalanya dapat dilaksanakan dengan prinsip CAT. Y.B. Timbalan Tuan Speaker, saya di sini ingin mengakhiri ucapan saya dan memohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Tuan Speaker:

Terima kasih, Y.B. Bagan Dalam dipersilakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady:

Terima kasih Y.B. Timbalan Tuan Speaker di atas memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.B. Timbalan Tuan Speaker, saya yakin Bajet 2009 akan membawa manfaat kepada keseluruhan rakyat Pulau Pinang tidak kira bangsa, agama dan keturunan. Oleh yang demikian, Bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri amat galakkan untuk *cussion off* ...(dengan izin), kesan krisis kewangan.

Langkah-langkah yang positif telah diambil oleh Y.A.B. Ketua Menteri seperti menggalakkan lebih pelabur-pelabur asing melabur di Negeri Pulau Pinang. Setakat ini seperti dibentangkan dalam ucapan bajet sebanyak RM7.3 bilion telah dilabur dan angka ini lebih daripada tahun lalu. *But now*, baru-baru ini Barisan Nasional bising-bising atas perbelanjaan rombongan yang pergi untuk cari pelaburan. Saya tidak faham mengapa Barisan Nasional bising-bising. Kalau kita tidak keluar ke negara asing macam mana hendak cari pelabur-pelabur. Pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat mengambil inisiatif dalam kerja mereka bukan macam Barisan Nasional mahu bising. Kalau kita mahu pergi luar pun mahu bising. Kalau kita tidak pergi ke luar negeri macam mana kita boleh dapat pelaburan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Sebenarnya, Barisan tidak bising pun, dia kata hendak cari pelabur dekat luar pergilah cuma dia tanya dari segi rombongan itu banyak mana yang pergi. Kalau pergi 50 orang boleh bawa masuk RM50,000 pelaburan, orang kata tidak berbaloilah. Itu sahaja. Pergi, pergi hendak keluar ke India ke, hendak cari lagi ramai pun tidak mengapa.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):

Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan Pakatan Rakyat sentiasa jaga kebajikan rakyat Pulau Pinang. Perbelanjaan RM17 juta sebagai pemberian bantuan wang ihsan adalah satu langkah positif untuk menolong rakyat-rakyat miskin. Kerajaan lalu langsung tidak beri perhatian kepada golongan yang miskin ini. Saya pun hairan kenapa Ketua Pembangkang Y.B. Penaga membantah kuat RM17 juta ini kepada rakyat-rakyat. Pemberian wang ini bukan satu perkara yang aneh. Mungkin ini aneh kepada Barisan Nasional. Kalau kita tengok di luar negara seperti Singapura, Thailand mereka beri wang kepada rakyat mereka yang miskin. Y.B. Timbalan Tuan Speaker, baru-baru ini barang-barang keperluan semua sudah naik harga, apa salah memberi RM100 untuk bantuan orang-orang miskin.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya ingat maksud Ahli Penaga tu bukan dia bantah cuma duit sebanyak itu boleh selesaikan miskin tegar dengan cara lain juga dan lebih berkesan itu saja maksud dia.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):

Dia tak ada di sini untuk beri apa maksud.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta penjelasan. Saya beristirahat di luar dengar kata saya membantah bila yang saya bantah saya cuma beri perangkaan nak bagi rebat air kepada semua keluarga untuk menghapuskan miskin tegar bagi seorang RM1,000 satu hari selesai masalah. Lebih RM12 juta itu boleh buat kursus ka, bengkel ka, latihan ka apa ka motivasi ka, bagi modal meniaga ka itu jangan Yang Berhormat nak kata tak tau la masa itu masa saya berhujah itu. Yang saya bantah itu 170,000 buah keluarga ini termasuk semua sekali yang miskin tegar, miskin, tak berapa miskin yang senang sikit-sikit semua dapat itu saya kata. Kalau RM17,000 itu khusus untuk miskin tegar selesai masalah dan juga *support* golongan miskin. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):

So, itu Yang Berhormat tidak bantahlah. Sokong pemberian wang kepada rakyatlah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bukan mencadangkan bagi RM1,000 satu keluarga? Saya bantah kalau nak bagi sampai nak bagi 170,000 itu RM100 sampai 170, saya tak fikir di Pulau Pinang ini 170,000 buah keluarga perlukan bantuan RM100 bantuan air itu. Itu yang saya bantah.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):

Pembasmian kemiskinan tegar di kalangan penduduk-penduduk di Pulau Pinang adalah satu perkara yang harus dipujikan. Pembangunan tak bermakna kalau miskin tegar tak dapat dihapuskan dengan memberi *priority* kepada hapuskan kepada kemiskinan tegar kerajaan sedar bahawa pembangunan harus membawa kekayaan dan hidupan selesa kepada rakyat jelata.

Walau bagaimanapun wang sebanyak RM4,916,430,000 yang diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan pada pendapat saya tidaklah mencukupi. Ada banyak permohonan oleh orang miskin tidak dapat disempurnakan kerana tidak mencukupi wang. Mungkin kerajaan patut cari jalan untuk meninggikan peruntukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat selaras dengan konsep kerajaan untuk meninggikan mutu hidup rakyat Pulau Pinang. Lagipun harga barang-barang keperluan semua telah naik oleh yang demikian orang-orang miskin perlu lebih bantuan untuk hidupan harian.

Y.B. Tuan Speaker, tentang bantuan terhadap Sekolah Agama, Cina dengan peruntukkan RM8.5 milion untuk Sekolah Agama, Cina dan Tamil sangat-sangatlah digalakkan. Ini kerana tak salah saya pertama kali Kerajaan Negeri Pulau Pinang membuat bantuan macam ini. Ini akan menggalakkan *Multi-education* yang polisi Pakatan Rakyat *to encourage* ...(dengan izin).

Mutu pelajaran di Sekolah Cina adalah tinggi jika dibandingkan dengan Sekolah Kebangsaan. Guru-guru di Sekolah Cina adalah lebih komited. Baru-baru ini mutu pelajaran di sekolah-sekolah Tamil juga memuaskan dengan lebih bantuan dari Kerajaan Negeri prestasi Sekolah Tamil akan meningkat dan Pulau Pinang akan menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain. Barisan Nasional selama ini melalui MIC tidak mengambil langkah-langkah yang mencukupi untuk membantu sekolah-sekolah Tamil. Seperti Yang Berhormat dari Air Itam berkata pagi ini, sekolah-sekolah Tamil seperti Sekolah Rajaji di Air Itam dan Sekolah Azad di Jalan Bagan Jermal dalam keadaan teruk. Sekolah Tamil di Rajaji saya

ingat seperti kata satu papan yang mengasingkan kelas-kelas kalau you tolak papan pun boleh jatuh. Macam itu keadaan sekolah-sekolah Tamil. Saya harap Kerajaan Negeri boleh memberi bantuan yang lebih daripada 1.5 kepada Tamil untuk menjadikan Sekolah Tamil suatu tempat yang sesuai untuk pelajaran. Di setempat seperti saya lihat di Batu Kawan sekolah-sekolah Tamil pun dijalankan di kontena-kontena *classes* walaupun peruntukkan ini kecil saya harap boleh dinaikkan pada masa depan.

Lagi satu perkara yang saya ingin sentuh ialah Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil. Program ini sangat memberi faedah kepada peniaga kecil dan penjaja dengan kemungkinan pekerja-pekerja dari kilang akan hilang kerja kerana kemerosotan ekonomi maka program ini boleh membantu pekerja-pekerja yang hilang kerja untuk memulakan perniagaan kecil. Walau bagaimanapun jumlah RM500,000 yang diperuntukkan tidaklah mencukupi. Di kawasan saya Bagan Dalam ada ramai orang yang datang meminta wang dari menanya untuk membuat perniagaan kecil, setakat ini kita tidak wang macam itu bajet ini mesti dipujikan kerana ini adalah satu permulaan. Saya harap dalam masa depan peruntukkan ini boleh ditinggikan. Peniaga kecil ini mestilah digalakkan supaya lebih orang boleh melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Dari segi perumahan, rancangan Kerajaan Negeri untuk menentukan setiap keluarga memiliki rumah sendiri patut dipuji selepas 51 tahun merdeka Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat menyelesaikan isu perhubungan di Pulau Pinang. Kesusahan yang dihadapi oleh rakyat semasa banjir boleh dielakkan dengan Perumahan Kos Rendah yang dibina di tempat-tempat tertentu dan elakkan dari tempat-tempat banjir. Tadi Yang Berhormat dari Telok Ayer Tawar mengatakan orang-orang Melayu miskin tidak dapat juga membayar wang untuk deposit RM2,000 ka RM4,000 ka untuk membeli rumah untuk program kerajaan akan berjaya?. Saya ingin bertanya apa UMNO buat 50 tahun? 50 tahun UMNO tidak dapat meninggikan pendapatan mutu hidupan orang-orang Melayu di Pulau Pinang. Inilah hari ini UMNO ada di pihak pembangkang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Sebenarnya UMNO dah buat banyak dah rumah yang mana membantu untuk deposit ada juga ni perumahan yang nak dibuat oleh Kerajaan Negeri sekarang adalah tambahan daripada ribu-ribu rumah-rumah murah yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional termasuk UMNO.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Penjelasan. Saya bersetuju dengan Y.B. daripada Bagan Dalam. Memang parti UMNO telah pun menghampakan masyarakat, di kawasan saya sendiri sekitar yang telah saya bangkitkan di kawasan saya nasib nelayan-nelayan di kawasan Sungai Gelugor yang semuanya terdiri daripada orang Melayu telah langsung tidak dihiraukan sehingga mereka merempat tak boleh keluar daripada kawasan mereka menggunakan bot-bot mereka ...(dengan izin). Sebab itulah di kawasan saya sendiri mereka telah mengundi parti pembangkang sekarang parti pemerintah. Jadi saya rasa apa yang dinyatakan oleh Y.B. daripada Bagan Dalam memang benar dan itulah hakikatnya. Baru-baru inilah kita menyelesaikan masalah nelayan-nelayan di kawasan tersebut dan saya bangga bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat yang diterajui oleh Ketua Menteri dan Ahli-ahli EXCO dapat menyelesaikan masalah itu dalam jangka masa 6 bulan walaupun kerajaan yang dahulu tak menghiraukan mereka dan membenarkan projek-projek yang sepatutnya di kawasan tersebut pembinaan pangsapuri mewah tanpa menghiraukan nasib mereka terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):

Yang Berhormat dari Seberang Jaya mesti tahu dalam pilihan raya kecil di Permatang Pauh di mana lebih daripada 70 peratus orang-orang Melayu dan UMNO kalah, ini menunjukkan orang Melayu pun tak sokong kepada UMNO.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Dia kadang-kadang hari ini nampak Yang Berhormat pakai baju warna kuning. Pada masa itu Yang Berhormat minat pada baju itu jadi pada masa musim pilihan raya tertentu termasuklah kata kami UMNO yang menang semua dan Permatang Pauh pada masa dan ketika itu suasana itu masih lagikan orang minat warna biru muda dan sebagainya. Lepas ini orang akan minat pada biru tua pula. Pada masa itu bukan kerana racial minat orang Melayu, UMNO tak tolong dan sebagainya bukan itu. Bukan itu, bukan itu pada masa dan ketika itu macam yang dikatakan oleh Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Penjelasan. Saya tak boleh terimalah. Y.B. Tuan Speaker. Pertanian juga tidak diabaikan dalam Bajet 2009 dari segi pertanian tidak ada tumpuan yang diberi oleh kerajaan untuk menanam sayur-sayuran untuk keperluan rakyat harga sayur-sayuran kini makin menambah dan menyusahkan orang miskin. Satu tempat khas untuk *vegetable garden* ...(dengan izin) haruslah ditubuhkan untuk membekal kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang dengan harga berpatutan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Minta penjelasan sikit sementara dok cari dokumen nak cakap tu. Sebenarnya Kerajaan Pusat Persekutuan dan UMNO kita juga sekarang ini sedang melancarkan Program Bumi Hijau suruh tanam sayur dalam pasu kat flat kat rumah-rumah semua ini juga membantu juga. Prihatin Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Boleh bantu baguslah. Akhir sekali saya ingin nyatakan tentang pelancongan. Pelancongan adalah satu bidang yang begitu mustahak kepada Pulau Pinang. Macam-macam aktiviti telah dilakukan saya ingat Yang Berhormat dari Permatang ada *suggest* bahawa *night market* ini ada saya setuju kita mesti ada satu *night market* mesti ada aktiviti bukan aktiviti yang tidak morallah. Kita mesti ada *night market* yang macam itulah. Beli-belah boleh dilakukan oleh *tourist-tourist* di sesuatu tempat yang tertentulah jadi di Campbell Street ka boleh jadi Gurney Drive ka di mana-mana tempat sehingga pukul 12.00 ka sehingga pukul 1.00 ka *still* boleh pi beli barang-barang di situ. Ini mesti digalakkan Penang boleh jadi satu tempat yang *tourist* ingin datanglah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Dato' Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya rasa Ahli Kawasan Bagan Dalam ini bagus la *idea* tu sebab masa kita tengok di Germany, di Joseph Dolve umpamanya dia punya *nightmarket* dia jual barang-barang saja barang-barang yang pasar, kecil, ikan, sayur, dia jual barang-barang yang berjenama. Bagus juga *idea* tu, boleh.....(ketawa).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):

Terima kasih. Dengan itu, Y.B. Tuan Speaker saya ingin mengakhiri ucapan saya dan saya pohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Terima kasih YB Bertam dipersilakan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Bt Wahab):

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Y.B. Tuan Speaker, YAB Ketua Menteri tak ada pun tak apa kita sebut, sebab dia dengar kan, YB Ketua Pembangkang, Yang Berhormat-Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker kerana memberikan kebenaran dan peluang kepada saya untuk turut serta dan sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Jumaat yang lalu.

Y.B. Tuan Speaker, peranan wanita dalam setiap aspek kehidupan dalam dunia ini memang tidak dapat dinafikan lagi oleh sesiapa pun. Tanpa wanita dunia tidak akan menjadi. Kerajaan Negeri juga menyedari hakikat ini dan prihatin kepada golongan wanita dengan menyediakan peruntukan untuk kemajuan dan kebajikan golongan wanita di negeri ini. Namun pada pendapat saya, peruntukan ini tidaklah begitu besar dan tidak begitu menyeluruh berbanding dengan peranan yang diberi oleh golongan wanita. Ianya hanya tertumpu kepada beberapa kawasan tertentu sahaja. Adalah lebih baik sekiranya peruntukan itu ditambahkan lagi agar semua kawasan dapat menikmati kemudahan yang diberikan. Peruntukan yang diberikan untuk membaiki pusat perkhidmatan wanita dan pusat jagaan kanak-kanak hanyalah untuk Seberang Jaya di Daerah Seberang Perai Tengah, Kawasan Bayan Baru atau Bayan Lepas di Daerah Barat Daya dan Padang Tembak di Daerah Timur Laut. Bagaimana dengan daerah yang lain iaitu Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan tidak dinyatakan. Adakah kemudahan yang disediakan telah lengkap sehingga Kerajaan Negeri tidak menyalurkan sedikit pun daripada peruntukan untuk kedua-dua daerah ini. Apa pun, ia masih memerlukan perhatian daripada Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, saya memohon agar kedua-dua daerah ini juga diberi perhatian. Golongan wanita di kedua-dua daerah ini

juga perlu diberikan peruntukan oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan dan melaksanakan program-program yang bersesuaian untuk kemajuan dan pembangunan wanita di daerah-daerah ini oleh itu saya harap dapat perhatian daripada Kerajaan Negeri.

Y.B. Tuan Speaker, sejak beberapa bulan lalu saya tidak nampak Kerajaan Negeri melaksanakan program untuk pembangunan wanita sama ada di peringkat negeri atau daerah. Saya juga ingin tahu dan mendapat penjelasan mengenai program yang dirangka dalam tempoh tujuh atau lapan bulan yang lalu. Jika ada, saya ingin tahu hasil atau kesannya kepada kemajuan atau pembangunan wanita secara keseluruhannya. Menyentuh tentang golongan wanita ibu tunggal, mereka ini adalah golongan yang mana kematian suami, isteri-isteri yang dicerai dan tidak lagi berkahwin selepas itu dan yang sudah lanjut usia tapi masih tidak berkahwin dan juga golongan wanita yang bersuami tetapi terpaksa mencari nafkah sendiri untuk membiayai keluarga kerana suami tidak berdaya atau uzur untuk bekerja. Golongan-golongan ini ada dikategorikan di dalam golongan miskin dan miskin tegar. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membela nasib mereka ini dan bagaimana caranya hendak berikan kail dan bukannya ikan seperti YAB Ketua Menteri katakan tempoh hari. Berapakah jumlah mereka ini yang telah dikenal pasti pada setiap kawasan?

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri menyediakan program khusus yang bersesuaian kepada golongan-golongan wanita ini bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang-bidang tertentu agar mereka mampu berdikari dan dapat mencari sumber kewangan sendiri. Banyak agensi kerajaan yang ada, yang man mereka ini boleh membantu menjayakan misi ini demi memastikan nasib golongan wanita yang kurang bernasib baik ini terbela.

Y.B. Tuan Speaker Kerajaan Negeri memperuntukkan RM160,000 untuk membina pusat jagaan kanak-kanak di Bayan Baru atau Bayan Lepas, RM150,000 untuk membaik pulih Pusat Perkhidmatan Wanita di Seberang Perai Tengah dan RM100,000 untuk menambah baik Pusat Jagaan Kanak-kanak di Padang Tembak. Apa pun saya berharap peruntukan tersebut ditambah lagi bagi mencukupkan keperluan yang dirancang agar matlamat membela nasib wanita dan kanak-kanak tercapai di semua kawasan. Menyentuh tentang pemuda dan belia.

Y.B. Tuan Speaker," Pemuda harapan bangsa pemudi tiang Negara" itulah ungkapan yang sering kita dengar untuk menggambarkan betapa tingginya kita meletakkan harapan kepada golongan muda, remaja dan belia. Mereka adalah golongan yang akan mewarisi kehidupan dan penerus kesinambungan generasi yang akan datang. Kalau baik mereka

ini, maka baiklah anak cucu kita atau generasi akan datang. Semua ini bukanlah boleh dilakukan dalam sekelip mata tetapi mengambil masa yang lama dan penuh berhemah. Mereka perlu dijaga, diawasi, dibelai dan disiram dengan penuh kasih sayang. Ilmu pengetahuan yang cukup sama ada untuk dunia dan akhirat perlu dicurahkan kepada mereka. Dengan ilmu pengetahuan yang pelbagai saya yakin belia yang bakal kita bentuk untuk mewarisi negeri ini akan mampu mengemudi negara ini dengan penuh yakin, tabah dan mempunyai daya juang yang tinggi untuk menghadapi apa-apa saja rintangan yang mendatang. Sesungguhnya pun begitu peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM230,000 untuk menyediakan macam-macam latihan semula dalam pelbagai bidang adakah ianya mencukupi. Berapa lama latihan yang ditawarkan kepada mereka untuk memastikan mereka benar-benar mahir dan dapat menguasai bidang yang dipelajari itu. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai jumlah belia yang akan terlibat dengan latihan yang akan disediakan kelak, jenis kursus yang ditawarkan dan adakah ia berdaya maju untuk melengkapkan diri belia terbabit untuk menghadapi dunia pekerjaan sekarang yang semakin mencabar. Dan bagaimanakah pemilihan calon-calon ini akan dilakukan.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai kursus atau latihan yang dirangka untuk tahun depan agar ini benar-benar memberi manfaat kepada golongan sasaran. Kita tidak mahu kursus yang ditawarkan kelak tidak sesuai dengan keadaan atau permintaan semasa. Mengenai peranan sektor swasta dalam membantu Kerajaan Negeri menjayakan matlamat ini. Apakah sumbangan yang mereka yang boleh diberikan untuk sama-sama berganding bahu dengan Kerajaan Negeri untuk menjadikan golongan belia adalah golongan yang produktif dan mempunyai potensi besar untuk berjaya dalam pelbagai bidang jika dibimbing atau diberi peluang membuktikan kemampuan masing-masing.

Y.B. Tuan Speaker, suatu masa dahulu Pulau Pinang memang terkenal dengan bidang sukan. Kita juga banyak melahirkan bintang di peringkat negeri, kebangsaan dan dunia. Sebagai contoh, kita ada dua jaguh yang bertaraf dunia seperti Dato' Nicole Ann David dalam permainan *squash* dan Dato' Lee Chong Wei dalam permainan badminton. Namun, kegemilangan ini agak menurun walaupun kedua-dua mereka ini berjaya di peringkat antarabangsa yang lainnya nampaknya ada berkurangan. Usaha perlu dilakukan untuk memulihkan keadaan ini kerana kita mempunyai potensi yang besar dalam pelbagai acara dan permainan sukan. Atlet yang berbakat perlu terus berada di Pulau Pinang agar mereka mewakili negeri dalam sebarang acara yang dipertandingkan. Yang penting, kebajikan

mereka perlu dijaga untuk memastikan mereka terus berada di Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk menarik kembali atlet yang mempunyai nama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa ini untuk kembali mencurahkan keringat di Pulau Pinang. Apakah ganjaran yang boleh disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membolehkan mereka kembali ke sini. Amat malang bagi Pulau Pinang apabila semua bintang berhijrah ke bandar besar terutamanya ke Kuala Lumpur dan Selangor. Akhirnya Pulau Pinang hanya menjadi kilang untuk menghasilkan atlet cemerlang tetapi kemudiannya diambil oleh negeri lain. Kita harap perkara ini tidak akan berlaku lagi. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri perlu memikirkan kaedah terbaik agar semua atlet yang dapat terus berada di Pulau Pinang atau sekurang-kurangnya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Bt Wahab):

Sat lagi jawab.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Sedikit ja penjelasan, sedikit ja.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Bt Wahab):

Duduk dulu, duduk dulu, duduk dulu, duduk sat dulu, berbakti kembali kepada Pulau Pinang. Mungkin Kerajaan Negeri dapat menyerap mereka sebagai pegawai atau kakitangan dalam anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Ini adalah pelaburan jangka panjang untuk menjadikan Pulau Pinang terus cemerlang dalam bidang sukan.

Y.B. Tuan Speaker, nampaknya orang kurang upaya ataupun (OKU) hanya diberikan peruntukan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan dan menyediakan kemudahan mesra OKU di tempat-tempat awam. Mereka ini juga perlu didedahkan penglibatan mereka dalam bidang sukan dan pembangunan diri. Oleh yang demikian, saya sarankan agar Kerajaan Negeri pandang-pandanglah golongan ini.

Peruntukan untuk golongan ini juga perlu bagi menjayakan program-program yang bersesuaian untuk mereka. Golongan OKU ini juga mahukan hiburan dan riadah dan mahu berjaya dalam kehidupan mereka seperti orang lain. Saya yakin dan percaya sekiranya mereka diberikan peluang mereka mampu berdikari.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri melaksanakan projek pembangunan dan infrastruktur secara seimbang untuk kelima-lima daerah di dalam negeri Pulau Pinang ini. Berdasarkan kepada maklumat dan huraian Bajet 2009 yang dibentangkan, saya dapati ianya tidaklah menyeluruh ke semua daerah dan lebih tertumpu kepada daerah tertentu sahaja. Perkara ini perlu diperbetulkan agar rakyat di setiap daerah mendapat nikmat pembangunan yang sebenar. Kita harus ingat bahawa setiap rakyat adalah pembayar cukai kepada Kerajaan Negeri dan mereka berhak mendapat yang setimpal terutama di kawasan luar bandar yang terpencil mereka pun rakyat Pulau Pinang. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai jabatan kerajaan sama ada di peringkat persekutuan atau peringkat negeri yang banyak membantu menjayakan proses pembangunan terutamanya di kawasan saya(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Bt Wahab):

Saya nak habis dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sikit ja penjelasan

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Bt Wahab):

YB Tuan Speaker, saya mohon menyokong, terima kasih...(ketawa).

Y.B. Dato' Speaker :

Terima kasih. YB Batu Uban dipersilakan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker dan juga ahli-ahli Berhormat salam sejahtera kepada semua dan juga salam sejahtera kepada YB dari parti pembangkang kita. Saya mengucapkan terima kasih.....(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Batu Uban dipersilakan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l v. Subramaniam):

Terima kasih. Y.B. Tuan Timbalan Speaker dan juga Ahli-ahli Berhormat, salam sejahtera kepada Y.B. Parti Pembangkang kita. Saya mengucapkan terima kasih atas kesudian dan kebenaran Y.B. Timbalan Speaker untuk membenarkan saya berucap atas ucapan Bajet 2009 oleh Y.A.B. Ketua Menteri kita. Saya sesungguhnya mempercayai Dewan Yang Mulia ini selaku satu institusi Tertinggi Demokrasi akan mempraktikkan prinsip-prinsip demokrasi dan tidak mengetepikan mana-mana pihak terutama sekali mana-mana rakyat Pulau Pinang dari segi bajet 2009 dan seperti saranan Y.A.B. Ketua Menteri merangkumi tiga aspek yang utama iaitu merencanakan pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan menjamin keadilan sosioekonomi.

Di dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi Yang Amat Berhormat telah menggerakkan pelaburan, industri kecil dan sederhana tatkala terdapat saingan Pulau Pinang dan Malaysia daripada negara-negara yang beroperasi secara kos pengeluaran yang kecil, rendah daripada China, India, Vietnam dan Combodia. Namun demikian Halal *hub* antarabangsa dititikberatkan pembangunan infrastruktur dan pertanian. Di sektor pertanian Y.A.B. Ketua Menteri juga telah mencadangkan PDC memperuntukkan 200 ekar tanah terbiar untuk dipulihkan bagi sektor pertanian. Ini merupakan satu cadangan yang baik dan perlu disokong oleh semua pihak dan kita juga tidak boleh lupa bahawa George Town merupakan tapak warisan dunia UNESCO dan ini akan menarik pelancong asing ke negeri kita. Dan *point* kedua YAB Ketua Menteri telah mengatakan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan walaupun kita dilanda oleh kemerosotan ekonomi dan pelbagai dugaan dan saya percaya keprihatinan Y.A.B. telah juga membawa kita ke arah masyarakat yang celik teknologi maklumat wayarles dan sektor usahawan dan tabung Pembangunan Latihan Industri Negeri Pulau Pinang ditubuhkan dan Program Bantuan Pendidikan sebanyak RM8.5 juta kepada 172 buah sekolah tidak boleh dinafikan dan ini adalah satu bajet yang baik.

Dari segi menjamin keadilan sosial, membasmi kemiskinan tegar menjadi agenda utama Y.A.B. kita, saya begitu terkejut bila saya mendapati hanya seorang sahaja yang terdapat di Batu Uban menurut statistik Kerajaan yang terdahulu oleh SOP hanya terdapat seorang miskin tegar. Ini khayalan ke, ini fantasi ke. Saya telah pun turun padang bersama pembantu khas khususnya di Kampong Belacan yang ada *twin tower*, Sungai Dua, Taman Hamna, kawasan Bukit Jambul saya percaya kawasan-kawasan ini sahaja terdapat lebih daripada 50 keluarga di dalam keadaan miskin tegar. Dan saya telah pun mengumpulkan nama-nama keluarga-keluarga terbabit lebih kurang 300 dan saya telah memberikan kepada pihak tertentu untuk dibuat siasatan terperinci. Isu seterusnya iaitu bantuan rebat RM100 kepada 170 ribu keluarga. Ini perlu kita memberi penekanan yang kuat kerana 170 ribu keluarga akan mendapat manfaat daripada rebat yang diberikan. Dan seterusnya meningkatkan martabat wanita dan mengenangkan sumbangan wanita, pembangunan belia juga diberi penekanan. Keprihatinan OKU, perumahan satu rumah untuk satu keluarga.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Penjelasan. Sebenarnya saya hendak memberi penjelasan kepada apa yang dikatakan oleh Y.B. Bertam, yang mengatakan bahawa kita perlu menggalakkan sukan, perlu menggalakkan atlet-atlet kita terus berkecimpung di sini dan sebagainya, mungkin beliau tidak sedar mengikut Nicol Ann David telah menjadi ranking nombor satu lebih daripada 2 tahun, tapi gelaran Dato' yang diberi kepada beliau selepas Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri. Yang dok melaung-laungkan kata kita kena galakkan, kenal pastikan mereka dan sebagainya masa mereka dahulu langsung tidak lihat pun Nicol Ann David dengan sekali dengan pemain badminton kita. Jadi tok sahlah datang sini nak bermain politik mengatakan kita harus buat itu, buat ini dan sebagainya. Lihatlah Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah pun memberikan pengiktirafan untuk memastikan bahawa atlet-atlet kita terus berkecimpung dalam sukan tersebut dan memartabatkan Negeri Pulau Pinang dan Negara. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/ v. Subramaniam):

Terima kasih Y.B. Seri Delima. Ingin saya memberi penekanan di sini terdapat juga dua orang rakyat Malaysia yang telah pun mendaki sampai ke puncak Everest tetapi sehingga hari ini tidak mendapat apa-apa peruntukan ataupun gelaran. Tidak ada, tetapi Pakatan Rakyat saya percaya akan menitik beratkan perkara ini.

Izinkan saya kembali kepada perbahasan saya. Saya juga mohon kepada Y.A.B. Ketua Menteri kita supaya dapat menyediakan satu pasar awam untuk orang-orang di kawasan Sungai Dua dan Taman Hamna dengan segera. Isu ini sungguh menekankan kerana pasar di Sungai Dua berada pada tahap dirobohkan dan terdapat sebidang tanah iaitu tanah Kerajaan Negeri yang didiami oleh satu pondok MCA dan saya percaya pondok ini tidak membawa apa-apa kebaikan kepada keseluruhan masyarakat. Kita perlu berfikir untuk kebaikan masyarakat majmuk di kawasan itu dan saya percaya pondok itu berada di atas tapak Kerajaan Negeri yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dan juga saya percaya walaupun tidak ada projek untuk membina pasar saya menyarankan supaya Kerajaan Negeri meningkat taraf tanah tersebut dan mengetarkan tanah tersebut supaya kawasan itu boleh digunakan sebagai satu pasar siang hari pada waktu pagi. Pada waktu petang boleh digunakan sebagai kawasan *parking* dan pada waktu malam boleh juga digunakan sebagai pasar malam. Ini saya percaya dengan idea sebegini kita ikut dengan kejayaan di kecapi oleh orang-orang di Lorong Kulit, pasar siang. Jadi tempat di persekitaran USM, Taman Hamna mereka selalunya membuat *double parking*.

Ada juga yang buat *triple parking*. Jadi kita perlu prihatin akan kehendak rakyat tempatan di sana, kita perlu menyediakan ruang-ruang letak kereta dan juga dengan cara mengetarkan kawasan tanah yang semak samun dan terbiar sebegini, kita boleh mempergunakan untuk kebaikan masyarakat di sana. Jadi saya menyarankan agar melalui prinsip C.A.T. ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memperoleh satu bidang tanah dan jika tanah yang terbiar dan tidak diusahakan melalui projek penswastan oleh Taman Hamna, saya tuju khusus kepada Lot 9117 dan saya percaya lot ini Kerajaan boleh ambil balik gunakan untuk pajakan sebagai satu pembantuan kepada masyarakat di sana sebab saya percaya kita tidak boleh paksa *our Muslim Brothers* yang tinggal di kawasan Taman Hamna untuk terus ke pasar malam dan memberi sayuran, ikan dan membeli daging dan sebagainya. Kita perlu adakan satu pasar. Ini memberi satu bantuan kepada pihak-pihak yang telah pun mengendalikan pasar, dan mereka sekarang berada dalam lingkungan umur 50-an, 60-an. Jika pasar yang ada itu dirobohkan di manakah pergi punca mata pencarian mereka. Penjaja-penjaja dan juga penggerai-penggerai itu perlu diletakkan semula. Saya percaya di kawasan Batu Uban sehingga hari ini satu projek untuk membuat pasar tidak tercapai di dalam pentadbiran kerajaan yang terdahulu.

Saya percaya dengan Kerajaan ini kita dapat mempercepatkan proses ini. Ini bukan sahaja memberikan peluang pekerjaan kepada warga

tua yang telah menjalankan perniagaan di tapak pasar selama 30 tahun kebelakangan ini tetapi ini akan meningkatkan pendapatan mengurangkan kadar jenayah dan saya percaya Y.B. Tuan Speaker secara tidak langsung kita juga boleh membantu masyarakat majmuk di kawasan itu terutama *sekali our Muslim Brothers, our Chinese Brothers and also our Indian Brothers there* ...(dengan izin), untuk menyediakan satu tapak terbuka. Saya percaya jika kita boleh gariskan petak-petak itu, tempat itu merendahkan bebanan *parking* di sana dan ini juga akan mengorak langkah untuk *to revolve economy* ...(dengan izin). Untuk memberi peredaran, saya percaya dengan cara begini kita dapat meningkatkan pendapatan dan golongan yang berpendapatan rendah.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga menyokong saranan Y.B. Pulau Tikus ketika beliau berbahas. Y.B. Pulau Tikus menyuarakan bahawa setiap KADUN diberikan satu rumah bersama dua orang pembantu sepenuh masa sebagai Pusat Khidmat Tetap dengan kemudahan elektronik dan komputer. Cara ini, apa salahnya jika diberi peluang jadi bagi saya habis dululah. Sabar dulu Dato', bagi saya habis dulu, kita jangan ubah Pusat Khidmat ini sebab Pusat Khidmat ini akan menjadi strategi, tempat lokasi yang mustahak sebab bila kerajaan berpindah pusat khidmat pun berpindah. Ini JKKK kita nak ambil alih pun ada masalah.

Jadi saya sarankan dan saya percaya Kerajaan Negeri boleh menyediakan satu tapak ataupun satu rumah daripada Kerajaan sendiri di mana terdapat kepadatan rakyat di sana, kita boleh mendirikan satu pusat khidmat bersama dua orang pembantu khas dan kita boleh memberikan servis yang padu kepada rakyat Pulau Pinang walaupun perkara ini tidak difikirkan langsung oleh kerajaan terdahulu dan saya percaya perkara ini boleh kita angkat bersama-sama dan melaksanakan dengan prinsip C.A.T. Ini bukan sahaja dapat menyalurkan tenaga kerja kita kepada orang miskin, orang-orang kurang upaya, saya percaya dengan perjalanan sebegini kita ada transparensi kita walaupun jika seandainya, seandainya sebab kadang-kadang Kerajaan Barisan Nasional ini jatuh ke tanah, walaupun jatuh tersungkur misai tidak kena tanah. Walaupun Dato' tadi bagi tahu, ini pendulum ini boleh *swing* tuan-tuan dan puan-puan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Hj. Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, sebelum Yang Berhormat pergi ke tajuk lain mengenai dengan *service centre* tadi memang semua ADUN-ADUN Barisan Nasional punyai *service centre*, punyai pegawai pembantu sampai kami jadi pembangkang pun masih ada lagi, sendiri punya, dahulu memang gaji pembangkang itu ada dibayar oleh kerajaan, elaun kepada pembantu, sekarang ini kami tidak dapat elaun, tetapi kami masih *maintain*

itu lagi. Kalau mengatakan bahawa *service centre* ini untuk diadakan bagi wakil rakyat, kami hendak tengoklah *service centre* yang dibuat oleh pihak kerajaan. Kami memang sudah ada, walaupun kami tidak dapat satu sen sekarang.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Y.B. Batu Uban perbincangan Y.B. masih panjang lagi tidak kerana sekarang sudah pukul sepuluh. Panjang lagi tidak. Sila terus.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Saya ingat maksud Y.B. Pulau Tikus ialah ADUN *centre* yang kerajaan bagi ADUN *centre* kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di semua kawasan ialah memudahkan semua Ahli Wakil Rakyat yang selepas mereka yang sudah kalah tidak payah panggil mereka punya kereta atau apa ambil mereka punya dokumen pergi. Dokumen itu perlu tinggal di ADUN *centre* itu dan boleh ADUN yang baru buat *follow-up* ...(dengan izin). Maksudnya mungkin macam ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tetapi lain cakupannya, bukan pasal dokumen angkat semua. Tidak sebut pun tadi sekarang Yang Berhormat membangkitkan tentang dokumen pula. Mereka yang bawa itu adalah hak peribadi, kalau komputer mereka, mereka beli sendiri mereka boleh bawa, tetapi kalau itu kerajaan punya, boleh minta balik.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Terima kasih Dato'. Saya percaya ini *succession of power* ini walaupun kita telah bertugas untuk rakyat, tidak perlulah sorok-sorok ada dokumen tinggalkan. Jadi pihak yang selepas datang itu boleh teruskan khidmat untuk rakyat, kenapa hendak angkat usung dokumen itu hendak bikin harta buat apa, lepaskan di sana yang kerja yang tidak dapat dihabiskan kita boleh tolong habiskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta penjelasan kawan saya daripada Batu Uban. Terima kasih sikit sahaja, sekarang bila kita memberi elaun kepada pembantu kita harus dinyatakan bahawa kita memberi elaun itu daripada di atas inisiatif sendiri

dan tidak ada bantuan yang kita minta daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Itu menunjukkan bahawa kita memang komited, serius untuk memberi perkhidmatan bukan seperti Kerajaan sebelum ini yang mendapat bantuan daripada Kerajaan untuk memberi elaun-elaun kepada pembantu. Sekarang tidak, sekarang kita menggunakan wang poket sendiri ADUN-ADUN menggunakan wang poket sendiri untuk memberi elaun kepada pekerja-pekerja kita, itu menunjukkan ketelusan, menunjukkan prinsip CAT, beza sekali dengan kerajaan dahulu, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat, tadi saya dengar dengan jelas Batu Uban sebut macam itu, kerajaan patut menyediakan itu, itu, sekarang ini Seri Delima pula kata dengan bantuan wang sendiri, sekarang yang mengeluarkan wang sendiri ialah kami. Kami tidak minta pun, yang minta ialah Batu Uban sebentar tadi.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/I V. Subramaniam):

Tidak, ini adalah syor saya, jadi saya minta kalau ini boleh membantu rakyat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Hj. Azhar bin Ibrahim):

Itulah Yang Berhormat dari Seri Delima kata itu tidak betul lah, okey.

Y.B. Timbalan Speaker:

Yang Berhormat Batu Uban sila gulung.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/I V. Subramaniam):

Yang Berhormat saya percaya kita pun mengeluarkan duit poket kita sendiri untuk menguruskan pusat khidmat itu, walaupun ada setengah daripada golongan kami diberikan sebagai jawatan EXCO kami terpaksa menolak, sebab kami ada amanah untuk menjalankan tugas kami dan di samping menjalankan tugas sebagai wakil rakyat, kami bukan daripada kerajaan yang bila *client* datang untuk berikan kes, kita bukan hendak menolak *client* dan menolak rakyat. Kita jaga juga dua-dua. Jadi kita ikhlas dari segi itu, kita bukan nak ambil saja apa yang didirikan. Isu saya yang terakhir bagi saya Y.B. Tuan Speaker, 8.1 di muka surat 37 seperti yang telah pun dibangkitkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri isu keselamatan

rakyat Pulau Pinang harus diberi satu penekanan yang mustahak sebab Y.A.B. Ketua Menteri juga telah mengatakan bahawa perlu mencegah, membanteras jenayah di Pulau Pinang. Jadi apakah ini bermaksud bahawa Kerajaan Persekutuan tidak memberi kerjasama kepada kerajaan rakyat Pulau Pinang. Saya percaya walaupun dana permulaan RM1 juta oleh Kerajaan Negeri diberikan dan kita juga telah memohon RM14.8 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Kita biarkan politik berasingan. Ini isu keselamatan yang merangkumi kesemua rakyat di bawah Jalur Gemilang. Jadi isu keselamatan rakyat perlu diutamakan dan dengan itu dan saya juga mengatakan dengan memasang sistem CCTV sahaja tidak mencukupi sebab *photo finish* kadang-kadangnya tidak boleh digunakan sebagai keterangan di mahkamah. Kita perlu adakan *photo finish* dengan *mega pixel* yang bagus yang boleh sehingga melihat gambar sehingga ke bulu roma baru boleh tangkap penjenayah itu. Jadi mega pixel ini mesti tinggi dan *zooming effect* nya mesti ada sebab kadang-kadang kita ada *video finish* ini, *print out* ini, tetapi tak ada pendakwaan boleh dibuat sebab penjenayah ini dia cerdik, dia selalu menutup muka dengan helmet dan sebagainya. Kita perlu adakan satu *intelligent skill* yang meletakkan CCTV jangan bagi pembukaan kepada mata awam di mana letaknya kamera-kamera tersebut di tempat-tempat awam untuk menjaga keselamatan. Dengan itu saya memohon menyokong bajet 2009.

Y.B. Timbalan Speaker:

Terima kasih Y.B. Batu Uban. Dewan ini akan disambung semula pada 19 November 2008, jam 9.30 pagi. Terima kasih.

Dewan Ditangguhkan Pada Jam 10.10. Malam.